



## **DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

### **PENGGAL KETIGA**

### **MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 01 APRIL 2015 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

### **YANG HADIR**

**Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

**Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad,D.P.M.S. (Chempaka)**

**Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)**

**Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)**

**Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)**

**Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)**

**Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)**

**Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)**

**Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)**

**Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)**

**Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad(Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)  
**(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Ibrahim bin Mat Mom

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahhitalla Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang ketiga 1 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

## I. DOA

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat. Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2015 Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MSNS Holdings Sdn. Bhd. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

## II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi Yang Berhormat semua sebelum saya meneruskan Agenda Pertanyaan ingin saya mengalu-alukan kedatangan YB. Dato' Amiruddin ADUN Anak Bukit dari Kedah. Selamat datang.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, soalan nombor 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

## TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah di antara 1722 hektar tanah yang telah dijalani pemetaan komuniti telah digazetkan sebagai rizab orang asli?
- b) Apakah KPI (*Key Performance Indicator*) kerajaan dalam pewartaan rizab orang asli?
- c) Senaraikan usaha baru yang telah dilaksanakan untuk komuniti orang asli pada 2015

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Tuan Speaker, Damansara Utama. Kerajaan Negeri telah mewartakan Tanah Simpanan Kg. Orang Asli Sg. Bumbung Pulau Carey melalui Warta Kerajaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebanyak kluasan 329.6 ekar. Untuk tahun 2015, lokasi-lokasi kawasan Orang Asli di daerah Sepang telah mempunyai Pelan Akui (PA) seluas 210.239 ekar dan ini adalah dalam proses pewartaan dan tiga kampung ini adalah Kampung Orang Asli Bakok, Kampung Orang Asli Kelinsing, Kampung Orang Asli Sungai Buah.

Bilangan kampung dan kawasan pemetaan komuniti sudah di siap untuk diperakui oleh Tok Batin dan juga JKKK serta Lembaga Adat Orang Asli adalah sebanyak 6 kampung dengan kluasan 921.11 ekar. Pelan komuniti tanah adat Orang Asli yang telah di siap diperakui oleh Batin dan JKKK Orang Asli di hantar di Pejabat Tanah Daerah bagi tujuan rujukan dan semakan untuk pewartaan. Kerajaan Negeri melalui Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor (BBTOAS) sejak lantikannya pada tahun 2014 telah mensasarkan sejumlah 10 kampung Orang Asli dan juga kawasan Orang Asli untuk tahun 2015 bagi kerja pemetaan komuniti tanah Adat Orang Asli.

Untuk tahun 2015, beberapa inisiatif baru telah dilaksanakan setakat tiga bulan ini antaranya adalah mengenal pasti projek pembangunan berskala kecil di kawasan Orang Asli, mempromosikan kebudayaan Orang Asli Suku Mameri dalam tahun melawat Selangor 2015. Menyelaras dan juga membantu komuniti Orang Asli Bukit Tadong, Kuala Langat dengan kerjasama agensi pelancongan untuk membangunkan tanah Adat mereka sebagai tapak rekreasi dan juga pelancongan.

Keempat, Kerajaan Negeri membantu dua pelumba sukan pemotoran Orang Asli di angkat menjadi ikon belia Negeri Selangor berserta penajaan perlumbaan... perlumbaan ya betul.

Kelima, Kerajaan Negeri melalui BBTOAS bagi tahun 2015 memulakan merekod *point-point* GPS kedudukan setiap lokasi Kampung Orang Asli Negeri Selangor sebagai rujukan Kerajaan.

Keenam, Kerajaan Negeri melalui BBTOAS mengadakan perjumpaan Batin-batin dan JKKK di Peringkat Daerah serta wakil Orang Asli setiap bulan mulai tahun ini dan akhirnya mengadakan program penerangan dan pengesahan pelan komuniti tanah Adat di setiap kampung yang telah siap pengukuran kawasan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sorry, apakah sasaran keluasan tanah yang akan diwartakan pada tahun 2015.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Haah... kita tidak mensasarkan melalui keluasan kerana satu, kita bergantung kepada kerjasama Batin-batin, JKKK dan juga Lembaga Adat di mana bila pemetaan telah dibuat dan satu proses untuk memperakui yang diluluskan oleh Batin siapa yang cepat dia akan dapat PA. Jadi sesiapa yang dapat mengesahkan pemetaan yang dibuat oleh pasukan BBTOAS akan dapat diluluskan secepat mungkin.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tapi apa yang terjadi dengan 1,722 hektar sudah ada pemetaan komuniti.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ini ada beberapa peringkat. Satu kita membuat pemetaan ini prosesnya. A. Kita buat pemetaan kawasan Orang Asli dan kawasan Orang Asli ini dipohon oleh Batin ataupun JKKK. Keduanya, pelan itu akan dipersembahkan ataupun dibentangkan kepada JKKK dan juga Batin untuk mereka mengesahkan. Kebanyakan kes kita ada pertindihan ataupun Batin ataupun JKKK ingin membuat pelan pemetaan semula sekali lagi maka mereka lait pasukan daripada BBTOAS dengan kerjasama orang-orang kampung akan buat sekali lagi pemetaan tersebut. So, apa yang kita telah laksanakan di peringkat Kerajaan Negeri adalah untuk membuat satu pelan yang awal untuk mereka mengesahkan. Jadi apa yang telah dipersetujui dan disahkan oleh Batin dan JKKK itu akan dihantar untuk ke Pejabat Tanah dan Daerah untuk mendapat dengan izin surveyor yang bertauliah dan ini juga dibayar oleh Kerajaan Negeri di mana mereka akan buat survey yang betul dan PA akan dikeluarkan lepas itu dihantar kepada Kerajaan Negeri untuk diluluskan untuk pewartaan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Biasanya dari pemetaan sampai ke penggazetan ambil masa berapa lama biasanya dan ada tak sebarang cabaran yang dihadapi dalam yang menyukarkan proses ini dijalankan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Kebanyakan kesnya mengambil lebih daripada satu tahun. Satu, saya rasa ini bukan cabaran ataupun masalah tetapi kerana ini adalah tanah Adat Orang Asli maka kita perlu selalu rujuk kepada mereka kalau ada kesilapan ataupun mereka yakin ada kawasan tambahan dan sebagainya kita perlu ulang-alik antara orang kampung dan juga Batin ataupun JKKK.

Keduanya juga kita bukan selalu boleh masuk ke kampung Orang Asli bukan selalunya ada orang, kampung ataupun Batin, JKKK yang berada dalam kampung

tujuh hari seminggu. Jadi kita juga ikut jadual mereka di mana mereka ada masa untuk menemani pasukan BBTOAS iaitu orang yang diberi tanggungjawab untuk membuat pemetaan tersebut dan kadangkala jadual ada *clashing* lah maksudnya kalau kita ada masa mereka tidak ada masa dan ini memanjangkan proses pemetaan komuniti ataupun dalam proses untuk mengesahkan peta yang telah dibuat pada awalnya oleh BBTOAS maka masa yang lama saya memang yakin lah ini adalah satu perkara yang kita telah ada *expectation* lah. Walau bagaimanapun kita ada dapat kerjasama yang amat bagus daripada orang-orang kampung dan kita memang yakin untuk tahun ini sekurang-kurangnya ada 10 kampung yang sedia untuk diwartakan untuk tahun 2015.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARA)**

**TAJUK : USAHAWAN BELIA**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program terkini untuk melibatkan golongan belia menjadi usahawan?
- b) Selain daripada modal, adakah terdapat program latihan membentuk usahawan muda yang berjaya?
- c) Apakah sasaran kerajaan untuk mewujudkan usahawan belia yang berjaya tahun 2015?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Yang pertamanya program Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan belia adalah melibatkan usaha sama dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS. Di bahagian PKNS di bawah bahagian pembangunan usahawan ada dua program yang secara langsung menerus untuk membantu golongan belia dalam membantu budaya keusahawanan.

Pertamanya, program itu dinamakan sebagai Program Perintis Usahawan yang melibatkan anak-anak di Sekolah Rendah pada permulaan ini 6 buah sekolah di seluruh Selangor terlibat di dalam Program Perintis Usahawan ini.

Yang kedua, program itu dinamakan sebagai Program Tunas Niaga ataupun sekarang dinamakan sebagai *Protune* yang melibatkan 49 buah sekolah di seluruh Negeri Selangor dan program ini sebenarnya bermula sekitar 1998 lagi dengan nama Program Usahawan Muda Selangor.

Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, sejak tahun 1998 sebanyak 18,200 usahawan-usahawan muda yang telah kita latih dan pada tahun 2014 sahaja sebanyak 1,225 usahawan muda di kalangan pelajar-pelajar sekolah Menengah telah terlibat. Selepas daripada itu, kita telah tubuhkan yang dinamakan sebagai Kelab Permata Selangor sebagai kesinambungan terhadap program-program tersebut dan program tersebut telah melibatkan 8 buah universiti-universiti tempatan dan swasta di negeri Selangor seperti Universiti Putra, MSU, Unisel, INSPEL dan Universiti Islam Antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, namun memandangkan bidang keusahawanan begitu lebar dan besar pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi juga menganjurkan beberapa program untuk menggalakkan keusahawanan dalam atas talian ataupun dipanggil *online business*.

Setakat ini ada empat program yang kita anjurkan seperti Karnival Megasale 2014, Pesta *Vintage* dan Kebudayaan Selangor, Fesyen *Street* di Temasya Selangor 15 dan Garage Bazar yang telah melibatkan lebih daripada 400 usahawan-usahawan *online* yang sebahagian besarnya melibatkan anak-anak muda.

Soalan b, selain daripada bantuan modal untuk mengembangkan perniagaan seperti dalam Skim Mikrokredit, SKIMSEL dan MiMBAR, Kerajaan Negeri juga menawarkan latihan-latihan seperti berikut:-

- i) Program kursus Kontraktor Binaan Muda Negeri Selangor ataupun KoBinas.
- ii) Bengkel Peningkatan Pendapatan Jualan Melalui *Facebook* ataupun dipanggil *Simplified Facebook Marketing*.
- iii) Bengkel meningkatkan semangat keusahawanan diri dalam diri usahawan iaitu Bengkel Mangkin Keusahawanan Diri dengan kerjasama MASMED, UiTM.
- iv) Bengkel Penulisan Kertas Kerja Perniagaan.
- v) Seminar Memborong di China dan Vietnam.
- vi) Seminar Talks ASEAN Economic Committee (AEC), Foreign Direct Investment (FDI), Free Trade Agreement (FTA), eksport, import dan pelaburan secara *world cafe* dan lain-lain perkara yang atas permintaan semasa.

Selain itu, saya maklumkan juga ini yang dianjurkan oleh Unit Perancang Ekonomi. Selain itu, pihak PKNS dan juga pihak Perangsang melalui anak syarikat Kerajaan Negeri juga ada program-program lain yang saya tak boleh sebutkan di sini sebabterlalu panjang.

Yang ketiga, Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah mengabaikan golongan belia ataupun generasi muda. Seperti sedia maklum, usaha muda lebih cenderung menjalankan perusahaan atau perniagaan secara talian. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengambil serius tuntutan ataupun keperluan generasi muda yang memerlukan anjakan dan dorongan ekonomi digital. Kewujudan Internet berkelajuan tinggi membuka pelbagai ruang kemajuan kepada golongan muda serta meningkatkan “*connectivity social*” bandar dan desa. Dalam hal ini seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato’ Menteri Besar dalam Belanjawan Negeri Selangor tahun 2015 Kerajaan Negeri akan bekerjasama untuk meningkatkan komunikasi dengan meletakkan lebih 2,500 *hotspot WiFi* dengan kelajuan 1Mbps dengan lingkungan seluas 100 meter secara percuma. Mengambil kesempatan dan kemudahan yang bakal tersedia, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan membangunkan platform pemasaran atas *online Selangor Entrepreneurship Marketing Platform*.

Selain itu, saya sedia maklumkan tadi bahawa dengan Permata tadi ataupun Kelab Permata Selangor tadi kita juga terus menerus memberikan bantuan lebih kepada 18,000 usahawan-usahawan yang telah terlibat sementara dalam program-program yang telah dilancarkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO ada menyebut tentang SkimSell dan Mimbar dalam kategori belia. Cuma kita melihat, bila sebut SkimSell MiMBAR ini, kebanyakan yang dihadiri oleh orang-orang yang lebih dewasa, orang yang lebih berumur. Apakah Kerajaan bersedia menganjurkan satu MiMBAR Muda ataupun SkimSell muda, mungkin khusus untuk belia-belia di masa akan datang.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Pada masa ini ataupun waktu ini, belum ada perancangan untuk cadangan tersebut. Namun cadangan yang telah dikemukakan oleh Paya Jaras boleh saya ambil tindakan dengan serius selepas ini. Cumanya saya sedia maklumkan bahawa pada ketika ini Pihak Bahagian ataupun Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menubuhkan satu mesyuarat bulanan yang melibatkan semua agensi, ya. MiMBAR, SkimSel, pihak seperti MiMBAR, SkimSell, PKNS dan Perangsang dan juga Unit Perancang Ekonomi. Kerana kelima-lima agensi ini semuanya terlibat dalam pembangunan usahawan.

Justeru semua bahagian ini juga akan melihat secara menyeluruh khususnya di bahagian Pembangunan Belia Negeri Selangor. Juga akan menyalurkan usahawan-usahawan muda melalui Program-program PeBT nanti supaya *alert* ataupun keprihatinan di kalangan usahawan-usahawan muda, bakal-bakal usahawan ini dapat kita kembangkan di masa depan. Namun begitu cadangan tersebut kita akan nilaikan, dan *Insya-Allah*, saya akan bawa kan dalam Sekretariat nanti untuk menujuhkan satu program supaya menggalakkan program pembangunan usahawan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, soalan nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah unit Rumah Mampu Milik yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015?
- b) Di manakah lokasi yang telah dikenal pasti untuk pembinaan Rumah Mampu Milik ini?
- c) Berapakah anggaran harga yang akan ditawarkan kepada pembeli?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih kepada Seri Andalas. Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan 239 oleh Kota Damansara dan soalan nombor 269, Sekinchan. Kerajaan Negeri pada tahun 2015, terdapat enam (6) projek Rumah Selangorku yang mengandungi 1,532 unit yang dijangkakan akan dibina oleh Kerajaan Negeri sendiri, iaitu melalui Anak Syarikatnya sama ada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, PKNS, Permodalan Negeri Selangor Berhad, PNSB, Selaman Sejati Sendirian Berhad dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, LPHS. Rumah-rumah tersebut, adalah projek-projek tersebut adalah PKNS Di Antara Gapi, Serendah, dan juga di Taman Rasa, Serendah. Sebanyak 80 unit Di Antara Gapi dan harganya serendah RM150,000.00 sebuah. Dan di Taman Rasa Serendah, sebanyak 66 unit dengan harga RM200,000.00 sebuah. Sementara projek PKNS di Kampung Seri Temenggong sebanyak 418 unit dengan harga RM165,000.00 sebuah. Dan PNSB di Ladang Air

Manis, Sabak Bernam, 260 unit. Di antara RM200,000.00 hingga RM220,000.00 sebuah. Dan Selaman Sejati Sendirian Berhad di Jalan Rusa, Daerah Klang, 86 unit, iaitu RM42,000.00 hingga RM180,000.00 sebuah. Dan LPHS, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di Taman Ukay Indah, Sungai Sering, Daerah Gombak, Fasa Satu sebanyak 124 unit, dengan harga jualan RM 220,000.00 sebuah. Ini bermakna bahawa keseluruhan yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri sendiri adalah sebanyak 1,532.

Untuk soalan yang selanjutnya, iaitu pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 26 projek Rumah Selangorku, yang terdiri daripada 9,935 unit. Walau bagaimanapun, satu projek yang terdiri daripada 315 unit telah memulakan pembinaannya pada 2014. Bakinya masih di peringkat penyediaan pelan konsep dan kelulusan pelan-pelan bangunan. Projek-projek yang dibangunkan, projek yang dibangunkan itu adalah oleh Tetuan Glomac Land Sendirian Berhad, di Batu 22, Ijok Saujana Aman, Daerah Kuala Selangor. Dan untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2014, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, telah membuat tawaran kepada 1,624 pemohon, bagi 9 Rumah Mampu Milik di daerah-daerah berikut :

Bil	Tempat	Projek	Tawaran (pemohon)
1.	Hulu Langat	2	45
2.	Petaling	3	449
3	Hulu Selangor	1	129
4	Sepang	3	1,001
		<b>JUMLAH</b>	<b>1,624</b>

Berkenaan dengan perkembangan terkini Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku, sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk membina sekurang-kurangnya sebanyak 35,000 Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku sehingga 2018. Dari tempoh Januari 2010 hingga 1 Mac 2015 sebanyak 71 Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku dengan jumlah unit 24, 265 unit telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Status pelaksanaan keseluruhan rumah-rumah ataupun projek-projek tersebut adalah sedemikian :

Bil. Projek	Siap dibina	Dalam Pembinaan	Belum dibina

71	4	9	58
----	---	---	----

Kerajaan Negeri telah memandang serius, akan keadaan di mana pemaju-pemaju telah melengah-lengahkan akan pembinaan Rumah Selangorku ini. Dan di antara tindakan yang telah kita lakukan adalah yang pertama adalah dengan memanggil pemaju-pemaju itu dan juga kita akan ‘*black list*’ atau menyenarai hitam akan pemaju-pemaju yang telah diberi kelulusan untuk membina Rumah Selangorku tetapi tidak membinanya. Dan untuk terkini atau untuk tahun ini sahaja pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan 9 projek dengan jumlah unit, 11,833 unit Rumah Selangorku. Ini adalah di bawah Insentif Galakan Rumah Selangorku 2015, yang diumumkan oleh YAB Dato’ Menteri Besar pada Belanjawan 2015, di mana kita mensasarkan 15,000 unit dibina untuk tahun ini. Mula dibina untuk tahun ini. Dan setakat ini sebanyak 11,833 unit telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri ataupun telah mendapat kebenaran merancang. Dan setakat ini juga sebanyak empat projek telah dilancarkan di tapak.

Bil	Pemaju	Projek	Unit
1.	Sime Darby Properties	Mukim Kapar, di Bukit Kapar	2,403
2.	Bandar Rimbau Sendirian Berhad	Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	2,330
3.	Gemilang Waras Sendirian Berhad	Mukim Klang	695
4.	Gabungan Efektif Sendirian Berhad	Mukim Klang	1,041

Pada minggu ini juga akan dilancarkan satu lagi iaitu di Seksyen U10, Daerah Shah Alam, Daerah Petaling oleh Pemaju Sin Hiap Lee Sendirian Berhad. Setakat ini projek-projek lain yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang adalah :

Bil	Pemaju	Projek	Unit
1.	Lakefront Residence	Cyberjaya	1,932

2.	Eco Majestic Sendirian Berhad	Mukim Beranang	870
3.	Jade Homes Sendirian Berhad	Pekan Kajang Daerah Hulu Langat	714
4.	Seribu Baiduri Sendirian Berhad	Bandar Saujana Putra	1,312
		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11,833</b>

Dan kekangannya adalah sekarang ini sama ada pihak pemaju dapat membuat permohonan kebenaran merancang seperti mana yang kita tetapkan. Sebab kita mahu ataupun kita telah pun membuat satu keputusan iaitu Kerajaan Negeri menjanjikan bahawa kebenaran merancang dapat diberi dalam masa 60 hari daripada tarikh kelulusan EXCO. Dan untuk 11 projek tahun ini, bahawa ke sebelas-sebelas projek ini telah dapat diluluskan secepat mungkin. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal Rumah Selangorku, Jawatankuasa Pemantauan Rumah Selangorku dan Jawatankuasa Induk. Tujuan keseluruhan Jawatankuasa ini adalah :

1. Untuk membantu pemaju supaya mempercepatkan pembinaan atau mendapat kelulusan-kelulusan yang diperlukan.
2. Supaya mereka tidak lagi melengah-lengahkan pindaan.
3. Seterusnya adalah untuk memastikan bahawa rumah yang dibina itu telah menurut kualiti justifikasi yang telah ditetapkan. Sebab kita tak mahu mengulangi kesilapan pembinaan rumah kos rendah di mana kebanyakannya adalah dalam keadaan yang amat mendukacitakan dan Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir RM30,000,000.00 untuk membaik pulih rumah-rumah tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Seri Andalas dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:**Terima kasih. Saya nak tanya EXCO ni, adakah Kerajaan Negeri bersetuju ataupun cadangan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik ini dibuat sendiri oleh Lembaga Perumahan ataupun cadangan untuk adakan *joint venture* dengan pemaju-pemaju di dalam Negeri Selangor.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dalam hal ini Kerajaan Negeri amat terbuka, sebab kita ada beberapa cara di mana rumah mampu milik itu akan dibina.

Yang pertama adalah melalui peraturan mewajibkan pemaju yang mempunyai tanah lebih daripada 5 ekar dan 10 ekar, membina rumah mampu milik sama ada 30% atau 40 %. Yang keduanya, adalah, ada pemaju-pemaju yang telah datang kepada Kerajaan Negeri sendiri dan mencadangkan tanah mereka dibina Rumah Mampu Milik. Yang ini kita sedang melihat atau mengkaji satu demi satu daripada projek tersebut sama ada oleh Kerajaan Negeri melalui beberapa vehicle Kerajaan Negeri sama ada Lembaga Perumahan ataupun anak-anak syarikat seperti PKNS ataupun seperti PNSB. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Memandangkan Kerajaan telah berusaha keras untuk memperbanyak pembinaan Rumah Mampu Milik ini bersama pihak swasta. Saya nampak di sini, sekiranya apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya pihak pemaju swasta, yang berjanji untuk membina sekian-sekian unit, tiba pada masa rumah itu, janjinya tidak ditunaikan, apakah tindakan, yang pertama. Yang kedua, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, adakah mereka mempunyai kapasiti untuk memantau semua projek yang sebegini besar, begitu banyak, mereka ada kemampuan untuk memantau atau tidak. Bagaimana? Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih. Ada dua isu di situ. Sebenarnya tiga isu. Iaitu pemaju yang *submit* atau membuat permohonan untuk kebenaran merancang. Dia kena bina unit seperti mana yang ditetapkan oleh kebenaran merancang. Dia tak boleh buat selain daripada yang diluluskan, yang pertama. Yang kedua, adalah pemaju yang mendapat kelulusan daripada EXCO untuk membina Rumah Mampu Milik. Memang betul kita lihat banyak yang telah tidak membina ataupun melengah-lengahkan pembinaan, kita telah memanggil mereka dan kita bagi *dateline*, pada bulan 6 ini, bahawa semua kena *submit* permohonan untuk kebenaran merancang. Kebenaran merancang ini tak ada masalah lagi. Mereka tak boleh kata lambat. Saya sendiri akan mempergerusikan Jawatankuasa Induk tersebut dan kita janji kita, 60 hari daripada kelulusan EXCO terus boleh dapat kebenaran merancang. Dan kita bincang segala-galanya di peringkat di SUK, dengan saya pengerusinya. Jadi bermakna bahawa memang kita bercadang, atau kita dah menghantar surat bahawa kita akan *black list*, bukan saja syarikat tetapi kita akan *black list* pengarah-pengarah syarikat yang terlibat. Yang kedua, sama ada kemampuan Lembaga Perumahan. Kalau kita rujuk balik kepada manifesto 2013, Pilihan raya 2013, bahawa kita nak memperkuatkanlah, memperkuuhkan supaya Lembaga Perumahan ini dapat menjadi satu badan yang dapat fokus kepada Rumah Mampu Milik juga. Jadi bermakna sekarang ini boleh, tapi dalam kita nak *expand* ataupun kita nak memastikan bahawa lebih banyak rumah-rumah ini boleh kita pantau, kita kena *expand*, Lembaga Perumahan kena *expand* dan mencari kakitangan-kakitangan untuk memastikan bahawa dapat dilakukan. Sebab *long term* kita, adalah kita hendak mengujudkan satu badan

seperti mana di Singapura iaitu HDB. Kita sedang melihat lah, mungkin Lembaga Perumahan ini merupakan *first step*, sebelum ia menjadi satu *cool flash developer*, seperti HDB. HDB pun, mereka ada satu unit di dalam HDB yang telah dikeluarkan daripada HDB di Singapura itu menjadi syarikat tersendiri. Seperti Subarna Holding, Subarna di dalam HDB itu, asalnya ia unit *engineering*, unit kejuruteraan di dalam HDB. Tapi dikeluarkan untuk menjadi satu entiti yang berbeza. Begitu juga dengan Lembaga Perumahan, mereka ada *development unit*, unit pembangunan. Mungkin akhirnya unit pembangunan di dalam Lembaga Perumahan ini akan menjadi unit tersendiri, fokus untuk rumah-rumah Mampu Milik. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang dulu.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya ada tak, seingat saya, dikatakan akan ada insentif yang akan diberikan kepada mereka yang menawarkan diri untuk terlibat dalam pembinaan Rumah Selangorku atau Rumah Mampu Milik ini. Jadi boleh saya tau, apa jenis bentuk insentif yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tiga intensif utama iaitu kita telah menurunkan premium padahal hanya 10% sahaja seperti mana yang diumumkan semasa Belanjawan yang lepas. Premium diturunkan nombor satu. Kedua, *development case* ataupun cas pembangunan dikecualikan untuk rumah mampu milik. Jadi bermakna jika mereka ada projek yang besar, jadi ialah kalau untuk rumah Selangorku sahaja tidak perlu membayar *development case*, itu yang kedua. Yang seterusnya adalah dari segi *density* ataupun kepadatan mereka boleh membina sehingga 120 unit untuk satu ekar, sekiranya keadaan membenarkan. Jadi tiga yang pertama, premium dikurangkan. Kedua, dikecualikan cas pembangunan. Ketiga, adalah peluang untuk menambah ataupun kemungkinan untuk menambah kepadatan sehingga 120 unit seekar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat tersebut, adakah kerajaan ada membina rumah mampu milik atau rumah yang diberikan kepada rakyat tempat-tempat yang, ataupun kawasan-kawasan yang telah maju, contohnya saya di Dusun Tua, ramai penduduk di sana dan kadang-kadang bertanya juga. Apakah Dusun Tua ini tidak boleh ke kerajaan membuat rumah mampu milik di sana? sedangkan tanah kerajaan banyaknya. Tanah di Dusun Tua. Dan keduanya, harga rumah mampu milik ini, ada juga yang bertanya. Mampu milik, mampu milik, jadi harga tu, katanya "harga terlalu

tinggi”, kata orang yang hendak membeli rumah ini. Bagaimana kerajaan negeri, mungkin harga ini akan diturunkan sedikit atau bagaimana? Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat, yang pertama di Dusun Tua memang kalau ada tanah di situ, kalau ada permintaan daripada Dusun Tua bahawa Kerajaan Negeri melihat boleh tanah tersebut boleh diberikan atau dicadangkan kepada kerajaan negeri untuk menjadikan membina rumah mampu milik. Tetapi dalam perancangan kita keseluruhannya, kita memang melihat kepada kawasan-kawasan pembangunan utama. Kalau Dusun Tua ada cadangan dan kerajaan atau cadangkan minta mana-mana anak syarikat kerajaan negeri untuk bersama-sama dalam projek tersebut. Tentang harga. Harga adalah dari RM42, 000.00 hingga RM250,000.00. Bermakna kita ada pelbagai jenis harga untuk pelbagai jenis pendapatan rakyat, jadi tidak bermakna hanya RM 250,000.00 tetapi ada daripada juga RM42,000.00 seunit. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terdapat permintaan tinggi untuk rumah mampu milik di kawasan bandar seperti di Shah Alam umpamanya tetapi malangnya tiada tanah-tanah yang terdapat di bandar. Pilihannya adalah untuk *a burn renewal* bangun semula flat-flat lama. Siapa yang bertanggungjawab untuk bangun semula flat lama? Adakah GLC kerajaan? Atau dibuka kepada syarikat-syarikat swasta?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat bertanyakan di tempat saudara. Di tempat Yang Berhormat, di mana PKNS telah melihat sama ada *possible* atau sama ada, mungkin atau tidak untuk memajukan flat-flat kos rendah di Shah Alam jadi bermakna untuk menjawab jawapan tu, ya PKNS mungkin salah satu daripada salah satu syarikat tersebut tetapi kerajaan negeri terbuka dan memang ada cadangan daripada syarikat-syarikat swasta yang telah bertemu dengan penduduk sendiri dan berbincang dengan penduduk, sama ada penduduk setuju atau tidak untuk dibangunkan rumah-rumah tersebut. Rumah-rumah yang lama, rumah-rumah yang kusam tersebut. Kerajaan Negeri terbuka dalam hal ini dan kita mengalu-alukan walaupun ia nya daripada swasta tetapi ia kena mematuhi lah syarat-syarat yang ditetapkan. Cuma masalahnya di negara kita, mungkin kita kena tukar undang-undang ini iaitu *consent* ataupun persetujuan perlu 100% dari penduduk-penduduk baru boleh kita bangunkan. Tetapi kalau di Singapura atau di negara-negara lain adalah 75%, 70% hingga 80% sahaja. Jadi kekangannya, adalah persetujuan daripada penduduk. Jadi untuk menjawab soalan asal kalau ada pemaju yang

bersetuju atau yang berminat Kerajaan Negeri boleh mendengar dan boleh menebat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan No.12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PENJUALAN TALAM CORPORATION KEPADA KERAJAAN NEGERI**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keseluruhan anak-anak syarikat kerajaan negeri yang terlibat melakukan usahasama dengan Talam?
- b) Berapakah kerugian yang ditanggung anak-anak syarikat hasil usaha sama yang gagal ini?
- c) Nyatakan pecahan hasil daripada "bailout" ini yang digunakan untuk membiayai Geran Selangorku?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, empat (4) anak syarikat terlibat dalam penglibatan pengambilan tanah Talam melalui kaedah *global settlementAgreement* ataupun GSA adalah Permodalan Nasional Selangor Berhad (PNSB), Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Pendidikan Industri Yayasan Sdn. Bhd. dan Bukit Beruntung Golf Club Sdn. Bhd. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan negeri pada tahun 2008 telah memulakan proses pengambilan tanah daripada Syarikat Talam melalui inisiatif GSA yang saya nyatakan tadi dan inisiatif ini terpaksa dimulakan oleh sebab Syarikat Talam tidak dapat melaksanakan projek-projek seperti yang termaktub dalam perjanjian usaha sama. Dan pada masa yang sama juga, Syarikat Talam tidak dapat menyelesaikan masalah premium ke atas tanah-tanah tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, jumlah hutang Talam kepada kerajaan negeri dalam bentuk premium atau keuntungan tertunggak hasil usaha sama dengan anak-anak syarikat kerajaan negeri adalah berjumlah RM392 Juta. Oleh sebab Talam sudah tiada lagi kedudukan tunai bagi menyelesaikan hutang pada kerajaan negeri, maka kerajaan negeri telah memulakan proses pengambilan tanah daripada syarikat Talam seluas 4,158 ekar yang bernilai sama dengan nilai hutang Talam sebanyak RM392 Juta. Tiada kerugian sebenar yang dicatatkan sebab ia hanyalah *ourtinity lose* bagi pihak kerajaan negeri memandang tanah-tanah yang berkenaan tidak

dibangunkan dan tidak dapat menjana hasil tunai seperti yang dirancang dari peringkat awal, maka dengan pengambilan balik tanah daripada Talam ini kerajaan negeri berhasrat untuk membangunkan tanah-tanah tersebut oleh empat anak-anak syarikat yang saya nyatakan tadi dan daripada usaha ini keempat-empat syarikat ini telah membuat sumbangan tunai kepada kerajaan negeri RM68 Juta bagi tujuan menjayakan program Geran Selangorku sebelum ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih YAB Dato' Menteri Besar atas jawapan tadi. Cuma saya ingin menyatakan juga seperti mana yang disebutkan Yang Amat Berhormat tadi, tiada kerugian yang ditanggung oleh anak-anak syarikat disebabkan *joint venture agreement* yang tidak menjadi tetapi kebanyakan hasil daripada keuntungan ataupun "*bailout*" ini diberikan untuk Geran Selangorku. Dan apakah yang terjadi dengan anak-anak syarikat empat ini sepatutnya dikatakan rugi daripada segi *ourtinity lose* ini apakah tidak diberi gantikan semula kepada anak-anak syarikat ini sedangkan kerajaan negeri mengambil keuntungan "*bailout*" ini Geran Selangorku. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Sukacita saya memperbetulkan kenyataan Yang Berhormat Dengkil sebentar tadi bahawa berlakunya "*bailout*" dalam program ini . Saya hendak menegaskan, tidak ada sebarang "*bailout*" yang dilakukan. Seperti mana yang saya tegaskan tadi, Syarikat Talam berhutang dengan kerajaan negeri berjumlah RM392 Juta hasil daripada kegagalan Talam membayar premium tanah dan juga keuntungan tertunggak hasil usaha sama dengan kerajaan negeri maka jumlah hutang yang ditanggung oleh Syarikat Talam sebanyak RM392 Juta ini tidak dapat ditunaikan maka kerajaan negeri merampas dan mengambil alih tanah-tanah milik Talam bagi menampung hutang yang tidak dibayar oleh Syarikat Talam. Jadi ini bukan satu "*bailout*" seperti yang difahami oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Setelah kerajaan negeri mendapat aset tanah Talam ini yang berjumlah yang seluas 4,158 ekar yang sama nilainya jumlah hutang Talam RM392 juta, maka tanah-tanah 4,158 ekar ini telah dipindahmilik kepada empat syarikat, anak syarikat tadi. PNSB, diperuntukkan sebanyak 1,275 ekar, Kumpulan Hartanah sebanyak 1,545 ekar, kemudian Bukit Beruntung Golf Club Sdn. Bhd. 25 ekar dan Pendidikan Industri Yayasan Sdn. Bhd. 1.313 ekar . Dengan keluasan tanah yang diberikan kepada anak-anak syarikat ini. GLC yang saya katakan tadi diminta untuk membangunkan tanah tersebut dan hasil pendapatan daripada kerajaan negeri melalui anak-anak syarikat yang berkenaan. Walau bagaimanapun pada ketika ini mereka telah membuat sumbangan tunai kepada kerajaan negeri mengikut *passion* yang diberikan. PNSB telah menyumbang RM29.2 Juta, Kumpulan Hartanah Selangor menyumbang RM29.31 Juta, Bukit Beruntung Golf & Club menyumbang RM8.5 Juta dan Pendidikan Industri Yayasan Sdn. Bhd. RM7.2 Juta. Maka jumlah inilah yang telah digunakan oleh kerajaan

negeri, hasil sumbangan tunai daripada Program Geran Selangorku berjumlah RM68 Juta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Soalan nombor 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PEMBINAAN LANGAT 2**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2?
- b) Senaraikan semua tangki atau kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 bersama kapasitinya?
- c) Bilakah Fasa 2 akan bermula siap?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih pada Bukit Gasing yang bertanya. Puan Speaker, saya mohon izin lebih masa untuk menjelaskan untuk pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2? Dan insya-Allah saya akan menjawab kepada beberapa perkara, di antara berkenaan pendirian kerajaan negeri Selangor ke atas pelaksanaan projek Loji Langat 2. Yang kedua, berkaitan dengan status pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 itu sendiri dan ketiganya senarai semula tangki atau kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 bersama dengan kapasitinya seperti yang ditanyakan oleh Bukit Gasing. Dan juga Fasa 2 bagi Langat 2 ini. Dari segi kerajaan negeri Selangor ke atas bahawa pelaksanaan projek Rawatan Air Langat 2 ini terutama sekali perlu difahami ia tiada kaitan dengan pelaksanaan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Pembangunan Projek Loji Rawatan Air Langat 2, adalah merupakan projek di bawah penyeliaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) dan diuruskan oleh Pengurusan Aset Air Berhad ataupun PAAB. Kerajaan negeri Selangor tiada maklumat terperinci mengenai perundingan dan kontraktor yang dilantik oleh projek ini. Berkenaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2, Kerajaan negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berdasarkan *value of money*. Prinsip *value of money* bukan sahaja pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat pada masa akan datang. Kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam tarif air yang akan dihitung oleh rakyat umumnya. Kerajaan negeri juga menyarankan setiap kontraktor

yang akan terlibat dalam projek pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 ini hendaklah dilantik melalui sistem tender terbuka yang tulus bagi memastikan kontraktor yang dilantik itu kelak adalah kontraktor yang benar-benar mahir dan berpengetahuan. Ini adalah memastikan setiap projek yang siap oleh kontraktor yang dilantik itu benar-benar boleh beroperasi dengan baik tanpa memerlukan sebarang kos pembaikan sebaik sahaja projek itu diberikan kepada operator yang akan mengoperasikan loji tersebut. Kerajaan negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-32 Tahun 2014 Bersidang pada 25 Ogos 2014 dan disahkan oleh MMKN Ke-33 /2014 pada 27 Ogos 2014 telah bersetuju pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2. Memandangkan apabila siapnya projek Loji Rawatan Air Langat 2 ini, bayaran harga air mentah akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang -Selangor. Maka Kerajaan Negeri Selangor dengan tegas menyarankan supaya negeri Selangor turun terlibat dalam memberi peranan dalam membuat keputusan berkenaan dengan pelaksanaan projek ini.

Kerajaan Negeri hanya mendapat peluang untuk meneliti spesifikasi teknologi teknikal Loji Rawatan Air Langat 2 untuk fasa pertama setelah kontraktor dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor berpandangan beberapa spesifikasi yang dibuat untuk projek ini adalah berlebihan. Ini sudah tentu akan melibatkan peningkatan kos pembangunan dan kos operasi, contoh yang jelas adalah mengenai spesifikasi sistem proses yang dicadangkan untuk Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2, ia ada melibatkan *dual media* yang menggunakan *granular activated carbon (GAC)*.

Penggunaan sistem proses *dual media* yang menggunakan *granular activated carbon (GAC)* adalah sesuai untuk sumber air yang tercemar yang mencapai tahap kelas 4 iaitu pengelasan air yang terburuk. Persoalannya apakah air yang mengalir di Sungai Semantan yang akan dialirkan ke Negeri Selangor berada pada tahap kelas 4 iaitu sumber air yang mempunyai kualiti yang rendah? Mengapa sungai ini dipilih dan mengapa kerajaan Persekutuan mengambil opsyen ini sebagai jalan penyelesaian menyelesaikan masalah air di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akan membayar kadar sepuluh sen per *cubic meter* kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi bayaran air mentah tersebut. Pada ketika ini, pihak operator air Negeri Selangor hanya membayar sebanyak satu sen per *cubic meter* sahaja. Semua kos ini, akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna melalui bayaran tarif air.

Persoalan-persoalan beginilah yang menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa dalam melaksanakan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 Kerajaan Negeri Selangor hendaklah juga mempunyai kuasa dalam membuat keputusan. Memang tidak dinafikan Kerajaan Persekutuan telah membentuk jawatankuasa Pemandu pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihan di mana Y.A.B. Dato' Menteri Besar

Selangor dan agensi Kerajaan Negeri Selangor merupakan ahli di dalam jawatankuasa tersebut. Namun Negeri Selangor boleh didengar dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan projek ini.

Dari status pelaksanaan Projek Langat 2 pentadbiran Kerajaan Negeri yang terdahulu telah bersetuju meluluskan Pembangunan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 selaras dengan persetujuan dan persefahaman yang telah dicapai antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berhubung Penstruktur Semula Perkhidmatan Industri Air Negeri Selangor melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada 26 Februari 2014.

Dalam melaksanakan Projek Langat 2, ia melibatkan enam belas(16) pakej kerja. Pakej 1B, Paip air mentah dari Terowong Projek Air Mentah Pahang – Selangor ke Loji Rawatan Air Langat 2 dan Paip Terawat Dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat. 2A *Water Treatment Plant*, 2B Kuarters Kakitangan di Loji Rawatan Air Langat. Pakej 3, Loji Rawatan Enapcemar dan Tapak Pelupusan Enapcemar Langat 2. Pakej 4, Kolam Air Imbangan Bukit Enggang Berkapasiti 210 Juta Liter dan Pakej 5, Paip air terawat utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Kolam Air Langat sedia ada dan Air terawat utama dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam air Imbangan Hulu Langat. Pakej 6, Paip air terawat Utama dari Kolam Air Ampang ke Kolam Air AU3. Pakej 6A, Terowong Air Terawat dari Kolam Air Imbangan Hulu Langat ke Kolam Air Ampang. Pakej 7, Kolam Air Imbangan Hulu Langat berkapasiti 92 Juta Liter. Pakej 8, Kolam Air Ampang *Reservoir* Berkapasiti 36 Juta Liter dan Pakej 9, Kolam Air AU3 Berkapasiti 28 Juta Liter. Pakej 10, Paip air terawat utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Lebuh raya Sg. Besi. Pakej 11, Paip air terawat utama dari Lebuh raya Sg. Besi ke Kolam Air sedia ada Bukit Dengkil. Pakej 12, Kolam Air Sg. Besi Berkapasiti 22 Juta Liter. Pakej 13, Kolam Air Bukit Jalil Berkapasiti 22 Juta Liter dan pakej 14, Kolam Air Petaling Berkapasiti 80 Juta Liter. Semuanya 16 pakej. Daripada 16 pakej tersebut hanya 3 pakej yang telah dianugerahkan kepada kontraktor iaitu pakej 1B, Paip air mentah dari Terowong Projek Air Mentah Pahang – Selangor ke Loji Rawatan Air Langat 2 dan Paip Terawat Dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat yang kontraktornya Loh-Loh Construction Sdn. Bhd. Dan pakej 2A, *Water Treatment Plan* kontraktornya Salcon MMC AZRB JV dan pakej 5, Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Kolam Air Langat sedia ada dan Air Terawat Utama dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat dan kontraktornya Jaks Sdn. Bhd.

Pakej-pakej lain akan dianugerahkan secara berperingkat-peringkat dan setakat 28 Februari 2015, Kemajuan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 untuk pakej 2A jadualnya 5% dan keadaan sebenar 3%. Lanjutan dari kelulusan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Majlis Perbandaran Kajang telah memberikan kelulusan Kebenaran Merancang dan daripada 16 itu 7 daripadanya yang memerlukan kebenaran merancang telah pun diluluskan dan

sebahagiannya hanya permit kerja sahaja diperlukan dan saya akan bagi senarai ini kepada Bukit Gasing nanti. Selain daripada kelulusan kebenaran merancang Kerajaan Negeri juga memberikan kelulusan untuk mengambil pengambilan balik tanah, dia melibatkan beberapa pakej yang melibatkan pengambilan balik tanah dan ini juga akan diserahkan kepada Bukit Gasing nanti kerana dia juga memerlukan masa untuk membaca tulisan panjang. Dan seterusnya berkenaan dengan senarai semua tangki dan kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 bersama dengan kapasitinya. Mengikut perancangannya tangki atau kolam takungan baru akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 adalah seperti berikut:- Yang Pertamanya Kolam Air Imbangan Bukit Enggang kapasiti 210 juta liter meliputi kawasan liputan bekalan Koridor Barat Petaling dan Kolam Imbangan yang ke-2 kapasiti 92 juta liter meliputi kawasan Liputan bekalan KL Selatan dan Pusat Bandar. Berkenaan Kolam Air Service yang pertama Sungai Besi kapasiti 22 juta liter disambungkan dengan Paip Air sedia ada dan dibekalkan ke Sg. Besi dan KL Selatan. Yang kedua Kolam Air Bukit Jalil kapasiti 22 juta liter dibekalkan ke KL Selatan, Bukit Jalil, Sungai Besi, Sri Petaling. Kolam Air Petaling kapasiti 80 juta liter dibekalkan ke mukim Petaling termasuk kawasan Bukit Gasing, Kinrara dan Puchong. Kolam Air Ampang kapasiti 36 juta liter dibekalkan ke Ampang dan KL Timur, Wangsa Maju, Mindef dan Datuk Keramat dan Kolam Air AU 3 kapasiti 28 juta liter dibekalkan ke Kuala Lumpur Timur dan Utara antaranya Setapak, Melawati.

Berkenaan dengan pelaksanaan fasa 2 masih tidak ada lagi sebarang maklumat atau perancangan daripada pihak PAAB.

**Y.B. TUAN RAJIV A/P RISHAKARAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/P RISHAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker daripada kelulusan yang diberi pada Ogos 2014 dimaklumkan Langat 2 akan siap pada tahun 2017. Adakah tarikh sasaran ini masih lagi 2017 atau pun ada sebarang deler untuk pembinaan siap?

**Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing, Kerajaan Negeri Selangor, kita masih lagi stay kepada tarikh iaitu pada 2017 seperti mana yang dimaklumkan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. TUAN DR HAJAH HALIMAH BT ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 14.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK: PERANCANGAN KHUSUS UNTUK MENGANGKAT SESUATU TEMPAT  
SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN TERPILIH**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan?
- b) Bagaimanakah kerajaan boleh membantu daripada segi kos kajian, dokumentasi dan publisiti serta promosi untuk mencapai perkara di atas?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Selat Klang, untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan adalah perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992. Kementerian menguatkuasakan akta-akta dan peraturan-peraturan berikut termasuk peraturan perniagaan, pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi Pengembaran, Pelesenan dan pengawalan Pemandu Pelancong, pelesenan institusi Latihan Pelancongan, kompaun kesalahan-kesalahan dan juga pelesenan dan pengawalan kenderaan pelancongan.

Antara faktor-faktor yang boleh dikaitkan dengan membangunkan sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan adalah seperti yang berikut:-

- i) Kemudahan Infrastruktur ini amat penting untuk memberi keselesaan kepada pengunjung dan juga para pembangun industri pelancongan dalam meneruskan perniagaan mereka.
- ii) Kemudahan Jalan dan Akses yang perlu dibangunkan dengan baik untuk memberikan laluan yang mudah untuk para pelancongan dan juga peniaga untuk ke tempat pelancongan yang ingin dibangunkan. Selain itu, kemudahan jalan dan akses yang baik dapat memberikan skop di dalam peta.
- iii) Nilai Komersial yang dapat menggambarkan dengan izin "x-factor" dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
- iv) Promosi yang perlu dijalankan termasuk Sesi Pelancaran, Laman Web Rasmi, Laman Media Sosial, dan hebahan melalui media cetak. Selain itu, pihak pembangun perlu menyediakan pakej dan juga bahan promosi

yang menarik untuk memberi peluang pengunjung menikmati kelebihan yang diberikan.

Bagi mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri turut menjalankan beberapa kajian dan juga dokumentasi serta publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama antara agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor Sdn. Bhd. Sendiri sebagai badan pelancongan negeri.

Walau bagaimanapun, bagi menjalankan sesuatu kajian atau pun dokumentasi, Kerajaan negeri buat masa ini hanya memberi keutamaan kepada produk-produk pelancongan yang difikirkan berpotensi untuk diangkat sebagai produk utama pelancongan negeri serta bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Antara kajian dan dokumentasi yang pernah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi berkaitan adalah Kajian Pemantauan Populasi Kelip-Kelip dan Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Kelang Sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan Dan Tapak Warisan Dunia.

**Y.B. TUAN DR HAJAH HALIMAH BT ALI:** Soalan Tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, Ijok soalan nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N11 IJOK)**

**TAJUK: PELABURAN DAN PERNIAGAAN DI SELANGOR: MENGIKUT KAJIAN (SURVEY) EKONOMI YANG TERKINI, SELANGOR TELAH JATUH KE TANGGA KELIMA (5) DARI SEGI MENARIK MINAT PELABUR-PELABUR DAN PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN ASING DAN TEMPATAN DI MALAYSIA.**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan atau langkah telah diatur oleh Selangor untuk pastikan Negeri Selangor ke tangga no. 1 dalam segi pelaburan?
- b) Adalah Selangor akan mengkaji semula polisi-polisi dan syarat-syarat pelaburan dan perniagaan yang ada sekarang untuk menarik semula minat pelabur dan pemaju perumahan asing/tempatan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ijok dalam memastikan Negeri Selangor ke tangga yang lebih tinggi dalam segi pelaburan pembuatan, ini dari segi pembuatan saya bermaksudkan Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor merancang beberapa langkah seperti berikut:-

- i) Promosi pelaburan di dalam dan luar negara.
- ii) Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITAI ataupun MIDA.
- iii) Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
- iv) Program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
- v) Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.
- vi) Penyertaan dalam pameran-pameran yang berkaitan.

Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, IKS dan Pengangkutan Negeri Selangor dan agensi-agensi terlibat pada masa ini dalam proses mengkaji semula polisi-polisi dan syarat-syarat pelaburan dan perniagaan yang sedia ada untuk menarik semula minat pelabur dan pemaju perumahan asing ataupun tempatan. Antara polisi-polisi dan syarat-syarat yang sedang dikaji semula seperti:-

- i) Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara Asing ataupun Penduduk Tetap atau pun Syarikat Asing di Negeri Selangor.
- ii) Proses-proses kelulusan pembangunan seperti permohonan kebenaran merancang, kelulusan pelan bangunan, pelan infra dan sebagainya.
- iii) Polisi berkenaan proses memperbaharui Lesen Perniagaan di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMARUL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah program tersebut berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Selangor?
- b) Berapakah jumlah penduduk Selangor yang masih dikategorikan miskin pada tahun 2013 dan 2014?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Tiga program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:

- i) Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan iaitu program bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan.
- ii) Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan atau latihan, program kemahiran teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS.
- iii) Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup iaitu program pemberian bantuan bersempena perayaan dan program pemberian bantuan persekolahan bersempena *Back to School*.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma, Program Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor dan juga yang terbaru Program Hijrah yang merangkumi SkimSel, MiMBAR dan juga WALA.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini, iaanya dilihat berupaya menghasilkan impak positif terhadap

pendapatan golongan sasaran serta seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2012 Negeri Selangor mencatatkan peraturan kadar kemiskinan sebanyak 0.4% manakala tiada bagi kemiskinan tegar. Ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Negeri Selangor adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai data dan statistik keseluruhan jumlah penduduk miskin bagi tahun 2013 dan 2014. Ini kerana tiada kajian khusus yang dibuat bagi menghitung jumlah pendapatan penduduk. Namun begitu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 4 Februari 2015 yang lalu meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM438,600.00. Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk:-

- i) Mengenal pasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor.
- ii) Menganalisis Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan.
- iii) Mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan yang akan ditetapkan.

Kajian ini dibahagikan kepada dua kawasan iaitu di kawasan bandar dan di luar bandar. UNISEL akan memberi tumpuan kepada enam daerah yang diklasifikasikan sebagai luar bandar manakala UTAR akan memberi penekanan kepada kajian di tiga daerah yang diklasifikasikan sebagai kawasan bandar. Secara ringkasnya, kajian ini menggunakan reka bentuk dengan izin *Mixed-Methods, Sequential Explanatory Strategy dan Sequential Exploratory Design* melalui empat kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif seperti berikut:-

- i) Kaedah Temu bual.
- ii) Kedah Soal-selidik.
- iii) Kaedah Pemerhatian Ikut-serta.
- iv) Kaedah Kajian Kes.

Bagi kaedah pengumpulan data secara soal selidik, pemilihan sampel pula dibuat secara *Disproportionate Stratified Sampling*, *Stratified Random Sampling* dan *Random / Probability Sampling*. Kajian ini akan membuat bincian pendapatan dan kos sara hidup serta memberi jawapan holistik dan inklusif dalam tempoh maksimum dua belas bulan, Mac 2015 hingga Februari 2016 mengenai bincian pendapatan dan kos sara hidup di kalangan isi rumah Selangor.

Di samping itu, saya Sistem Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) juga akan dibangunkan melalui kajian ini yang mana merupakan satu pangkalan data yang lengkap dan holistik isi rumah Negeri Selangor secara tidak langsung akan berperanan sebagai pusat rujukan atau maklumat utama kepada semua Jabatan atau Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengenai kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Indeks Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Selangor juga akan dibangunkan hasil daripada pembangunan Model Pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan dan analisis perbandingan Model Pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan.

Pasukan penyelidik adalah terdiri daripada gabungan sebelas orang pengkaji dari UNISEL dan UTAR yang terdiri dari mereka yang mempunyai latar belakang kajian dan kepakaran yang pelbagai. Pihak perunding yang dilantik iaitu UNISEL dan UTAR perlu menyediakan dan mengemukakan laporan-laporan berkala termasuk laporan awal projek, laporan kemajuan, draf laporan akhir dan laporan akhir penuh berkenaan keputusan kajian kepada Seksyen Sektoral, UPEN.

Kajian ini didapati sangat relevan bagi menjadi sumber rujukan utama yang penting dalam membolehkan serta memudahkan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti, merangka serta menentukan hala tuju, strategi, dasar baru dan bajet yang lebih komprehensif bagi membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Ianya juga berupaya memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasar yang benar-benar memerlukan. Selain itu, kajian ini dilihat membolehkan golongan sasar terus mendapat manfaat serta memastikan peluang ekonomi secara saksama tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih makmur dan berdaya maju.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK: WIFI SELANGORKU**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa perkhidmatan Wifi Selangorku ditamatkan?
- b) Nyatakan perbelanjaan bagi penyelenggaraan Wifi Selangorku mengikut tahun sejak pelancaran.
- c) Nyatakan kriteria pelantikan vendor baru bagi program ini.

**Y.B.TUAN NIK NAZMI B. NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Kinrara, pertama tentang perkhidmatan WiFi Selangorku sebenarnya perkhidmatan WiFi Selangorku masih diteruskan untuk digunakan oleh semua rakyat Negeri Selangor hanya pengendali sahaja yang bertukar berdasarkan kontrak perjanjian yang akan tamat tempoh. Dan ini selari dengan ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mana telah menyebut bahawa kita akan menambah *hotspot* daripada 112 kepada 2,500 pada tahun ini. Kita juga Kerajaan Negeri, soalan B Kerajaan Negeri dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku daripada Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) telah membelanjakan sebanyak RM2,4487,504.19 sepanjang 2 tahun tempoh kontrak perjanjian. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut: Tahun 2013 RM1,027,880.58 yang telah selesai dibayar, 2014 RM1,129,383.83 dan juga telah selesai dibayar dan 2015 RM330,239.78 yang belum lagi dituntut.

Kriteria pelantikan vendor baru bagi program ini pengendali yang dilantik bagi meneruskan perkhidmatan WiFi Selangorku adalah berdasarkan keupayaan pengendali menyediakan perkhidmatan ini dengan kadar yang segera. Pengendali yang baru juga perlu merupakan salah satu Penyedia Perkhidmatan Internet ataupun ISP dan Telekomunikasi yang baik di pasaran. Pelantikan pengendali yang baru ini diuruskan oleh MBI melalui Ketetapan Pekeliling resolusi Ahli Lembaga Pengarah MBI.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM B. ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker soalan saya nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: MODERN PIG FARMING**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan akan melaksanakan projek tersebut?
- b) Apakah kebaikannya dibandingkan dengan penternakan tanpa kawalan seperti sekarang?
- c) Adalah dengan terlaksananya projek ini harga tanah di Tanjung Sepat dapat dipulihkan (harga merudum kerana penternakan babi yang tidak terkawal)?

**Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB:** Tuan Speaker terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Jaya yang bertanya. Selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 30.9.2014 yang menyatakan pengeluaran lesen ternakan khinzir hanya akan dikeluarkan kepada ladang-ladang yang memenuhi kriteria MPF, *Modern Pig Farming*. Bagi ladang-ladang sedia ada yang tidak memenuhi syarat MPF akan diberi tempoh tidak melebihi 3 tahun untuk memenuhi syarat MPF bagi dilesenkan bermula tahun 2015. Mana katanya dari sudut ini sehingga 2018 tidak ada lagi lesen-lesen yang akan dikeluarkan kepada penternak-penternak khinzir yang tidak memenuhi kriteria MPF. Bagi status pelaksanaan MPF di Selangor ini, pihak Kerajaan Negeri sekarang sedang menilai beberapa *proposal* yang berjaya menarik minat sebenarnya di kalangan syarikat-syarikat swasta dan juga . Dan antara berita baiknya adalah syarikat-syarikat yang atau pun terlibat dalam perusahaan bio gas yang berdasarkan kepada penternakan juga minat untuk melakukan usaha sama bagi menjayakan MPF ini. Bagi peringkat Kerajaan Negeri kita mensasarkan tahun 2015 ini akan selesainya urusan-urusan untuk menentukan syarikat-syarikat *private* mana yang sesuai dan mematuhi TOR yang digariskan oleh Kerajaan Negeri dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan *klosa-klosa* lain seperti pengambilan tanah dan sebagainya. Dan dijangkakan ianya mengambil masa dalam tempoh 3 tahun untuk disiapkan dan kita jangkakan adakan beroperasi pada tahun 2019 nanti. Diantara kebaikan-kebaikan dan kalau kita melihat pada ketika dan saat ini pencemaran bau dan juga pencemaran air sehingga menyebabkan keadaan laut di sekitar Tanjung Sepat dan sebagainya bermasalah dan menyebabkan kurangnya pelancong hadir ke sana. Di antara kebaikan lain adalah dari segi pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana penternakan khinzir ini akan bertumpu hanya pada satu tempat sahaja dan tidak ada lagi tempat lain dalam Negeri Selangor. Selain daripada mencegah pencemaran seperti yang saya sebutkan tadi pencemaran melalui sistem pengolahan sisa berpusat yang lengkap dengan berkonsepkan “zero-discharge”, tidak ada sebarang *discharge* dikeluarkan daripada kompartmen ini. Projek ini juga bersifat “self-contained” di mana kandang, rumah sembelih, loji pemprosesan dan sebagainya terletak dalam kawasan MPF. Hanya daging dan produk khinzir yang akan diangkut oleh “refrigerated truck” dibenarkan keluar dan masuk daripada kawasan projek. Kesemua ladang-ladang ini dikehendaki melaksanakan Amalan Penternakan Yang

Baik (GAHP). Dan Zon penampang walaupun dikeluarkan oleh pihak Kementerian 200 meter di sekeliling MPF tetapi Kerajaan Negeri atas keprihatinan menambah sehingga 300 meter di sekeliling MPF bertujuan untuk memelihara kesejahteraan masyarakat sekeliling. Dan ditanyakan juga oleh Lembah Jaya berkenaan dengan status tanah memang kalau dilihat sekarang ini di sekitar kawasan ternakan ladang khinzir yang bersifat konvensional ini sudah pastilah dari sudut *value* tanahnya tidak sebagaimana tempat-tempat lain yang tidak ada pencemaran bau dan pencemaran air itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KHASIM B. ABDUL AZIZ:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM B. ABDUL AZIZ:** Ok terima kasih Tuan Speaker daripada penerangan tadi saya kira apa ini untuk projek ini perlu diteruskan sebab ia baik. Apakah kekangan-kekangan yang menyebabkan kerajaan lambat untuk melaksanakannya.

**Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB:** Terima kasih. Dari sudut kekangan pertama kita perlu memahami bahawa projek ini bersifat PFI dan sebenarnya banyak di kalangan syarikat-syarikat swasta yang berminat untuk berusaha sama bersama dengan penternak untuk membantu menyelesaikan permasalahan, dalam masa yang sama mereka boleh juga menjana pendapatan melalui bio gas dan dalam masa yang sama juga mereka boleh membantu kita untuk menyelesaikan masalah pencemaran bau dan juga pencemaran air. Pihak Kerajaan Negeri sekarang ini betul-betul teliti kita mengambil sedikit masa untuk betul-betul meneliti supaya projek-projek yang bersifat PFI ini bukan hanya menguntungkan pihak swasta atau *private* sahaja tetapi kita juga mengambil kira dari sudut kepentingan penternak-penternak sedia ada kerana mereka ini juga telah menternak setelah sekian lama jadi dari sudut pendapatan dan sebagaimana perlu diambil kira. Maka oleh yang demikian, pihak Kerajaan Negeri nilai supaya di sana adanya suasana menang-menang di kalangan pihak *private* dan juga pihak penternak terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker soalan saya nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PROGRAM TERJAH DENGGI**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana program terjah denggi ini dapat mengurangkan kadar penyakit denggi di Selangor?
- b) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengawal wabak denggi?
- c) Berapa jumlah saman salah laku denggi, senaraikan mengikut PBT?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik, Tuan Speaker soalan bersekali dengan soalan 232 daripada Teluk Datuk, 254 daripada Balakong, 282 daripada KKB.

**TUAN SPEAKER:** Tolong ulang lagi soalan bersekali.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Bersekali dengan soalan 232 daripada Teluk Datuk, 254 daripada Balakong, 282 daripada KKB.

Melalui Pihak Berkuasa Tempatan iaitu daripada Jabatan Kesihatan dengan kerjasama dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melalui Jabatan Kesihatan Daerah sentiasa berusaha rapat untuk membanteras dan menurunkan kadarkes denggi di seluruh Negeri Selangor. Antaranya adalah program Gotong-royong Mega. Ternah dan Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 telah diadakan pada 16 November 2014 manakala satu lagi Program Ternah dan Musnah Aedes Daerah Petaling telah diadakan pada 7 Februari 2015. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor bersama-sama semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersama-sama turun padang bagi melaksanakan program ini.

Strategi utama program ini adalah meningkatkan kesedaran awam dan aktiviti "cari dan musnah" kawasan potensi pembiakan nyamuk di dalam dan di luar rumah oleh setiap individu serta masyarakat. Keberkesanan program ini dapat dilihat apabila fokus utama kita adalah mencari iaitu kawasan, kejap ya maaf. Fokus utama kita adalah pembersihan tempat pembiakan nyamuk aedes iaitu pembersihan kawasan *hotspot* denggi. Kedua adalah pembersihan pangaspuri kos rendah. Ketiga, pembersihan tapak binaan. Keempat, pembersihan longkang dan kelima, taman awam dan taman rekreasi. Keberkesanan program ini dapat dilihat melalui statistik kes denggi yang semakin menurun setelah program ini dijalankan pada 7 Februari 2015 yang lepas iaitu 8 minggu berturut-turut. Kalau pihak Yang Berhormat semua dapat melihat kepada yang saya edarkan ini yang mana 8 minggu berturut-turut kawasan atau daerah Petaling pada 7 Februari menurun daripada 955 kepada 917 kepada 883 kepada 736 turun lagi kepada 778 dan 14 Mac 599 dan 21 Mac 547 serta pada 20 Mac yang baru ini turun kepada 433. Mengapa kita fokus kepada

daerah Petaling kerana daerah Petaling untuk makluman Yang Berhormat yang lain ia adalah kawasan dan daerah yang paling tinggi berlakunya kes denggi maka kita fokus untuk daerah Petaling ini. Dan Alhamdulillah ia menurun sekarang kepada 433 kes. Bagi rancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam mengawal wabak denggi di Negeri Selangor yang pertama ialah meningkatkan langkah kawalan serta pembiakan aedes ini melalui semburan kabus termal, semburan kabus ULV dan membunuh jentik-jentik iaitu *larva siding*. Ketiga meningkatkan aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan kepada masyarakat serta seterusnya meningkatkan aktiviti penguatkuasaan. Rancangan jangka panjang iaitu pencegahan adalah pertama menuju Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi yang dipengerusikan oleh EXCO Kesihatan yang bermesyuarat setiap dua kali sebulan bagi membincangkan masalah dan langkah kawalan terbaik dalam kawalan denggi. Keduanya adalah pembentukan *task force* denggi di peringkat PBT yang melibatkan pelbagai jabatan berkaitan di PBT bagi menggerakkan aktiviti kawalan denggi yang lebih berkesan. Antara jabatan yang terlibat Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Taman dan Rekreasi, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan COB, Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Bangunan, Jabatan Penguatkuasaan serta lain-lain jabatan. Yang ketiga, menyediakan Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2015 iaitu program terjah dan musnah aedes yang menitikberatkan aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko untuk diperiksa. Keempat, memperkuatkannya *maintenance culture* dengan izin agar masyarakat sentiasa peka terhadap persekitaran sekeliling agar sentiasa bersih dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes. Kelima, meletakkan tanggungjawab ataupun akauntabiliti kepada Ketua Jabatan/Agensi/CEO berkaitan kebersihan premis dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes. Keenam, menitikberatkan mengenai kebersihan alam sekeliling. Ketujuh, memperkasa masyarakat setempat dengan pelbagai program kesedaran mengenai bahaya denggi dan cara mengatasinya. Di antara program-program dan projek khas di peringkat PBT, Majlis Bandar raya Petaling Jaya mengadakan program SEDAR iaitu Seach and Destroyed Aedes Ranger. MBSA, Advokasi dan *task force* denggi, MPSJ Kajian Nyamuk Tokso, MPK Risalah pelbagai bahasa iaitu dalam bahasa Bangladesh, Vietnam, Myanmar dan Nepal serta program di peringkat sekolah iaitu program Cikgumu Cantik ataupun Cikgu dan Murid-Murid Sama-Sama Cari Jentik-Jentik. Dan di MPSp iaitu di Sepang, Dengue Action Community iaitu DAC, Dengue Action Kid iaitu DAK serta bas sekolah tanpa aedes (BATAS). Juga di MDKS iaitu Dengue Bus 13. C, jumlah saman salah laku denggi mengikut PBT adalah seperti berikut. Bagi tahun 2014 saya sebutkan keseluruhan sahaja Tuan Speaker. 2014, sejumlah 2034 notis telah dikeluarkan dan kompaun sejumlah 2080. Sementara 2015, sehingga epik kesepuluh iaitu sehingga 14 Mac 2015 keseluruhan notis adalah sejumlah 536, kompaun sejumlah 439 dan arahan tutup iaitu ditapak bina sejumlah 18. Bagi menjawab persoalan daripada Balakong iaitu tentang apakah teknologi baru yang Kerajaan Negeri laksanakan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menerima cadangan mana-mana teknologi baru bagi mencegah denggi. Jawatankuasa Tetap kesihatan telah pun memanggil pembekal dan pengedar

teknologi baru yang ada di pasaran untuk membentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan iaitu peringkat denggi dan antara bersama dengan 12 PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor antaranya adalah *mosquito magnet*, kedua *Mosquisite* dan ketiga MAEH (Persatuan Kesihatan Environment Malaysia) dan keempat Enquest Malaysia Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, daripada pembentangan mereka mendapati kesemua produk tersebut masih di peringkat kajian dan belum dapat membuktikan keberkesanannya lagi secara menyeluruh dalam memastikan populasi nyamuk aedes menurun. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri perlu mengambil kira kos pelaksanaan, kesesuaian produk dan kesan pelaksanaan teknologi atau produk sebelum diaplikasikan sepenuhnya di negeri ini. Kementerian Kesihatan Malaysia juga melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor kini sedang mengaplikasikan teknologi ORS iaitu *Outdoor Residual Spray* bagi mengurangkan kes denggi di Negeri Selangor. Antara daerah yang terlibat dengan aplikasi ORS ini adalah daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat dan Klang. Pengaplikasian ORS ini juga masih di peringkat kajian bagi memastikan kes denggi dapat dikurangkan di kawasan-kawasan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dalam sesi gotong-royong yang saya hadir, di dapati pembiasaan nyamuk aedes ini di rumah pekerja asing iaitu pekerja Bangla dan Nepal. Mereka tidak membaca dan menolong gotong-royong. Bagaimana Kerajaan Negeri nak mendidik warga asing ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik. Kita, pihak seperti Majlis Perbandaran Klang di mana di sana memang ada ramai pekerja asing telah pun menyediakan risalah pelbagai bahasa iaitu Vietnam, Myanmar, Nepal dan juga Bangladesh. Pihak MPK juga memanggil pengurus kilang dan pengurus kontraktor juga dipanggil untuk diberikan taklimat dan maklumat tentang denggi. Pihak MPK juga memilih beberapa orang antara pekerja asing ini untuk menjadi jurucakap tentang kebersihan dan juga denggi ini untuk para pekerja asing ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Speaker. Saya nak tanya Puan EXCO tadi Kota Anggerik telah mengatakan bagaimana kita nak memberi pendidikan pada warga asing, ini warga tempatan pun saya dapati perlu diberikan satu pendidikan ataupun menukar minda. Jadi apa-apa saya nak tanya adakah langkah-langkah yang telah diberi sekarang berkesan kepada penduduk tempatan sebab di kawasan Ijok yang saya sedih ada satu denggi di kampung saya tengok longkang bertakung tetapi yang kes itu sebelah Klinik Kesihatan Kerajaan. Ini saya sedih sangat. Betul-betul sebelah Klinik Kesihatan Kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Ijok?.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:**Berkesan tak menukar atau memberikan pendidikan kepada warga tempatan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Ijok. Ini adalah soalan yang sangat baik sebab apa yang kita lakukan sekian lama oleh pihak PBT juga sewaktu kita melaksanakan program terjah dan musnah aedes ini Dato' Menteri Besar dan juga EXCO turun ke kawasan sewaktu gotong-royong tetapi penduduk kita lihat memang tidak memberikan kerjasama. Jadi kita menyeru agar penduduk di Negeri Selangor daripada sekarang dan di masa akan datang akan lebih proaktif dan akan lebih memberikan kerjasama dalam program-program gotong-royong seperti ini. Kita juga minta kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga melalui PBT juga Ahli-Ahli Majlis dan juga Ketua Kampung, Ketua Komuniti serta Ketua Kampung Baru untuk bersama dengan Kerajaan Negeri menggembeleng untuk meneruskan program musnah dan hapus aedes ini di peringkat Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Masalahnya ialah kereta terbengkalai, rumah terbengkalai yang kita tiada apa-apa langkah pro aktif daripada Kerajaan Negeri dan juga *forging* yang berkala adakah ini atau pun ORS itu *Oral Residual Spray* sebab saya tengok berita Kementerian Kesihatan kata sudah *prove, is proven* 95% tapi YB EXCO kata masih dalam kajian jadi saya tak faham adakah ada *think out of box steps that* kerajaan negeri akan ambil untuk menangani denggi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Damansara Utama. Keberkesanan ORS sebab dia masih baru masih dalam kita belum dapat lagi memastikan adakah sebenarnya pengurangan kes denggi ini. Hanya semata-mata oleh aplikasi ORS kerana ia pelbagai cara yang kita laksanakan sehingga membawa kepada hasil pengurangan kes denggi di daerah Petaling dan juga di Selangor. Kita sedang meneliti dan kita sedang melihat tentang keberkesanan ORS tetapi saya kita percaya ia berkemungkinan besar ada kesan terhadap pengurangan kes denggi di tempat-tempat yang diaplikasikan ORS ini. Berkenaan kereta terbengkalai dan tempat-tempat pembuangan sampah pukal yang mana ia kita telah pun minta kepada pihak PBT untuk mengambil ketegasan dan juga sama ada menyita ataupun menarik kereta-kereta yang terbiar ataupun kereta-kereta yang tidak bertuan ini. Selain daripada itu kita juga telah pun berbincang dengan pihak PDRM kerana kita lihat juga banyak kereta-kereta yang disita yang dibawa ke balai polis masih lagi terbiar dan berlaku tempat-tempat pemberian jentik-jentik ini maka kita minta kepada pihak PDRM untuk mengambil tindakan tegas dan kita minta agar PDRM membenarkan pihak PKD untuk masuk dan membuat *larva siding* di tempat-tempat tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Masa telah mencukupi. Kalau ada isu-isu mengenai denggi boleh bahaskan nanti. EXCO masih perlu jawab. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.32 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Tanjung Sepat untuk sambung perbahasan.

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Tanjung Sepat mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker telah memberi peluang membahaskan ataupun bacaan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sempena Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor pada tahun 2015 ini. Alhamdulillah Negeri Selangor telah diiktiraf sebagai negeri yang paling maju di Malaysia. Sama ada dari segi aspek pembangunan prasarananya mahupun dalam urus tadbir kerajaan hari ini Dewan Negeri Selangor telah pun mendahului negeri-negeri lain, dalam aspek pengurusan dewan negeri dengan memperkenalkan penghantaran soalan dewan secara *online* dan menyediakan portalnya tersendiri dengan menyediakan ahli dewan berurusan dan mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dengan menyumbang 23.5 peratus pertumbuhan KDNK Negara Selangor adalah merupakan negeri tumpuan rakyat Malaysia dalam menggerakkan ekonomi dan pembangunan. Ini dapat dibuktikan dengan kedudukan rizab kewangan negeri Selangor yang kukuh kini telah mencapai 3.4 billion di samping mencatatkan peningkatan kumpulan wang disatukan sebanyak 226 juta berbanding pada 31 Disember 2014.

Negeri Selangor kita berhadapan dengan cabaran baru dalam menguruskan menyelesaikan masalah rakyat yang menjurus kepada penyelesaian perumahan yang lebih terancang dan berkesan. Ini sesuai dengan tuntutan syariah yang melihat kepada keperluan masa kini yang menjadi sebahagian daripada elemen terpenting dalam mengurus erti kehidupan yang sudah tentu pelaksanaannya menjadi penyelamat dan kebaikan kepada manusia seluruhnya. Melalui juga akan menjelaskan cara dan hala tuju yang sebenar daripada pelaksanaan syariah itu sendiri yang memenuhi keperluan manusia menyelesaikan masalah membawa kebaikan mengambil manfaat dan menolak keburukan. Isu perumahan di Selangor telah banyak diperkatakan kerana permintaan terhadap keperluan dan permintaan pemilikan rumah mampu milik kita melebihi dari jumlah penawaran unit-unit jumlah yang dapat ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor. Kita dapat maklum bahawa jumlah yang mendaftar untuk memohon rumah mampu milik kini mencecah lebih daripada 40,000 permohonan. Daripada jumlah tersebut kita amat yakin mereka yang benar-benar layak untuk memiliki rumah mampu milik ini lebih rendah dari

jumlah permohonan disebabkan halangan kelayakan pembiayaan daripada institusi kewangan sedia ada. Selebihnya disebabkan penolakan tawaran akibat tidak memenuhi cita rasa reka bentuk di mana rata-rata reka bentuk yang ditawarkan adalah merupakan rumah dari jenis bertenang seperti tinggal atau pun mendiami rumah burung merpati atau pun faktor lokasi jauh daripada tempat pekerjaan mahupun institusi pendidikan. Justeru Kerajaan Selangor perlu proaktif bagi membantu rakyat sehingga mereka mampu memiliki rumah kediaman mereka sendiri.

Ada beberapa kaedah yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di antaranya yang pertama menyediakan dana bantuan khas pendahuluan ataupun deposit pembelian rumah mampu milik tanpa faedah. Yang kedua skim sewa beli dengan tempoh penyewaan yang tertentu dan dipersetujui. Ketiga bagi menyelesaikan masalah dan memberi alternatif reka bentuk kepada pemohon. Kerajaan Negeri boleh membangunkan tanah-tanah kerajaan di luar Bandar dengan reka bentuk rumah teres mampu milik. Ini boleh dilakukan dengan membangunkan tanah-tanah kerajaan yang terbiar di luar Bandar. bagi menjamin pembangunan kawasan penempatan atau pun perumahan ini dilaksanakan untuk manfaat keseluruhan rakyat negeri Selangor. Kerajaan perlulah menggerakkan dan menggunakan agensi-agensi kerajaan atau pun anak-anak syarikat pembangunan harta tanah di negeri untuk merancang dan membangunkan kawasan-kawasan rumah kediaman di kawasan sebelah utara negeri Selangor meliputi kawasan Sabak Bernam, Hulu Selangor, Tanjung Karang dan juga Kuala Selangor.

Dalam waktu yang sama aktiviti ekonomi di kawasan ini perlu dirangsang dengan galakan produk-produk hiliran yang bermanfaat dan membantu kehidupan masyarakat setempat. Begitu juga di kawasan sebelah selatan Selangor pembangunan harta tanah yang ingin dilaksanakan perlu lah mengambil kira kemampuan rakyat setempat. Sudah tiba masanya di selatan negeri Selangor yang terkenal dengan pintu masuk Negara seperti di daerah Sepang dan Kuala Langat perlu dirancak pembangunan yang menjurus secara langsung kepada aktiviti-aktiviti peningkatan pendapatan rakyat tempatan. Sektor pertanian yang merupakan teras aktiviti ekonomi di kawasan ini perlu disinergikan agar ianya menarik minat anak-anak muda untuk tidak meninggalkan kampung halaman mereka dalam mencari peluang pekerjaan di bandar-bandar atau pun di kota.

Ahli mesyuarat dewan sekalian, maka sebab itu kerajaan perlu menyusun pembangunan perumahan mampu milik yang memenuhi cita rasa rakyat sesuai dengan budaya tradisi khususnya bagi kawasan Melayu keperluan kepada sekurang-kurangnya rumah teres mampu milik dibangunkan di kawasan luar Bandar. kita tidak mahu kerajaan hanya mementingkan pembangunan rumah mampu milik di kawasan-kawasan sedia maju atau pun di bandar-bandar yang telah mempunyai kelengkapan atau pun prasarana yang lengkap. Apakah yang akan terjadi di kawasan-kawasan di desa? Apakah akan dibiarkan begitu saja tanpa

dipeduli sedangkan rakyat di pendalaman ataupun di desa masih memerlukan dan amat memerlukan rumah kediaman bagi kegunaan keluarga mereka di masa akan datang. Atau sebagai mana yang telah saya nyatakan tadi kerajaan juga harus peka terhadap nasib kumpulan yang tidak mempunyai kelayakan pinjaman perumahan. Untuk golongan ini adalah disyorkan supaya kerajaan menyediakan dana khas dan melaksanakan program pembesaran kampung dengan menyediakan lot tapak-tapak rumah kediaman untuk ditawarkan kepada kumpulan sasar ini. Dengan kaedah ini kerajaan hanya menyediakan lot-lot rumah kediaman dengan kemudahan atas infrastruktur mereka yang berjaya memiliki lot-lot tanah ini nanti boleh membina rumah masing-masing secara berperingkat-peringkat atau pun tempoh masa yang ditentukan oleh kerajaan negeri sendiri dengan persetujuan mereka yang diberi milik atau pun dikurniakan tanah-tanah lot kediaman ini. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar rakyat diberikan tanah yang sudah tentu pembelian akan mengambil risiko atau pun menghadapi risiko tentang kemungkinan penerima ini akan menjual tanah-tanah tersebut untuk mengatasi masalah ini kerajaan negeri bolehlah mensyaratkan agar tanah-tanah itu tidak boleh dipindah milik dalam tempoh tertentu seperti mungkin 10 tahun yang boleh dipertimbangkan. Pindah milik hanya boleh dipinda atas dasar kasih sayang seperti bapa pada anak atau pun waris masing-masing. Kerajaan negeri juga boleh meletakkan syarat rumah yang dibina mestilah dalam tempoh tertentu contohnya dalam tempoh mungkin 6 bulan daripada penerimaan penawaran kepada mereka yang layak. Dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh tentang tabung pemulihan projek terbengkalai yang singkat yang dinamakan tempat. Menteri Besar telah mengumumkan dalam ucapan belanjawan 2015 yang lalu, tentang wujudnya peruntukkan sebanyak 20 juta untuk projek untuk membantu projek terbengkalai ini. Justeru itu saya ingin tahu, apakah status berkaitan dengan tabung yang diwujudkan ini. Saya pernah memohon daripada Exco Perumahan agar suatu projek rumah terbengkalai dapat disuntik modal daripada tabung ini. Walau bagaimanapun saya dimaklumkan bahawa sumber dan modus operandinya dalam tabung ini masih lagi didalam kajian semula.

Tuan Speaker saya berharap kajian ini dapat dimuktamadkan secepat mungkin, bagi menyelesaikan harapan yang telah lama oleh rakyat negeri Selangor saya yakin dan percaya kerajaan Negeri akan menunaikan janjinya dengan menyuntik dana ke dalam tabung ini. Hanya dana daripada kerajaan Negeri sahajalah yang saya kira dapat menyelamatkan projek-projek seumpama ini. Saya menyeru sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Selangor agar simpati dan kasihanilah pembeli-pembeli yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah diseluruh Negeri Selangor. Oleh demikian saya menyarankan perlu ada sasaran dan jadual kerja bagi menyelesaikan masalah ini dan nyatakan berapa projek yang mampu diselamatkan berkaitan ataupun dengan menggunakan dana tempat yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, dalam kesempatan ini juga Tanjung Sepat ingin menyentuh berkaitan tentang alam sekitar, kualiti alam sekitar adalah merupakan elemen terpenting bagi

menentukan hidup rakyat. Bentuk muka bumi yang berubah pastinya akan mengakibatkan ekosistem persekitaran terganggu. Dalam membuka tanah-tanah bagi tujuan pembangunan kerajaan Negeri mestilah melakukan pemantauan dan penguatkuasaan yang proaktif bagi mengekang implikasi negatif seperti masalah banjir kilat dan kekurangan kawasan tadahan bagi kegunaan bekalan air terawat. Begitu juga dengan kualiti udara dan kualiti air perlu dipulihkan bagi memberi kehidupan yang lebih bermakna kepada generasi yang akan datang. Program kempen dan kesedaran mencintai alam sekitar menyuburkan kawasan hijau, memelihara sungai dan pantai mestilah digiatkan secara khusus kepada rakyat negeri Selangor. Kita amat khuatir sekiranya tiada usaha serius daripada kerajaan untuk melaksanakan program-program seumpama ini akan menjelaskan generasi akan datang kemungkinan tidak akan lagi mengenali apakah makna sungai dan seumpamanya. Dengan ini Tanjung Sepat menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal kali ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung, setiap orang saya bagi 20 minit ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh*, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, dan Salam 1Malaysia. Sungai Burung mengucapkan terima kasih kerana diizinkan untuk memberikan perbahasan dalam menyembah usul ucapan terima kasih dan serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

Puan Speaker, Ahli-ahli YB, Tuan-tuan, Puan-puan sekalian, hari ini adalah hari yang bersejarah 1 April 2015, kerana hari ini orang yang melekehkan April Fool, ternyata kenyataan-kenyataan mereka adalah salah kerana hari ini lah kerajaan barisan nasional melaksanakan cukai barang perkhidmatan (GST). Ia merupakan suatu struktur, penstrukturkan sistem percukaian yang merupakan satu transformasi dalam dasar cukai perbelanjaan negara yang akan memberikan kebaikan bukan saja kepada ekonomi negara tetapi kepada kesejahteraan rakyat. Sebanyak 944 kategori barang dan perkhidmatan telah dikenakan cukai barang dan perkhidmatan untuk GST , 36.5% atau 1/3 daripadanya...

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Y.B. Puan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burung, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Nantilah dulu, belum habis pun cakap pasal GST. Sejumlah 362,748 pihak telah mendaftarkan GST hanya 10ribu belum mendaftarkan. Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan percukaian GST ini telah mengerakkan 1700 anggota. Pengguna boleh menyemak harga barang

menggunakan *Shopper Guide* atau MygeraGST. 15 pusat bantuan operasi beroperasi daripada 8.30 hingga 10.00 malam.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Y.B. Puan Speaker. Minta penjelasan.

**Y.B DATO MOHD SHAMSUDIN LIAS:** Puan Speaker, GST ini adalah menggantikan cukai jualan perkhidmatan yang dikenali sebagai SST. Ia telah dicadangkan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burung, beri atau tidak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Nanti dulu. Saya habiskan...

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, duduk dulu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Duduk dulu. Sabar la..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong, 20 minit untuk isu-isu negeri Selangor ya. Jangan nanti 20 minit hanya ucapan GST, nanti kata saya tak bagi masa.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Saya laju sikit. Ia telah mula dilaksana, cuba untuk dilaksanakan pada tahun 2007 lagi. Fakta, GST ini telah disentuh oleh Y.B. Menteri Besar, sabar saya akan sentuh isu negeri Selangor lepas ini, jangan bimbang. Fakta yang saya nak tekankan masa ini ya, Sekinchan jangan bimbang fasal GST, yang paling mustahak rakyat tak perlu takut dan khuatir pelaksanaan GST walaupun ia ditakut-takutkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat..ya. Yang supaya dengan menakut-nakutkan rakyat bahawa GST ini akan membebankan rakyat ya, dan akan menaikkan harga barang ya, ini akan menyebabkan kerajaan ya, dibenci oleh rakyat.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Speaker. Minta mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong.. Batu 3, Paya Jaras...Tak bagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Penentang-penentang GST ini ialah Orang yang ketinggalan zaman dan mahu ke belakang kerana GST telah dilaksanakan. Seluruh negara-negara di seluruh dunia 6 lebih, 160

**Y.B TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Sg. Burong.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** 6 lebih, 160 negara dan saya nak nyatakan di sini, semasa

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong.. beri atau tidak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ada 20 minit. Saya bukan..... pembangkang ya. Masa banyak ya.

**TUAN SPEAKER:** Semua duduk. Sg. Burong tak bagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya akan bagi peluang. Jangan bimbang. Lepas GST saya tak nak panjang-panjang. Nanti masa saya ni. Nak bawa isu Selangor yang dinanti-nanti oleh Menteri Besar Selangor ni tak kesampaian ya. Saya nak tekan ni sebab GST ni orang kata. digembar-gemburkan sebagai sesuatu yang buruk. Sedangkan ini telah adalah satu sistem cukai yang baik, Mantan Menteri Kewangan pada masa itu yang merupakan penasihat ekonomi negeri Selangor menyatakan bahawa GST ini juga merupakan sistem percukaian yang baik. Tetapi telah ditangguhkan pelaksanaan kerana dia tak beranilah ...pada masa itu. Tapi hari ini ya, hari ini GST telah dilaksanakan di negara-negara asian. Vietnam, Indonesia, kemboja, Filipina, Laos telah melaksanakan GST. Pada kadar 10%. Singapura dan Thailand telah melaksanakan GST pada kadar 7%. Di peringkat Global 190 telah melaksanakan. Semuanya inilah masa yang paling sesuai melaksanakan GST. Kerana apa, kadar inflasi paling rendah di negara ini, pada kadar 2.2% ya. Dan ...ya, apa pula bohong, ini perangkaan. Ini perangkaan yang diberikan. Ini bukan kedai kopi. 200tahun dan kesan daripada GST *immediate* daripada GST ini dijangkakan akan meningkatkan kadar inflasi ini dalam 1.3%, masih lagi terendah di dunia. Jangan bimbang, 6 bulan merupakan tempoh untuk pelarasan GST. Tunggulah 6 bulan. Tuan-tuan dan puan-puan pada masa itu, dah tak ada isu nak dibangkitkan fasal GST. Persatuan FOMCA sendiri menyatakan GST adalah perkara yang baik.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong saya bagi , saya bagi tambahan 10 minit. tolong jawab. Terlalu banyak reaksi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Habis dah. Ok kalau bagi tambahan, terima kasih Tuan Speaker yang baik hati.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Burong. Sg. Burong.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan dulu.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sg. Burong. Saya nak tanya soal GST.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kg. Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong nak bagi siapa.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kg. Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Ooh Kampung Tunku.

..suara ketawa...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Soalan saya ialah, soalan saya senang sahaja YB. Kalauolah GST ini begitu bagus sekali, jadi bagaimana kenyataan Sg. Burong ini dapat direconcile dengan kenyataan beberapa orang tokoh UMNO dan Barisan Nasional itu sendiri. Yang pertama Tun Dr. Mahathir, yang kedua, Tengku Razali Hamzah, Mantan Menteri Penerangan, mantan Menteri Kewangan, semalam siapa, semalam Dato Seri Rafidah Aziz. Ketiga-tiga ini membawa fakta soalan yang *valid* yang tidak dapat dijawab langsung oleh Menteri Kewangan, Najib Tun Razak, mana dia. Jadi saya nak tanyalah bagaimana mendapat *reconcile statement* mereka.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bukan Puan Speaker, masa inilah disebut mantan-mantan. Dulu bukan main kutuk lagi mantan-mantan. Inilah perangai Pakatan. Ok saya nak teruskan..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong, Sg. Burong..saya nak jelaskan Kg. Tunku bukan Pembangkang. Dia Kerajaan dalam dewan ini.

(riuh rendah)

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ialah...

**TUAN SPEAKER:** Teruskan Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok terima kasih. Puan Speaker saya ingin, orang kata mengambil ingatan..

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Sg. Burong mohon Kinrara soalan..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bagi 10 minit ya.

**TUAN SPEAKER:** Bagi..bagi.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tadi Sg. Burong sentuh tentang negara jiran yang telah melaksanakan GST seperti Vietnam, Indonesia. Saya ingin tanya Sg. Burong, adakah taraf kehidupan di negara-negara itu lebih baik daripada Malaysia pada waktu ini. Sg. Burong dia sebut Vietnam, dia sebut Filipina, kalau tak salah saya Cambodia, saya ingin bertanya adakah taraf kehidupan di sana lebih baik daripada di Malaysia.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kinrara, saya ingat Kinrara kena jumpa Doktor pakar telinga, korek ya. Sebab saya sebut Singapura dan Thailand melaksanakan dengan kadar 7%. Dengar ya. Ok..Ini dah jawablah . Dia kata negara yang mundur. Cukuplah paya Jaras. Teruskan, teruskan ya. Yang kedua Puan Speaker, saya ingin menyambung semula isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya berkenaan dengan isu, bekalan air merupakan satu isu yang sangat penting. Air ini di negeri Selangor menunjukkan satu isu yang sangat penting. Saya sebenarnya ya, apabila Y.A.B. Menteri Besar mengumumkan tidak akan meneruskan rundingan perjanjian bersama penstrukturkan industri air Selangor dengan mendakwa bahawa kerajaan pusat tidak sepatutnya menuntut 26,000km geran tanah untuk serahan air dan perkara itu tidak dinyatakan dalam perjanjian bersama tersebut yang ditandatangani pada 12 September tahun lalu. Melihat pendirian terbaru kerajaan negeri ini, Y.A.B. Menteri Besar seolah-olah cuba mengelirukan rakyat negeri ini dengan meletakkan kesalahan pada kerajaan pusat. Sebaliknya kegagalan kerajaan negeri menyediakan perkhidmatan air kepada bekalan air bersih pada rakyat ini dinafikan. Kerajaan negeri tidak sepatutnya memberikan pelbagai alasan untuk menafikan hak rakyat Selangor mendapatkan bekalan air bersih dengan membuat kononnya dakwaan kerajaan pusat mengambil hak tanah dan aset air kerajaan negeri. Saya sangat berharap agar kerajaan negeri lebih bersikap rasional serta realistik dalam menangani isu tersebut dan mengadakan meneruskan rundingan-rundingan secara matang dengan kerajaan pusat berhubung dengan penstrukturkan perkhidmatan bekalan air untuk memanfaatkan secara keseluruhannya meliputi kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya selaras dengan titah ucapan D.Y.M.M. Tuanku supaya isu perjanjian penstrukturkan industri bekalan air Selangor ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera. Alasan Y.A.B. Menteri Besar untuk membatalkan rundingan perjanjian utama perindustrian air ini kerana dikhuatiri kedaulatan negeri Selangor terjejas adalah tidak berasas dan seolah-olah bukan saja satu tindakan yang sangat sengaja ditambah tapi juga yang alasan nya boleh mengancam keselamatan rakyat dan kepentingan pembangunan negeri Selangor masa depan adalah tidak logik sekali. Sebaliknya saya telah meneliti perkara telah dibangkitkan oleh Ahli Y.B. selaku Ahli Parlimen Gombak di dalam dewan rakyat dengan pelepasan yang telah dijelaskan oleh Y.B. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ya, yang menunjukkan bahawa sepatutnya masalah isu air tidak harus dipolitikkan. Menteri Besar tidak wajar mengaitkan isu bekalan air sebagai isu yang melibatkan soal kedaulatan kerana ia merujuk kepada kepentingan rakyat negeri ini di bawah satu sistem pentadbiran yang sama . Kalau nak disabitkan sebagai isu kedaulatan yang nak ditegakkan barangkali Y.A.B. Menteri Besar selaku Timbalan Presiden PKR perlu memberi perhatian kepada tindakan Amerika Syarikat yang cuba mencampuri dalam mempertikaikan institusi kehakiman negara ini berhubung dengan kes liwat Ketua pembangkang, Dato Seri Anwar Ibrahim. Ya, sebab isu kedaulatan yang dibangkitkan. Saya ingin menyatakan saya dah meneliti ya, kenyataan yang dikemukakan, jawapan Menteri Tenaga, bahawa dalam melaksanakan perjanjian yang telah ditandatangani , perjanjian utama mengenai isu air ini, beberapa

rundingan-rundingan telah dijalankan . Sebanyak 32 rundingan telah dijalankan dan hampir ke arah memuktamadkan hanya beberapa perjanjian sahaja yang melibatkan.....daripada 8 perjanjian, 5 perjanjian telah pun dimuktamadkan. Hanya 3 perjanjian ya, yang melibatkan isu berkaitan dengan penyenaraian harta-harta, isu mengenai pemindahan milikan aset dan juga isu tentang pembelian...

Sungai Burong minta mcelah.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong beri atau tidak. Tak bagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Y.A.B. Menteri Besar telah menyatakan bahawa kerajaan Persekutuan telah ingkar dan ini sebenarnya tidaklah betul ya. Saya meneliti ucapan jawapan daripada Perdana Menteri bahawa perjanjian ini belum lagi dilaksanakan dan.....(dengan izin) masih belum lagi dimuktamadkan. Oleh itu, dengan izin saya ingin ikut kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri bahawa '*agreement is not yet .....and condition president and yet to fulfill.*' Jadi sebenarnya tuduhan yang menyatakan bahawa kerajaan persekutuan ingkar itu adalah tidak berasas . pada saya masalah air ni adalah sangat besar. Yang penting kena ada keikhlasan dan kesungguhan untuk menyelesaikan ini. Yang Berhormat Menteri Tenaga telah memberikan jaminan bahawa dia akan, ya, menunaikan tanggungjawabnya dengan ikhlas bagi menyelesaikannya. Saya sangat berharap agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar sambutlah dan memberi ruang yang secukupnya untuk menyelesaikan isu-isu. Kita telah melihat, kalau kita melewatkkan isu air ini maka yang menjadi mangsa adalah rakyat di negeri Selangor. Kelewatkan melaksanakan isu penstruktur semula air dan juga penyaluran air ke negeri Selangor ini kita telah menghadapi pelbagai, orang kata, krisis, krisis air, saya sangat bimbang dengan keadaan margin air, simpanan air mentah yang begitu kekurangan. Mengikut laporan pada tahun 2014, kita telah menghadapi kadar minus 0.04 dan sekiranya Langat 2 tidak dilaksanakan, maka kemungkinan margin air akan berkurangan pada tahun 2017 hingga minus 2.64. Kita telah melihat hari ini akibat kita melewatkkan perjanjian air..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Lebih daripada 500 syarikat yang ingin melabur di negeri Selangor terpaksa ditangguhkan..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Puan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** 700 projek di negeri Selangor tidak boleh, ya, dimulakan sebab masalah kekurangan air..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pelaburan di negeri Selangor telah juga merudum daripada tahun 2008 sebanyak 11.8 bilion turun kepada 7 bilion pada tahun 2012...2014

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dan GDI juga telah menurun daripada 9 bilion kepada 3.2 bilion. Dari segi peluang pekerjaan, laporan yang disediakan oleh MIDA menunjukkan ya, bahawa terdapat..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sg. Burong bagi ke tidak? Sg. Burong bagi ke tidak?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pengurangan peluang pekerjaan..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bagi tak bagi, cakaplah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** 30,837 kepada jumlah ini..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong..Sg. Burong..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pada tahun 2014

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sg. Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini menunjukkan..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sg. Burong, tolong beritahu mereka sama ada boleh mencelah atau tidak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dah bagi dah peluang, cukuplah sekali ya, ok. Ini menunjukkan bahawa masalah air yang sangat penting perlu diselesaikan. Perjalanan telah pun dilakukan sudah hampir 3 suku tinggal hanya suku ya, kita harap saya berharap, saya menggesa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang budiman, berilah keikhlasan, kalau ada masalah, masalah pertikaian, dari segi tafsiran, pemahaman isi kandungan perjanjian, ini harus diselesaikan. Isi tentang..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan, penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Harta yang dimiliki oleh Wilayah Persekutuan dan Selangor

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:**Minta mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Ya, ini harus diselesaikan. Dengan niat yang baik di antara kedua-dua pihak dan saya sangat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Sangat-sangat berharap supaya isu air ini dapat diselesaikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Burong..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Saya ingin beralih pula kepada..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Aduh..aduh..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kepada isu..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak dengar..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Usulyang saya telah kemukakan ya..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ada usul pula.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, saya tak bagi laluan lah ya. Nanti kalau ada masa saya bagi laluan, *inshaallah* ya. Saya ingin beralih kepada isu usul mengenai ya, yang dibawa oleh Sg. Burong yang telah ditolak oleh Tuan Speaker ya, mengenai isu Datum Jelatek, Projek Datum Jelatek. Dalam surat bertarikh 26.3.15 Pejabat Dewan Negeri Selangor telah menolak usul Ahli Dewan Negeri Sg. Burong ya, bahawa Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri membatalkan pembangunan projek mewah, Datum Jelatek dengan mengambil kira pandangan penduduk asal dan pastikan pemilikan mereka diberi perhatian yang sewajarnya pada projek tersebut. Oleh sebab usul telah ditolak jadi saya mengambil peluang ini untuk membahaskannya di dalam Dewan ini. Sekinchan jangan jadi tukang sampuk la ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dah tolak tu tak perlu bangkitlah. Dah tolak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Itu usul. Kita sebagai wakil rakyat, ya, kita harus mendengar kepedulian rakyat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ya, membawa slogan kepedulian rakyat, dan memberikan orang kata,

keprihatinan terhadap masalah rakyat. Pada 26 Januari 2015 ya, kira-kira 1000 penduduk di Taman Keramat mengadakan perhimpunan ya. Bohong pula. Ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawablah ya. Tak perlu nak menyampuk-nyampuk macam..janganlah nak ikut Sekinchan ni ya. Janganlah ikut. Apa pula tak betul, ini buktinya ada, kita boleh buktikan. Kita boleh bawa orang tu yang ada masa..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sg. Burong, kalau berani bagi laluan Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya ingat walau seorang pun, sebagai seorang..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kalau Sg. Burong berani, bagi laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak ada, saya nak jawab ni yang lebih besar ni, dia menyampuk tadi. Sebagai seorang yang prihatin dan kepedulian rakyat..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kalau berani beri laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kalau seorang pun rakyat, kalaupun .. saya tak bagi..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tak berani.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Walaupun seorang rakyat ya, terutama di kawasan sendiri, di kawasan Bukit Antarabangsa yang meminta rintihan, yang harus dipedulikan

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sg. Burong yang datang itu ialah orang-orang luar yang dibawa oleh UMNO..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini 1000 penduduk..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Orang tempatan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kota Anggerik, tunggu dulu.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini tuduhan, bersangka jahat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kota Anggerik

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pandai je lah ya. Yang telah membantah keputusan kerajaan bagi pelaksanaan projek tersebut. Mereka menuntut, ya lah kalau ni, dia nak tuduh lah macam-macam, boleh buat tuduhan ya. Ini..

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Mencelah sikit, mencelah sikit.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong, Lembah Jaya belakang Sg. Burong.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Boleh tak, boleh tak belakang ni?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok belakang? Tak nampak lah belakang.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Haa..nampak?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok, ok..

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Boleh? Boleh tak?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bagi Lembah Jaya lah, Lembah Jaya jarang berdiri. Bagi *chance* lah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak apa, saya bagi sekejap lagi ya. Saya nanti tak habis, nanti 10 minit habis ni ya.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong kalau jadi Ketua Pembangkang saya boleh bagi 2 jam pun boleh bahas. Kalau nak.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** 2 jam bagi?

**TUAN SPEAKER:** Kalau nak jadi Ketua Pembangkang.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tak nak jadi Ketua Pembangkang dan saya tak minat untuk berbahas 2 jam. Saya cuma nak bagi masa yang diberikan itu saya gunakan dan jangan dikacau.

**TUAN SPEAKER:** Ok

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Haa, itu dia.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta mencelah, minta mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Ok, semua diam. Bagi Sg. Burong habiskan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Mereka menuntut kerajaan negeri.. terima kasih Puan Speaker yang baik hati. Mereka menuntut kerajaan negeri supaya menghentikan projek mewah yang difahamkan dibina atas tapak yang sebelum ini menempatkan 4 blok rumah pangsa PKNS Taman Keramat, yang ditubuhkan kerajaan negeri pada tahun 2010. Mengikut cadangan asal yang dibuat ketika pentadbiran kerajaan Selangor di bawah Barisan Nasional, tapak tanah flat yang berkeluasan 2.2 hektar ini sepatutnya dibangunkan semula termasuk pembinaan rumah mampu milik pada para penduduk yang terlibat tanpa perlu mereka keluar daripada kawasan berkenaan. Sebaliknya cadangan ini dikatakan ditukar apabila pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Pakatan kepada bangunan eksklusif merangkumi unit kediaman pejabat, hotel, pusat membeli belah yang disasarkan untuk golongan berpendapatan tinggi dan korporat. Malah harga unit kediaman di bawah projek tersebut terlalu tinggi di antara RM300,000 hingga RM11 juta seunit mengikut jenis dan keluasan. Jadi, bagaimanakah dasar peduli rakyat yang diuar-uarkan Kerajaan Negeri untuk memelihara kebijakan rakyat di kawasan tersebut ya.

Apa guna Kerajaan Negeri membina projek-projek mega, mewah ya..yang tidak memberikan manfaat kepada penduduk asal tersebut.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, saya nak bertanya soalan..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ia hanya akan..

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas minta mencelah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sikit sahaja, sikit sahaja saya nak tanya. You cakap projek-projek mewah dan bagikan nama mewah, projek-projek mewah yang kita buat. 1MDB, tak ada, itu bukan projek kita tapi mana di Selangor ada yang mewah-mewah punya projek yang kita buat besar-besarnya. Jawab.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Itulah, Sri Andalas dia tak dengar cakap. Saya cakap projek Datum ni. Projek-projek mega, projek mewah buat hotel besar-besarnya, bangunan tinggi-tinggi, *office, shopping complex..*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta penjelasan. Hanya satu soalan sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Untuk siapa, adakah ini untuk rakyat marhaen di kawasan situ?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Satu soalan sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Mereka ini tidak mampu untuk memiliki ya, apatah lagi untuk membeli rumah..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Satu soalan sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Rumah-rumah tersebut ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat Sg. Burong, satu soalan singkat.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Inilah rintihan mereka yang saya sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat Sg. Burong, saya ada satu soalan singkat.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kita tidak mahu, pertama nya generasi yang terkena dengan projek ini kemudian generasi kedua yang terdiri daripada anak-anak mereka. Mereka juga memerlukan pembelaan. Generasi anak-anak mereka, keluarga mereka, daripada rumah-rumah mereka tadi yang telah diambil balik dan diberikan pampasan, mereka akan ke mana? Projek di Taman Keramat..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Burong. Mencelah, mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini adalah bertujuan..akan meminggirkan dan menyihikan mereka.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kita akan memiskinkan lagi..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Burong.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Orang Melayu yang tinggal di kawasan itu, di bandar..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta mencalah Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tidak bagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Lama dah lama tunggu dah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya masih terdengar lagi perkara ini, saya fikirkan..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong tak bagi, semua duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Lama dah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya masih teringat ya, mantan Menteri Besar dalam mempertahankan projek rumah untuk orang-orang Kampung Baru yang terdiri daripada orang Melayu dan Bumiputera di kawasan tersebut telah menyatakan bahawa ini merupakan kampung warisan yang dipertahankan, perlu dipertahankan. Ini lah hanya satu-satunya tanah untuk orang Melayu Bumiputera di kawasan bandar. Orang bukan Melayu, orang Cina ada Sri Petaling, orang India ada Brickfields, kawasan yang mereka duduki. Orang Melayu Bumiputera hanya ada di Kg. Baru dan kampung warisan ini terdiri daripada kawasan Kg. Baru dan juga Taman Keramat.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Sg. Burong. Kg. Baru tak ada kena mengena. Kg. Baru tak ada kena mengena dalam itu projek.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Di kawasan yang begitu tinggi. Ini dinyatakan oleh mantan Menteri Besar dalam kertas kerjanya.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Kg. Baru di mana? Namakan-namakan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan ini saya harap perlulah dikaji semula. Oleh sebab projek ini..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong. Ijok, Dr. Idris. Sg. Burong..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sepatutnya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), yang dipertanggungjawabkan..

**TUAN SPEAKER:** Speaker pun Sg. Burong tak dengar..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Meneruskan projek inisepatutnya mengambil kira ..

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya..saya..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh bahas, boleh bahas kemudian lepas ni. Nak hujah balik ya perbahasan..

**TUAN SPEAKER:**Sg. Burong kata Kg. Baru..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya habiskan Tuan Speaker..

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:**Saya dari Kuala Lumpur, saya tahu tentang Kg. Baru

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sepatutnya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang dipertanggungjawabkan menguruskan..

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:**Saya Lembaga Penasihat Kg. Baru, saya tahu tentang Kg. Baru

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ijok ialah *authorithy*...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Teruskan..teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok, saya tak beri.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:**Ini anak Kuala Lumpur. Saya nak soal tentang Kg. Baru. Sebab saya..

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Nanti Ijok bahas. Dalam perbahasan, Ijok boleh ambil perkara ini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bagi saya habis. Sepatutnya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang dipertanggungjawabkan menguruskan Projek Datum Jelatek. Ini sepatut mengambil kira peranan mereka dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat dengan memberikan lebih banyak tumpuan dalam menyediakan perumahan mampu milik khususnya di kawasan bandar. Ini kerana PKNS mempunyai *reserve tanah* yang diberikan oleh kerajaan negeri selaraskan dengan penubuhannya pada tahun 1994 yang bermatlamatkan untuk mengisi kemerdekaan negara menerusi perniagaan ekonomi yang adil dan pertumbuhan sosioekonomi yang berpandukan kepada kerajaan untuk mewujudkan .. Bagaimanapun pelaksanaan Projek Datum Jelatek dilihat menjurus kepada prinsip konvensional yang mana keuntungannya menjadi

matlamat dan pada masa sama ia tidak memberikan kebajikan kepada peningkatan hidup rakyat.

Sg. Burong ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalaupun projek ini diteruskan, beri lah perhatian, perkongsian *benefit* kepada penduduk-penduduk yang terlibat. Dalam membentuk maknanya, sama ada GDP dalam bentuk *Gross Development Value*, supaya dapat meningkatkan pendapatan golongan Bumiputera dan orang Melayu dan supaya mereka tidak tersisih daripada arus perdagangan. Jawablah..nanti boleh gulung. Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh gulung, boleh gulung. Haa, boleh gulung, jawablah ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Puan Speaker..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kg. Baru.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Boleh Ijok mencelah fasal Kg. Baru?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Puan Speaker

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ini anak..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dalam titah ucapan DYMM Tuanku..

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa penjelasan ini sangat penting kerana Kg. Baru ini terlalu *general*. Kita tak tahu mana satu Kg. Baru supaya kerajaan boleh bagi jawapan spesifik nanti.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini Kg. Baru Kuala Lumpur, saya bagi, memberikan maklumat bahawa kawasan Dato' Keramat, Dato' Keramat luar, Dato' Keramat di mana tapak ini terlibat, kawasan Kg. Baru ini adalah sebahagian daripada kawasan kampung warisan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Boleh saya mencelah?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kalau tidak nanti tanyalah dengan mantan Menteri Besar. Saya dah bangkitkan perkara ini dalam dewan yang lepas.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:**Ini mantan Lembaga Penasihat Kuala Lumpur

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, Ijok minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Ijok boleh bahas perkara ini kalau tidak bersetuju dengan hujah saya. Ini demokrasi, bebas ya. Bahaslah bukannya ni...ada peluang. Kenapa risau? Apa Sekinchan ni nak menyampunknyampuk. Sungai Burong ingin menarik perhatian mengenai titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Tuanku

**TUAN SPEAKER:** Lima minit lagi ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:**Haa...lima minit lagi ya. Ok. Sungai Burong ingin ya menarik perhatian berhubung dengan pelantikan Penasihat Ekonomi Selangor. Saya sudah hilang beberapa *point* tapi kerana masa sudah pendek, nanti mintalah kawan saya tolong sambung. Saya hendak fokus kepada isu yang terakhir ini. Ini pun saya hendak tujukan kepada Y.A.B. Menteri Besar sebagai Menteri Besar yang baru, yang bertanggungjawab, yang kita mengharapkan integriti yang tinggi. Kita tahu Penasihat Ekonomi Selangor telah menghadapi kes liwat yang melibatkan pembantunya...Pembantu Peribadi Mohd Saiful Bahari Azlan bukan lagi rahsia.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Burong, minta laluan Sungai Burong, minta laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bukan lagi rahsia.Ini Penasihat Ekonomi Selangor.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:**Ini serius. Kalau berani bagi laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Nanti boleh.Habis lima minit.Habis lima minit saya bagi laluan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kalau berani bagi laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Berani.Saya berani.Lepas lima minit.Saya nak habiskan lagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sekinchan semalam bagi laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya nak ulangi Penasihat Ekonomi Selangor yang telah disabitkan dengan kes liwat

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Burong bagi laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Melibatkan Pembantu Peribadinya Mohd Saiful Bahari Azlan bukan lagi rahsia.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Burong, bagi laluan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik,Sungai Burong dah kata tak boleh. Tolong duduk.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tapi Hulu Kelang boleh?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dia tak berani.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Disebabkan oleh penyokong beliau yang menganggap tuduhan tersebut sebagai konspirasi politik.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sikit sahaja Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Jangka masa kira-kira tujuh tahun...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Kawan baik. Kawan baik.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dihabiskan untuk proses perundangan dalam kes liwat yang melibatkan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sungai Burong. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tempoh tersebut jika dibuat, dibandingkan dengan bayi yang dilahirkan pada tahun 2008 maka bayi itu telahpun membesar sebagai kanak-kanak.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Y.B. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dan sudah masuk sekolah rendah pada tahun ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Y.B. Sungai Burong. Tak nak kacau. Kali ni nak tanya sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Perjalanan kes sebutan pada tahun ini sepatutnya telah berakhir namun kes tersebut mengambil masa yang

panjang dan memberikan peluang seadil-adilnya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuktikan bahawa beliau tidak bersalah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Namun, setelah tujuh tahun berlalu Mahkamah Persekutuan telah membuktikan bahawa keputusan Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun adalah betul.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ini penting ni. Dunia akhirat ni...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Keputusan itu juga menyebabkan Anwar...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dunia akhirat ni.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Itu tak tahulah orang yang..orang kata merakyatkan parti macam mana tak tahu apa hukumnya di akhirat nanti.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sungai Burong, sikit..sikit ni. Boleh pandang ke sini? Toleh ke kiri.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Itu juga menyebabkan Anwar Ibrahim secara automatik hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh. Pada saat ini, Datuk Seri Anwar...

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap...

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih boleh dengar saya. Hulu Kelang minta mencelah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Benda penting ni.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tak bagi.

**TUAN SPEAKER:** Ok. Kalau tak bagi cakap tak bagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sebab saya tengah bercakap dia ganggu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya cuma nak beritahu adakah Sungai Burong sedar undang-undang hukum Khazaf?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya bila Puan Speaker ketuk-ketuk tu saya dengarlah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Hukum Khazaf pasal benda ni penting. Ok saya dah sampaikan, saya tak bertanggungjawab lagi, saya dah menasihatkan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang tolong duduk. Teruskan Sungai Burong.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap...Peraturan Tetap.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Bukan.Ini pasal Penasihat Ekonomi Selangor ada berkaitan dengan dasar dan Datuk Seri Anwar Ibrahim masih memegang...

**TUAN SPEAKER:** Ok. Semua duduk. Sungai Burong duduk dulu. Ok. Peraturan Tetap mana satu?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Menurut Peraturan Tetap 36(1) seseorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan. Jadi sekarang ni kita sedang membincangkan titah ucapan, jadi saya rasa apa yang Sungai Burongbawa itu tidak relevan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya bincang berkaitan dengan soal integriti yang dibangkitkan dalam titah ucapan dan Penasihat Ekonomi Selangor ini penting kepada membawa Negeri Selangor ke hadapan. Kalau Penasihat duduk dalam penjara macam mana dia nak bagi nasihat?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya masih merasakan Peraturan Tetap relevan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Jadi saya nak bagitahu saja dengan Y.A.B. Menteri Besar, sekarang we have to move forward. Kita tahu bahawa kekangan yang dihadapi oleh Penasihat Ekonomi Selangor yang ada sekarang ini ialah mereka, beliau tidak dapat memberikan sumbangan yang bererti yang besar bagi menghadapi cabaran-cabaran di Negeri Selangor yang semakin mencabar. Masalah pembangunan masa depan, masalah peningkatan penduduk, masalah perumahan kesesakan. Mengapa kita nak pakai lagi penasihat ini? Ini yang saya nak kata. Akhirnya dalam ucapan saya ini ialah supaya sudah sampai masanya beranikan diri, jangan tunduk dengan tekanan. Lantik Penasihat Ekonomi yang baru. Ramai di luar sana yang berkelayakan, yang hebat, yang ada PHD dan

sebagainya. Di kalangan PKR, di kalangan DAP, di kalangan PAS dan di kalangan Keadilan. Ramai di sana yang boleh jadi penasihat.

**TUAN SPEAKER:** Ok. Masa sudah mencukupi. Ayat terakhir Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok. Dengan ini saya menjunjung kasih dan menyokong titah ucapan D.Y.M.M. Tuanku. *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Hiwabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras. 20 minit seorang ya Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh.* Tuan Speaker, terima kasih kerana telah memberi laluan kepada Paya Jaras telah mendengar ringitan-ringitan daripada Sungai Burong yang cuba melarikan isu GST yang terperangkap apabila beliau mengatakan rakyat seolah-olah terpedaya dengan kenyataan daripada Pakatan Rakyat. Bukankah ini menunjukkan rakyat percaya kepada Pakatan Rakyat? Bukankan ini menunjukkan rakyat bersama dengan Pakatan Rakyat?

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras tengah berucap. Sungai Burong, nak keluar nak duduk cepat buat keputusan. Paya Jaras teruskan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tadi Sungai Burong kata, boleh dijawab dalam perbahasan. Jadi kita nak jawab Sungai Burong boleh dengar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dia cabut. Dia memang tukang lari.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Ini menunjukkan bahawa Wakil Rakyat UMNO tidak boleh menafikan bahawa mereka merasa bersalah dengan GST ini. Wakil Rakyat UMNO tidak boleh menafikan bahawa mereka merasakan bersalah apabila melaksanakan GST pada hari ini. Tuan Speaker, saya teruskan. Pertamanya, Paya Jaras menjunjung titah Tuanku dalam pembukaan penggal ini dalam ucapannya yang menekankan tentang *Maqasid Syariah* yang pertama kali yang julung-julung kali digunakan perkataan *Maqasid Syariah* yang memberi nasihat kepada kerajaan supaya memahami kaedah-kaedah *fiqh* atau lebih baik sebagai kerajaan yang memahami kaedah *fiqh* bagi kepentingan rakyat. Di antara ucapan titah Tuanku Sultan Selangor adalah mengingatkan betapa pentingnya hak Melayu dan Bumiputera. Titah Tuanku menyebut bahawa sebarang bentuk penggantian tanah baru haruslah serupa keadaannya dan mempunyai nilai pasaran yang kompetitif. Beta mahu usaha menggantikan tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan akibat projek-projek pembangunan digantikan segera. Menurut statistik terbaru sehingga 17 September 2014 yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, keseluruhan kawasan tanah rizab Melayu di negeri ini adalah 426,334 ekar atau 170,000 hektar. Kalau menurut statistik dari daerah yang

terbanyak maka kita mengetahui bahawa Sabak Bernam mempunyai rizab Melayu yang paling banyak iaitu sebesar 191,419 ekar. Diikuti oleh Kuala Selangor (57,779 ekar), Kuala Langat (45,272 ekar), Hulu Selangor (39,353 ekar), Hulu Langat (33,473 ekar), Sepang (24,000 ekar), Klang (19,000 ekar), Gombak (11,000 ekar) dan yang paling sedikit adalah Daerah Petaling sebanyak 2,776 ekar. Statistik ini menunjukkan bahawa kita Pakatan Rakyat boleh menjaga rizab-rizab Melayu. Maka Utusan Malaysia pada waktu itu melaporkan bahawa rizab Melayu di Selangor telah meningkat dua kali ganda daripada berbanding zaman UMNO Barisan Nasional. Cuma, persoalan kita adalah kita minta kerajaan mengisyiharkan kepada kita apakah langkah-langkah yang perlu kita buat bagi membangun dan memberi nilai pada rizab Melayu ini. Dan, apakah di manakah tempat digantinya tanah rezab Melayu yang telah diguna pakai sebelum ini? Atas permintaan itu, kita merasakan, Paya Jaras merasakan isu tanah ini adalah isu yang sangat relevan dalam mana-mana kerajaan yang memerintah termasuk isu permohonan tanah dan termasuk juga isu perpindahan tanah bagi rizab-rizab agensi kerajaan. Saya ingin menarik perhatian pada kerajaan bahawa kita memahami asas Kanun Tanah Negara 1965 yang mengatakan bahawa bukti pemilikan sesebuah tanah itu adalah apabila namanya berdaftar di atas tanah tersebut. Tetapi saya juga ingin menarik perhatian kerajaan dan memohon simpati daripada kerajaan yang memerintah ini bagi mereka-mereka yang menduduki tanah-tanah rizab seperti di atas tanah TNB, SYABAS, JPS yang masih ramai lagi. Ada di kalangan mereka ini yang telah hidup di atas rizab ini berbelas tahun, 20 tahun malah sehingga 30 tahun. Di Paya Jaras sendiri, di Kampung Masjid Paya Jaras, Daerah Gombak terdapat seramai 14 rumah yang terletak di bawah rentasan TNB yang telah tidak digunakan. *Alhamdulillah* TNB pusat telah bersetuju memberi pelepasan terhadap tanah ini namun sehingga hari ini kita masih menunggu surat pelepasan tersebut. Kes yang kedua, di Kampung Kubu Gajah terdapat tidak lebih 90 penduduk di sana yang mendiami kawasan TNB yang masih digunakan. Kita telah berjumpa, kita telah berbincang dengan TNB kerana mereka mahu mengalihkan penduduk-penduduk ini ke tempat lain kerana tempat rentasan api itu mahu digunakan. Saya ingin merekodkan dan merakamkan jutaan terima kasih saya, Paya Jaras kepada Y.B. Dato' Iskandar Abd. Samad, EXCO Perumahan yang secara prinsipnya telah bersetuju untuk mengguna pakai sebahagian daripada tanah rizab kerajaan yang terletak di penghujung Jalan Kubu Gajah 23 sebagai kawasan penempatan semula mereka yang terlibat dengan projek TNB ini. Kampung yang ketiga, yang melibatkan rizab JKR iaitu di Kampung Bukit Darah Merbau Sempah. Saya ingin menarik perhatian Dato' Pengarah JKR kepada isu ini di Jalan Kuala Selangor yang menempatkan asal 105 penduduk asal yang menetap di atas rizab JKR yang dikenali sebagai JKR *Curiline*. *Alhamdulillah*, Dato' Pegawai Daerah Petaling sangat bekerjasama dalam hal ini cuma sekarang ini kita menunggu jawapan daripada JKR kerana minit mesyuarat JKR Pusat bertarikh 16.4. 2007 yang membentarkan agar rizab-rizab JKR ini dibatalkan namun sehingga hari ini rizab tersebut masih belum dibatalkan. Saya memberi rujukan kepada JKR agar mereka boleh bertindak segera iaitu dengan rujukan JN.SEL.039153 Jld.539922(54). Tuan Speaker, selain daripada isu tanah yang tersebut saya

beberapa kali membangkitkan isu rumah ibadat, isu masjid, isu surau, isu rumah ibadat bukan Islam. Saya ingin mengulangi kedudukan Surau Taqwaniah di Paya Jara Ulu yang telah lama tertangguh. Saya membangkitkan perkara ini dalam ucapan yang dahulu dan kita berterima kasih kepada pegawai-pegawai JAIS yang telah turun ke tapak tersebut dan melihat. Namun sehingga kini belum ada penyelesaian. Saya juga ingin menarik perhatian kepada perkara Masjid Kampung Melayu Sungai Buloh. Penggal lalu saya bertanya tentang soalan ini, JAIS memberi jawapan bahawa mereka dalam proses mengambil semula tanah ini untuk surau tersebut. Tetapi malangnya bila kita rujuk kepada Pejabat Tanah Gombak, ini yang pelik. JAIS kata dalam proses tapi bila kita pergi Pejabat Tanah Gombak, Pejabat Tanah Gombak memberi jawapan bahawa tidak ada permohonan pun untuk mengambil tanah tersebut.

Saya tidak tahu apakah jawapan yang diberikan kepada ADUN-ADUN atau wakil-wakil rakyat di dalam dewan ini sekadar memberi jawapan atau menurut rekod yang mereka ada atau adakah ini menggambarkan perkara yang sebenar. Kita mohon penjelasan kerana sangat memalukan bagi kita, kita berucap dalam dewan, kita turun kepada rakyat kita kata perkara ini selesai bila kita rujuk Pejabat Tanah, Pejabat Tanah kata tidak ada rekod, tidak ada permohonan. Ini sangat memalukan kita. Jadi kita minta ada kebaikan kalau Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri melihat bagaimana sebenarnya proses-proses ini berlaku. Kita mahukan jawapan yang tepat. Tapak kubur Bukit Lagong, isu tanah kubur ini telah lama dibangkitkan oleh penduduk kerana tapak tersebut belum lagi digazetkan sehingga hari ini. Akibat daripada kegagalan kita mengazetkan tanah tersebut berlaku pencerobohan-pencerobohan mereka yang mengusahakan taman tanaman rumput di atas tapak kubur yang telah disediakan, tapak kediaman, tapak lori terbang dulu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, berlaku peristiwa lori terbang ke atas rumah. Kita buat permohonan, Dato' DO Gombak bersetuju menyelesaikan masalah ini sehingga bulan April dan kita mengharapkan bulan April ini menjadi bulan kegembiraan kepada mereka kerana baru-baru ini terbang lagi tayar daripada *highway*, lori askar, tayar lori terbang ke atas bumbung rumah mujur tidak ada kemalangan jiwa pada waktu itu. Ini perkara pelik dan kita minta perkara ini disegerakan. Isu jalan raya, isu jalan raya yang semakin hari kita melihat penduduk semakin besar semakin ramai berlaku jalan-jalan yang sempit cuma kita melihat adanya kadang-kadang jalan ini perlu dibesarkan walaupun terpaksa mengorbankan tanaman-tanaman ataupun pokok-pokok yang ada di sekitar jalan tersebut. Saya ingin membangkitkan kesesakan jalan di Jalan Kubu Gajah 23 yang kini menjadi jalan utama penduduk di situ, Jalan Wangsa Permai, jalan-jalan yang dilihat sebagai bahaya, jalan-jalan yang dilihat semakin membahayakan pengguna. Saya sebut Jalan Hospital, Jalan Seri Bunga di mana pemaju telah membangunkan, telah mendirikan *divider* jalan yang menyebabkan beberapa kemalangan berlaku di situ. Terima kasih kepada JKR yang telah turun melawat ke tapak tetapi tindakan susulan belum diambil sehingga ke hari ini. Apakah kita nak tunggu kemalangan jiwa baru kita hendak bertindak? Ataupun kita mengambil tindakan proaktif untuk menyelesaikan masalah ini. Jalan

Kuala Selangor FT54 depan *Station Caltex* yang keadaannya sangat gelap sehingga boleh mengundangkan bahaya keadaan di situ. Jalan yang tidak terurus yang berlubang saya sebut di sini Jalan Gajah 5, Kubu Gajah, Terowong pagar menuju ke Permatang Jaya apabila banjir berlaku macam dalam belukar. Terowong Kampung Seri Indah menuju ke Kampung Seri Indah A, Alhamdulillah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengarahkan agar jalan alternatif diwujudkan di sana dan untuk maklumat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar JKR telah beberapa kali turun untuk melihat jalan alternatif di situ. Paya Jaras merakamkan jutaan terima kasih atas usaha yang diberikan, kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan, Pejabat Tanah, JKR, Majlis-Majlis Daerah, PBT dalam kes ini. Saya suka juga membangkitkan jalan banjir FT54. Jalan FT54 jalan utama ke Kuala Selangor jalan besar tapi kalau hujan banjir macam dalam kampung. Di hadapan Petron Bandar Baru BBSB kita minta perkara ini diselesaikan dengan segera. Lampu isyarat, isu lampu isyarat saya ingin bertanya kepada EXCO Infra apakah dalam Selangor ini tidak ada sistem? Sekarang ini orang kata semua elektronik cerdik, bijak dan berbagai-bagai. Apakah tidak boleh diadakan satu sistem yang boleh membaca keadaan trafik, dalam petang mungkin disegerakan ataupun bagaimana lampu boleh di *adjust* supaya boleh mengurangkan kesesakan lalu lintaskerana di persimpangan Honda Sungai Pelong, di persimpangan BRP bukit Taman Putera kadang-kadang untuk nak lewati satu tiang lampu trafik ini memakan masa 15 ke 20 minit. Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, kita menghargai dan kita memandang tinggi konsep pendekatan yang diambil iaitu konsep mempedulikan rakyat. Cuma kita bertanya di dalam kita menjalankan Program Mempedulikan Rakyat, apa sebenarnya peranan ADUN ini? Apa peranan ADUN dalam PBT? Apa peranan ADUN di dalam Pejabat Tanah Daerah? Apakah pandangan ADUN ini diambil kira ataupun pertemuan dengan ADUN ini sekadar ADUN hendak berjumpa, apakah pertemuan dengan ADUN ini hanya untuk menggembirakan hati ADUN? Adakah perkara ini betul-betul diselesaikan ataupun hanya di atas kertas kerana perkara ini sangat menyusahkan kita kadang-kadang. Kita lihat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan pembatalan projek lebuh raya KIDEX, kerana apa dibatalkan? Kerana kegagalan kontraktor memenuhi syarat-syarat dan yang lebih utama kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengatakan bahawa menerima pandangan orang ramai. Kalau asas Kerajaan Negeri menggunakan pandangan rakyat sebagai asas membuat keputusan maka saya ingin memberi contoh-contoh kenapa PBT, kenapa Pejabat Tanah tidak boleh menerima konsep yang sama? Di Taman Ehsan, hari ini Taman Ehsan ini adalah kawasan penduduk majoriti Melayu mempunyai satu tempat perniagaan tempat makan perniagaan yang kecil yang dipenuhi oleh 33 orang peniaga, bermula situ sudah sekian lama, satu-satu tempat makan Melayu dan saya sebut di sini untuk pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa mereka ini telah diminta keluar dari tempat bermiaga kerana ingin memberi laluan kepada kontraktor besar untuk membangunkan tempat di situ. Kita tidak ada halangan tentang pembangunan tetapi syarat kita ialah jangan sisihkan peniaga-peniaga ini, cari tempat untuk mereka meniaga. Jangan ganggu mereka sehingga ada alternatif

yang lain dan lebih malang hari ini ke semua peniaga telah menerima notis kekosongan. Dulu kita sebut kepada dia bahawa kita tidak bersetuju tetapi hari ini PBT hantar notis kosongkan tapak perniagaan. Maka saya tanya di situ apa sebenarnya peranan kita? Adakah kita ini sekadar untuk digelaktawa sahaja atau pandangan kita diambil kira? Kalau prinsip KIDEX itu mengambil kira untuk menentukan sama ada projek ini boleh berjalan atau tidak, saya minta PBT, MPS melihat kembali notis kepada peniaga yang dikeluarkan semalam 31haribulan. Saya tidak bersetuju tempat ini dirobohkan sehingga ada tempat yang baru . Saya menyebut di sini untuk rekod dewan kalau perkara ini tidak diselesaikan, kalau perubahan ini berlaku dengan tidak ada alternatif yang lain saya akan berada di bawah tempat itu ketika perubahan ini berlaku. Bukan kita tidak biasa, kita biasa dengan rumah masalah setinggan dahulu tetapi apabila kita menjadi kerajaan kita mahu mendengar suara rakyat, kita tidak anti kepada pembangunan tetapi dengarlah pandangan ADUN, kita minta cari tempat baru, cari tempat meniaga untuk laksanakan pembangunan silakan. Selagi ini tidak berlaku kita tidak akan benarkan peniaga-peniaga ini keluar ke tempat berniaga. Kompleks Perniagaan Paya Jaras MBSA Alhamdulillah telah bersetuju meminda Kompleks Perniagaan ke tapak pasar malam yang sedia ada sekarang. Saya berterima kasih kepada MBSA, Dato' Bandar MBSA kerana bersedia meneruskan projek ini. Saya mohon projek ini disegerakan pada tahun ini. Kita melihat contoh di hadapan mata kita, UMNO Barisan Nasional terperangkap dengan isu GST. Mereka cuba mencari jalan bagaimana menjusifikasikan tindakan mengenakan GST itu. Kita sebut banyak kali bahawa GST ini tuan-tuan sendiri tengok, Yang Berhormat sendiri tengok beberapa hari lalu berbondong-bondong orang pergi membeli belah membeli barang sebelumnya GST. Bukan masalah beli barang tetapi ini menggambarkan sikap takut mereka, sikap tidak selesa mereka apabila GST hendak dikenakan pada 1 hari bulan. Apakah Kerajaan Negeri hendak mengikut jejak langkah UMNO Barisan Nasional menyusahkan rakyat, mengenakan tindakan-tindakan, mengenakan perkara-perkara yang tidak diingini oleh rakyat. Kita melihat bagaimana contoh di zaman Raja Malik Azzahiri, apabila negara hendak diserang oleh Tentera Tartar, lalu Raja Malik Azzahiri ini memanggil Imam Nawawi mendirikan kekuatan pertahanan ketenteraan. Lalu Imam Nawawi berkata bagaimana aku mahu mengeluarkan fatwa, mengambil cukai-cukai daripada rakyat sedangkan di dalam Istana kamu itu masih terdapat 1,000 orang lelaki yang memakai tali pinggang yang cantik, terdapat 200 hamba perempuan yang masih memakai pakaian yang baik-baik. Selagi kamu tidak menjual pakaian ini, selagi kamu tidak menjual barang ini maka kamu tidak boleh mengutip cukai daripada rakyat yang berada di bawah. Ini untuk pertahanan negara, ini untuk pertahanan negeri. Hari ini GST dikenakan dalam keadaan kita melihat bagaimana UMNO dan Barisan Nasional dikejutkan dengan pembelian jet yang didaftarkan di bawah 9SAW3AWK dianugerahkan kepada Jet Penerima Wang Sdn. Bhd. Bagaimana kenyataan di jabatan-jabatan di Jabatan Perdana Menteri menyatakan Kerajaan kini memiliki 5 jet peribadi, bagaimana UMNO mengatakan untuk urusan keselamatan?

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras mula menggulung.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya melihat bahawa ini adalah perkara yang rakyat kena tahu. Sebab itulah saya melihat dalam kita melaksanakan program-program Kerajaan Negeri yang penting adalah media-media cetak yang berpihak dan melaporkan perkara yang betul. Saya mengucapkan tahniah kepada Selangorkini yang telah menjalankan tugas mereka sejak 7 tahun yang lalu sehingga diberi anugerah oleh dua PBT, MBPJ, MPSJ untuk tahun 2014 sebagai anugerah kepada kakitangan mereka yang menjalankan tugas dengan baik, cuma saya nak tegaskan di sini bahawa media ini boleh bebas tapi jangan terbabas. Saya melihat saya ingin menegur di sini sebagai salah seorang ADUN dalam Kerajaan ini yang mempunyai EXCO daripada parti yang sama, saya hairan bagaimana baru-baru ini Selangorkini melaporkan ceramah yang dibuat oleh seorang yang kita tidak berapa nak kenal digerai Pak Anjal yang menyokong prinsip yang tidak selari dengan prinsip Ahli-Ahli kita dalam Negeri Selangor. Dalam Selangor kita ada EXCO kita, Yang Berhormat Dato' Pesuruhjaya, kita ada Bendahari kita, kita ada Ketua Penerangan kita. Saya minta Selangorkini membawa inspirasi kepada Kerajaan dan jangan mewujudkan perkara yang tidak selesa di kalangan kita. Kalau mahu bebas silakan bebas tetapi laporkan semuanya jangan lapor sebelah pihak, lapor kesemuanya. Hari ini kita lihat baru-baru ini kita lihat gambar Yang Berhormat Kuang merasmikan Klinik Satu Malaysia. Baru saya tahu di Kuang ini ada Klinik Satu Malaysia, terima kasih kepada Selangorkini. Jangan kita tinggal wakil rakyat kita dan kita lihat dalam menjalankan tugas ini saya minta Kerajaan Negeri melihat kepada kebijakan dan usaha yang djalankan oleh wartawan-wartawan kita. Kita mendengar, kita melihat adanya akhbar-akhbar yang ditutup kerana tidak menjaga kebijakan wartawan mereka. Saya minta wartawan-wartawan ini dilihat kebijakan mereka. Saya lihat mereka ini harus diberikan elaun yang setimpal. Kita mahu wartawan ini mempunyai semangat yang tinggi untuk menyampaikan berita tentang Kerajaan Negeri dalam keadaan yang baik, kita tidak mahu adanya istilah-istilah dianaktirikan, kita tidak mahu adanya istilah-istilah yang menyebabkan kita rasa sangsi terhadap berita tersebut maka saya minta Kerajaan Negeri melihat kepada skim insentif. Kita jaga wartawan kita, ini surat khabar kita, ini media kita dan kita minta mereka ini diberi insentif dan kebijakan yang sebaik-baiknya. Saya juga ingin membawa dan ingin menegur sedikit tentang cara kita mempamerkan imej Dato' Menteri Besar di dalam Negeri Selangor kita. Kita Kerajaan memerintah, kita mempunyai daerah-daerah, apa salah kalau Dato' Menteri besar atau MBI mempunyai satu *billboard* sendiri di semua daerah sebab kadang-kadang kita lihat *banner* Dato' MB ini di bawah pokok, di bawah jambatan, di celah itu, senget tak berapa nak cantik dalam keadaan Selangor kita yang memerintah. Apa salah setiap ADUN diberikan satu *billboard*. Apa salah MB ini diberi *billboard* di mana-mana sebagai tanda kita ini Kerajaan yang memerintah dalam ini. Saya menegur ini kerana kita tidak mahu bahawa imej Dato' Menteri Besar kita ini duduk di bawah *Bus Stand*. Duduk di bawah tempat-tempat yang tak sesuai. Saya harap perkara ini dapat diambilkira.

Manifesto kita. Kita telah mula melihat kepada pelaksanaan manifesto. Cadangan memberi RM100.00 pada setiap hari ulang tahun ke-60 bagi peserta SMUE harus kita segerakan. Saya lihat sekarang ini program *Jom Shopping* pun agak kurang sekarang ini. Saya tidak tahu kenapa? Apakah kita mempunyai masalah kewangan? Apakah kita mempunyai prosedur yang baru? Adakah kita ini hendak mengadakan sistem yang lain? Kita perlu diberitahu. Tetapi program RM100.00 untuk hari ulang tahun bagi peserta usia emas ini sangat baik dan harus dijalankan.

Wifi percuma. Wifi percuma ini saya difahamkan kontraktor telah ditukar. Kita kena mencari kontraktor yang boleh membawa setaraf dengan negeri kita yang maju di Negeri Selangor ini.

Akhirnya saya ingin membawa kepada titah Tuanku yang jarang-jarang disebut oleh Tuanku iaitu tentang pembangunan bola sepak di Negeri Selangor. Kecemerlangan sukan. Ada baiknya kalau Selangor kini mula mengadakan segmen tentang sukan, segmen tentang belia-belia. Saya agak kurang setuju segmen-segmen seperti cerpen, puisi. Saya tidak tahu siapa nak baca cerpen-cerpen ini? Kita kena menjadi lain daripada yang lain. Kita mesti menjadi Selangor kini yang membawa mesej Kerajaan Negeri. Adakan satu segmen khas untuk belia. Adakan satu segmen khas tentang berita bola sepak, berita rakyat. Saya meminta MBSA sekali lagi agar teruskan program menaiktaraf padang Paya Jaras yang sekarang dikenali sebagai "padang ragut" supaya menjadi sebuah Mini Stadium dan.....

**TUAN SPEAKER:** Minit terakhir, Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Akhirnya, pesanan terakhir saya. Pesanan terakhirlah. Tuan Speaker, saya dalam baru-baru ini waktu Bernama 24 *interview*. Dia kata apa pandangan saudara tentang pimpinan Y.A.B. saudara Azmin tanya dia?

Saya kata, *we are doing ok, we are doing good*. Tetapi harapan saya adalah EXCO kita hendaklah terbuka menerima kritikan, menerima teguran kerana kita bukan kaki mengampu sebagaimana UMNO dan Barisan Nasional. Kita tidak sama. Tidak sama. Sebab itulah hari ini kadang-kadang kita bunyi agak keras tetapi tidak ada niat kita nak menjatuhkan Kerajaan kita. Jadi, terima kasih Tuan Speaker. Paya Jaras menyokong titah Tuanku.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas dahulu. 20 minit ya setiap orang.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNLANANDAM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Seri Andalas ingin menyampaikan ucapan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Selangor yang telah mencemar duli merasmikan sidang di Dewan yang mulia ini. Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan

telah bertitah bahawa Baginda berkenan menggubal dasar-dasar Negeri mengikut keutamaan yang betul, selaras dengan ketentuan Mahkamah Syariah yang merupakan satu Gagasan penting di dalam Islam yang sentiasa relevan dengan perubahan zaman. Saya memang gembira dengan apa yang telah dikatakan oleh Tuanku. Negeri Selangor ialah satu negeri maju dan kena nampak bersih dan terus ke hadapan. Saya pun nak sentuh sedikit sahaja tentang GST ini. Semalam ada orang kata, bagi fakta, bagi fakta. Jangan cakap sahaja. Fakta pertama yang saya nak bagi Tuan Speaker ialah hutang negara kita sekarang ialah RM600 billion. Ini nampak berganda dua (2) kali selepas Dato' Seri Najib Razak jadi Perdana Menteri Malaysia. Ini ialah sama dengan 55% GDK keseluruhan ekonomi negara. Kalau begini pada masa sekarang kita pun adakan GST, malangnya Sungai Burong tak ada. Rakyat dia di dalam kawasan dia akan kena teruk dengan GST sebab katakan ada beberapa barang-barang yang tidak kena bayar GST. Itu ialah satu perkataan yang bohong. Saya katakan semua barang yang dijual di negara kita ini kalau sekarang dari 1 April ini hari, April Fool ini. Kita akan bayar GST. Adakah dia bagi makanan, minuman, apa pun kena bayar GST juga. *One way or rather, directly or indirectly, GST is apply to all goods and services in Malaysia.*

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mencelah sikit. Ini fakta. Saya nak beritahu fakta. Buku ini diedarkan oleh Kementerian Pengguna. Semalam dia kata tak ada naik barang. GST yang kena GST apa? Nasi putih satu pinggan, nasi goreng biasa, mihun.....

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNLANANDAM:** Kota Anggerik, nak tanya soalan ke nak ucap ini? Saya kena tau ini.....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Nak tambah fakta. Nak tambah fakta, fakta ini, fakta sebab di mana Yang Berhormat di kata buku ini yang warna *pink* ini. Kicap, tom yam, semua maggi mee, sardin, susu. Yang tak kena cencaluk, belacan. Jadi saya pun tak tahu Yang Berhormat jelaskan. Di mana fakta yang dibawa oleh sahabat-sahabat daripada UMNO betul ke?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNLANANDAM:** Terima kasih Kota Anggerik. Baru-baru ini saya telah hadiri satu forum yang telah pun diketuai oleh tokoh ekonomi negara kita iaitu Profesor Dr. Kamal Salleh. Saya tak tahu Barisan Nasional kenal ke nama tu, tak kenal tetapi dia ialah Penasihat kepada Perdana Menteri yang lepas. Kata beliau golongan *middle income* iaitu 30% sekarang ini di Malaysia. Masalah GST ini satu sahaja di dalam negara kita. Kalau gaji bulanan tidak naik, *if our wedges are not increase*, sekarang. Akibat 30% *middle income* ini akan jatuh sampai 20% sahaja di dalam negara. Ramai di dalam golongan *middle class* ini akan ada akibatnya untuk perbelanjaan akhir bulan kalau kita teruskan dengan GST. Saya ingat kita akan nampak akibatnya tidak berapa lama lagi dan Barisan Nasional akan jawab. Bukan kita.

Saya nak sentuh juga sedikit tentang isu, masalah jenayah di dalam negeri Selangor. Saya ingin menyentuh sedikit isu berkaitan keselamatan dan kadar jenayah yang kita hadapi di Selangor khasnya. Di peringkat DUN sahaja dan juga di seluruh negeri Selangor, kita telah menerima banyak aduan daripada rakyat berkaitan jenayah pecah rumah, samun dan gengsterisme yang semakin meningkat di kalangan belia. Ini bukan perkara baru, aduan demi aduan telah kita terima. Mangsa juga tidak dimaklumkan tentang status atau hasil daripada siasatan. Tindakan daripada pihak Polis adalah mengecewakan dan tidak seperti yang kita harapkan. Dia lebih sekarang penting kepada membuat *arrest* atas orang-orang pemimpin politik dan juga editor-editor *newspaper* pun sekarang ditangkap. Tak tahu, dia *twitter champion* dia. Tindakan dari pihak Polis adalah mengecewakan. Pihak Polis alasan biasa yang diberi adalah kekurangan tenaga tetapi pemimpin politik dan sebagainya tak ada kekurangan tenaga kerja. Lebih tenaga tangkap orang pukul 3.00 pagi dan juga tangkap orang di dalam restoran. Pakai M16, pakai *face musk* dan sebagainya. Apabila kita ajukan kepada pihak Polis, alasan biasa yang diberi kekurangan tenaga. Alasan ini sepatutnya tidak diberi kepada rakyat dan ianya bukan masalah rakyat. Ia adalah masalah dalaman pentadbiran Polis yang sepatutnya diselesaikan demi menjaga keamanan dan keselamatan rakyat di negeri Selangor ini.

Baru-baru ini hampir 100 orang aktivis telah ditahan berhimpun kerana menggunakan hak mereka untuk bersuara dan terbaru 5 editor sebuah portal media alternatif pula ditahan kerana menerbit sebuah artikel. Walaupun hak-hak rakyat ini termaktub di dalam Perlembagaan, tindakan pihak Polis ini dilihat menekan dan bersifat kuku besi. Kita dapat lihat tindakan selektif daripada pihak Polis yang begitu pantas terhadap sesuatu perkara yang sepatutnya tidak menjadi isu tetapi di dalam hal-hal berkaitan keselamatan rakyat.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan. Minta penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNLANANDAM:** Pelbagai-bagai alasan diberikan dan tindakan mereka begitu lambat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Seri Andalas. Saya dengar tadi soal ramai aktivis sudah ditangkap dengan ganas, dengan ala *gengster*, dengan guna M16 termasuk Ahli Parlimen kita ditangkap jam 3.00 pagi guna M16 dan seterusnya EXCO kita ditangkap, aktivis dan pengaman media juga ditangkap. Pagi ini saya gunakan reben kuning ini tanda *solidarity*kita, BBC kita bersama dengan media-media kerana mereka dizalimi dan ditangkap. Ini mencabul kebebasan. Soalan saya ialah apakah motif dan agenda tangkapan-tangkapan ini. Andalas, tolong. Boleh bagi tahu?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNLANANDAM:**Kita nampak selalu bila Polis bertindak demikian, ada masalah di dalam UMNO dan Barisan Nasional.

Bila selalu ada masalah di dalam UMNO dan Barisan Nasional, inilah tindakan dia kepada rakyat yang lain. Tak apalah itu perkataan yang lain. Sasaran saya supaya pihak Polis menumpukan kepada usaha menjaga keselamatan rakyat dan tidak menumpukan usaha menjaga ahli-ahli Politik. Dalam hal ini juga adalah lebih baik jika Ketua Polis Negara melapor kepada Parlimen berbanding kepada Perdana Menteri. Saya pasti jika ini dapat dilakukan, maka mereka tidaklah perlu menggunakan alasan tidak cukup tenaga kerja. Mereka juga akan lebih berani bersemuka dengan rakyat apabila dipanggil untuk berdialog dengan penduduk berkaitan isu yang sepatutnya menjadi keutamaan mereka.

Tuan Yang Dipertua Speaker, saya kena bawa isu dalaman yang itu di dalam kawasan saya dan ini ialah kena-mengena dengan Majlis Perbandaran Klang. Daerah Klang di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Klang ini adalah seluasnya 573 kilometer persegi dengan jumlah penduduk rasmi seramai 1.2 juta dan secara tidak rasminya ialah 1.5 juta. Klang dikenali Bandar DiRaja kini mengalami masalah utama di dalam pengurusan sampah, longkang kotor dan tersumbat, jalan-jalan yang berlubang dan lampu-lampu yang tidak berfungsi lagi. Malangnya saya kena bawa ini kepada Dewan sebab saya pun telah bawa isu ini kepada semua pihak atasan di dalam negeri termasuk Setiausaha Kerajaan, termasuk Pejabat Menteri Besar, semua orang. Tadi Paya Jaras minta tanya satu soalan. Apa peranan ADUN di dalam kawasan itu? Kita dipilih oleh rakyat, kita bertanggungjawab kepada keadaan di dalam kawasan-kawasan kita. Kalau kita tidak boleh bermesyuarat dengan Majlis Perbandaran atau pun PBT di dalam kawasan, siapa lagi akan jawab? Malangnya saya bawa isu ini bukan saya nak marah tapi saya seorang wakil rakyat yang duduk dalam kawasan. Orang datang ke rumah, saya nak pergi *walking* dengan isteri saya. Masalah dia bukan ‘Hello Y.B.’ tak ada. Longkang tak jalan, sampah di sini, sampah di sana, semua. Duduk minum kopi di kedai-kedai di kawasan serupa, sampah di sini, semua.....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Andalas. Masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan. Sambung nanti ya sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

**( Dewan disambung semula )**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Sri Andalas, jangan lebih 15 minit.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya sambung dan soalan saya adalah Klang telah berkembang pesat sejak 10 hingga 15 tahun yang lepas. Adakah tenaga kerja dan urus tadbir sedia ada di Majlis Perbandaran Klang mampu menangani dan menguruskan pentadbiran daerah ini kerana perkhidmatan sedia ada adalah lemah dan tidak berkesan. Jika tidak berkemampuan, saya cadangkan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang dipecahkan kepada 2 bahagian iaitu utara dan selatan. Klang Bandar Diraja

seharusnya menjadi contoh dan sering dengan pembangunan berkualiti, rakyat di peduli, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang perlulah bekerjasama dengan ADUN-ADUN yang dekat dengan isu-isu rakyat setempat kerana ADUN menjadi tempat rakyat mengadu masalah yang dihadapi. Saya minta kalau boleh kita kena kuatkan penguatkuasaan di dalam kawasan. Sekarang saya nampak banyak *ranting-ranting* yang along dan tempat berlesen untuk kita tumpukan kepada wang-wang yang *illegal bank* yang katakan banyak di atas jalan-jalan seluruh bandar Klang ini. Saya minta ye, bagi pihak membersihkan ye, kawasan-kawasan ini.

Yang dipertua Speaker, saya kena sentuh sedikit tentang masalah banjir juga. Banjir ini bukan sahaja di bawah Majlis Perbandaran tetapi di bawah JPS dan kerajaan negeri juga. Banjir adalah satu masalah yang kita sering hadapi kini. Usaha mengatasi banjir harus dipertingkatkan terutamanya kawasan bandar dan Jabatan Pengairan JPS Selangor, Majlis Perbandaran Klang dan ADUN mesti bekerjasama untuk memperbaiki infrastruktur sedia ada jika mahu mengatasi masalah banjir secara efektif. Kebanyakan kawasan perumahan telah dibina lebih dari 30 tahun. Disebabkan keadaan ini banyak infrastruktur yang telah uzur dan perlu diperbaiki. Kerosakan serta masalah infrastruktur seperti saliran longkang yang telah rosak dan mendap adalah antara punca yang dikenal pasti menambah kepada masalah kelancaran saliran air banjir. Saranan saya adalah supaya kerajaan negeri Selangor menyokong usaha membaiki ini dengan memberi gerangan yang berkaitan. Kerajaan negeri Selangor mempunyai kemampuan kewangan dan seperti yang saya katakan pentingnya melibatkan ADUN-ADUN dalam kawasan ini. Ini penting sebab malam tadi pun banjir di beberapa kawasan bukan sahaja di Klang tetapi saya dengar di Subang Jaya pertama kali di banjir juga dan rakan saya di Sri Muda memang banjir, Meru, di Bandar Klang dan sebagainya. Saya ingat kita kena adakan satu program ataupun untuk mengatasi masalah ini. Selalu jawapan dari EXCO bila kita minta ialah, hujan turun 70mm hari ini atau 90mm hari ini, itu bukan jawapan yang orang bawa bas, bawa kena dengar, dia, rumah dia masuk air, dia masalah besar, lebih besar dari itu dan orang yang pertama dengar rintihan dia adalah ADUN dan saya harap ye, kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan kita untuk atasi masalah ini dan saya harap juga kita atasi masalah ini dengan perbelanjaan yang tak libat banyak juga, RM100 juta cukup. Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk seluruh kawasan, tak ada banyak, kita ada RM3 bilion kan. Sikit sahaja ya.

Dan saya nak bawa isu yang lama yang dan saya selalu sentuhkan di dalam Dewan tetapi sampai sekarangnya EXCO berkenaan dengan PBT saya nampak tidak ambil perhatian yang itu *my policy of public drinking* polisi yang ada di dalam negeri ini sudah pun menjadi satu isu besar di dalam kawasan. Ini kawasan saya. Saya harap di semua kawasan lain di dalam negeri Selangor pun ada masalah yang sama. *Public drinking policy* itu di mana belia dan orang awam masuk ke dalam taman-taman dan malam sampai besok pagi minum minuman keras dan juga bising dengan muzik dan sebagainya. Ini ada kesan kepada penduduk dan juga di dalam

waktu siang pun di dalam padang awam pun saya nampak ada orang-orang yang minum dan sebagainya. Dan kita tidak boleh berhubungan dengan mereka, ataupun kita tidak boleh ada diskusi dengan mereka sebab mereka tak nak dengar dengan apa yang kita buat. Saya harap ye, PBT kalau dulu katakan EXCO PBT ada undang-udang ataupun *sub-clause* dalam undang-undang PBT tetapi saya tidak nampak penguatkuasaan undang-undang itu di dalam kawasan-kawasan terhadap di dalam negeri Selangor atau di daerah yang saya katakan. Itulah sedikit yang saya boleh bawa untuk Dewan pada hari ini. Dengan ini sekali lagi saya berharap kerajaan negeri akan mengambil tindakan proaktif terhadap isu-isu yang Seri Andalas telah bangkitkan. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker dan saya akhiri dengan sokongan saya terhadap titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker beri ruang kepada Bukit Gasing. Saya ingin mulakan ucapan saya petang ini kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana membuat satu keputusan yang cepat, cekap dan adil berkenaan dengan isu Lebuh Raya KIDEX. Sepanjang tahun 2014, isu ini hangat dibicarakan di luar dan juga di dalam Dewan ini dan apabila Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa menjadi Menteri Besar 3 syarat yang telus telah diberikan kepada pihak konsesi dan dengan satu *time line* yang cukup jelas iaitu 3 bulan pihak konsesi tidak menepati satu pun daripada 3 syarat dan dengan ini kerajaan negeri telah membatalkan dan saya ingin mengucapkan terima kasih.

Dan saya juga menghargai kenyataan Yang Amat Berhormat mengenai satu *Public Transport Master Plan* dengan izin. Perkara ini juga saya telah banyak kali mencadangkan di Dewan untuk 2 tahun yang lepas. Mungkin saya nak tanya pada petang ini. Apakah ciri-ciri *Public Transport Master Plan* ini. Pihak jabatan mana yang akan menggubalnya dan adakah ia untuk Petaling Jaya sahaja ataupun untuk seluruh Negeri Selangor.

Untuk ucapan saya pada hari ini, saya ingin menyentuh kepada sektor informal pada mulanya dan juga selepas ini saya ingin menyentuh Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk sektor informal. Ia basically adalah kedai jual goreng pisang tepi jalan, kedai jual nasi lemak tepi jalan, makcik yang jual buang tepi jalan dan pelbagai lagi jenis pekerjaan. Kriteria dalam definisi sektor informal ialah ia tidak perniagaan yang tidak mendaftar dengan SSM, tidak mendaftar dengan mana-mana badan profesional *is more like self employed* dengan izin. Mengikut statistik dari Jabatan Statistik yang saya dapat daripada 13 juta pekerja di Malaysia 1.3 juta adalah daripada sektor informal. 10% itu bukan satu angka yang kecil, cukup ramai adalah dalam sektor informal. Antara semua dalam sektor informal 70% bekerja sendiri selainnya bekerja dengan keluarga. Hanya 2.4% adalah daripada sektor informal ini adalah majikan

maksudnya mungkin mereka jaga kedai gerai nasi lemak ada satu pembantu, hanya 2.4%, selebihnya tiada. Jadi banyaknya *self employed* dengan izin. Kebanyakannya juga bumiputra 67%, dan terdapat 10% warga asing, saya rasa kebanyakannya pemotong rumput yang pergi rumah ke rumah dan di Selangor juga cukup banyak. Mengikut Jabatan Statistik, 15.2% daripada semua pekerja sektor informal berada di negeri Selangor, lebih kurang 200,000 pekerja.

Saya ingin membawa kepada Dewan hari kerajaan negeri Selangor patut memberi satu penekanan dan perhatian kepada golongan ini. Mereka menyumbang kepada ekonomi dan mereka mencuba untuk menyara hidup mereka. Ini seajar dengan pelbagai Skim Mikrokredit yang kita ada, SkimSel, Mimbar dan sebagainya. Kita cuba membantu golongan untuk berdikari. Kebanyakan mereka adalah yang miskin tetapi Pihak Berkuasa Tempatan sering mengejar mereka, sering membuat kehidupan mereka lebih susah daripada apa yang mereka sedia ada. Kita selalu lihat kebanyakan daripada gerai-gerai ini di tepi jalan kebanyakan daripada peniagaan-perniagaan ini tidak berlesen dan apabila mereka tidak berlesen mereka sering menghadapi kesusahan apabila pihak penguat kuasa datang. Pada pandangan saya, mereka harus beri perhatian, mereka bukanlah kacau ganggu kepada masyarakat. Memang kadang-kadang tempat mereka memilih tempat untuk bermiaga tidak sesuai, tetapi kita boleh *facilitate* dengan izin. Kalau kita lihat rancangan tempatan setiap daripada 12 PBT kami, banyak dibicarakan berkenaan zon guna tanah untuk komersial, industri dan sebagainya. Tetapi kita tidak ada rancangan untuk macam mana kita memberi ruang kepada sektor informal ini untuk mengembangkan perniagaan-perniagaan mereka. Pada pandangan saya kerajaan negeri Selangor antara semua negeri di Malaysia patut menjadi negeri yang pertama untuk memandang serius perkara ini dan memberi sedikit penekanan. Kita hendak Pihak-pihak Berkuasa di negeri Selangor kesemua 12 daripadanya untuk mencari jalan, macam mana kita boleh *facilitate* peniaga-perniaga ini, individu-individu ini dan di negeri Selangor ini terdapat 200,000 bukan satu angkat yang kecil. 200,000 *how can we first facilitate them so they can grow there are business* dengan izin. Macam mana kita boleh menolong mereka supaya mereka boleh dapat lesen perniagaan, bermiaga di tempat yang sesuai dan juga untuk mengembangkan, memberi mereka peluang untuk mendapat pinjaman lebih daripada, bermula di Mikrokredit tetapi lebih daripada Mikrokredit, selepas itu supaya mereka boleh menjadi penyumbang kepada ekonomi negeri Selangor.

Saya harap dalam pembinaan satu kawasan komersial baru we have shop lot yang cukup banyak, tempat letak kereta yang cukup banyak *why not* kita juga sediakan peluang untuk mereka yang bermiaga *in-between all of this. That complements*. Penduduk di Malaysia suka membeli goreng pisang, suka beli nasi lemak, cukup maklum. Kalau tak mereka tak akan bermiaga di tepi jalan. So *why not we facilitate, why not we gave for them in our development*.

Isu yang kedua yang ingin saya bawa ialah berkenaan dengan *performance PBT-PBT* kami. Saya rasa ini adalah isu yang terbesar di DUN Bukit Gasing. Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan dan semua *specifically on prestasi MBPJ*. Di DUN Bukit Gasing kalau tanya mana-mana penduduk mungkin 4 perkara yang sangat penting. Pendidikan anak-anak mereka, tetapi ini di luar kawalan negeri Selangor, *cost of living* yang ini banyak dibicarakan pada hari ini, GST menambah beban untuk penduduk di DUN Bukit Gasing. Keselamatan memang diharapkan, polis boleh melakukan lebih, tak payahlah selalu nak kejar atas *politician-politician* daripada Pakatan Rakyat tak payahlah nak kejar atas pemberita-pemberita tetapi tolonglah beri penekanan kepada menyelesaikan kes-kes jenayah yang dilaporkan tetapi

Satu lagi aspek yang selalu menjadi perbicaraan di kawasan Bukit Gasing ialah prestasi PBT. *Maintenance*, apa-apa *maintenance* yang dilakukan oleh PBT seperti pembersihan tempat awam, padang, jalan raya, longkang seperti *maintenance* kepada lampu jalan raya dan sebagainya perlu dilakukan kepada satu tahap yang memuaskan. Pada masa ini kita ada cukup banyak kontraktor, hampir semua kerja dilakukan oleh kontraktor bukan *in-house*, memang ada spesifikasinya dan kalau diikut spesifikasinya saya rasa *the performance so be good enough something yet be can accepted by a lot of the public* dengan izin, tetapi kebanyakan kontraktor kita tidak *perform* kepada permintaan minimum. Prestasi yang diminta untuk pembersihan padang, setiap hari kontraktor perlu bersihkan padang, kutip semua sampah dalam padang tetapi banyak kali saya kena turun di padang-padang di kawasan DUN Bukit Gasing, lihat sampah tidak dikutip, tak disapu, tong sampah tidak dikosongkan. *Basic monitoring* ini tiada ataupun kurang. Ini perlu ditingkatkan. Kontraktor dan penyelia kontraktor yang tidak membuat kerja dengan sebaik-baiknya perlu ditukar. Cukup banyak kontraktor di negeri Selangor. Saya ingat satu tender kalau buka itu ada 70 hingga 100 orang yang nak masuk tender tersebut. Kita perlu memilih dengan lebih teliti, kita perlu memastikan sesiapa yang dipilih ini memang ada pekerjanya, memang ada penghususan dalam bidang tersebut, dan boleh *perform* supaya *in the end of the day* kerajaan Pakat Rakyat di negeri Selangor bolehlah dikata *kitadeliver* yang terbaik untuk penduduk.

Yang kedua, kita juga perlu melakukan inisiatif menambah baik. Tadi, *maintenance* untuk mengekalkan yang sedia ada, tetapi inisiatif untuk tambah baik perlu dilakukan. Kalau kita boleh melancarkan satu inisiatif setiap bulan, rakyat akan lihat dan kagum. Pihak PBT di bawah Pakatan Rakyat ini semakin menambah baik. Dan satu inisiatif sebulan yang saya cadangkan ini, tidak terlalu banyak. Kerana satu PBT itu pun paling kurang pun 15 jabatan. Kalau satu jabatan buat satu idea satu tahun, satu idea sebulan ni boleh dicapai. Dan satu idea satu tahun untuk satu jabatan ini saya rasa tidak terlalu membebankan. Mungkin saya boleh bagi sedikit contoh jabatan yang mengendalikan aduan di pihak PBT seperti di MBPJ. Baru-baru membuat *facebook application* untuk menerima aduan. Itu satu inisiatif yang bagus. Mungkin itu boleh dicontohi oleh PBT-PBT lain.

Satu lagi contoh pihak kejuruteraan boleh membuat satu inisiatif untuk mencari semua sudut jalan raya yang tidak mempunyai lampu jalan kerana di DUN Bukit Gasing pun masih lagi ada tempat *blind spots* yang lampu jalan tiada. Dan kalau ini boleh diisi. Mungkin untuk sisa pepejal (Jabatan Sisa Pepejal), mereka boleh melakukan satu kempen berterusan untuk mengeluarkan semua *banner along*. Mungkin saya nak kongsikan di Dewan ini untuk tiga bulan yang lepas, saya telah melantik seorang kontraktor menggunakan peruntukan DUN untuk membersihkan *banner-banner* di tepi jalan setiap hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Dia turun, dia bersihkan daripada pagi hingga petang (8 jam) dia diminta bekerja sehari dan dia menunjukkan satu kesan yang baik. Memang bilangan iklan haram itu akan turun mendadak tapi dengan syarat (*Banner* seperti itu). Dengan syarat dia mesti lakukan setiap hari. Sebab bila dia ambil hari yang pertama, hari kedua dia mesti dan nak balik. Kalau dia ambil keluar setiap hari, lepas sebulan dia dah *fed up*. Dia mesti cari cara lain untuk mengiklankan perniagaannya. Jadi, kalau PBT-PBT kami boleh melaksanakan satu inisiatif

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda minta mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Sebulan

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Rakyat akan melihat prestasi dengan baik. Ok, saya beri laluan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih Bukit Gasing. Saya tertarik dengan idea ataupun cadangan yang dikemukakan di mana ADUN-ADUN menggunakan peruntukan melantik satu orang sebagai usaha membantu Pihak Berkuasa Tempatan menangani masalah iklan haram. Jadi, apakah Yang Berhormat nak mengesyorkan kepada semua Ahli-Ahli Dewan ini untuk mengikut langkah yang serupa disebabkan oleh ada beberapa PBT yang mungkin kurang berkesan melakukan tugas ini ataupun telah pun penat melakukan tugas ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Y.B. Sri Muda. Ok. Saya bagi satu lagi.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sama juga. Saya bawa iklan itu sebab saya nak tunjuk Dewan ini tetapi lepas itu saya tak nak tunjuk pun. Tetapi, memang iklan ini jadi satu masalah besar bukan saja di kawasan saya, tetapi saya nampak di semua kawasan. Tetapi, saya sedikit tak berapa setujulah kalau kita belanja peruntukan kita untuk membuat pembersihan di dalam kawasan, itu macam bayar dua kalilah. Sebab, memang ada (apa itu) kontraktor-kontraktor yang telah ditetapkan oleh PBT-PBT masing-masing untuk buat kerja. Ini bermakna,

adakah saya betul ke tak betul saya minta Y.B. Bukit Gasing ini adalah bawah penguatkuasaan ini. Tak berapa kesan dan cukup untuk turunkan iklan-iklan haram ini di dalam kawasan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ini ialah yang saya cadangkan. Yang tadi itu *supervision* itu mesti penting. Itu sangat penting supaya kontraktor melakukan kerja. Tetapi juga di samping *supervision*, spesifikasi kerja seperti dikawasan saya (di MBPJ) tidak ada skop untuk kontraktor menurunkan iklan haram ini setiap hari. So, saya pergi lebih daripada skop yang sedia ada. Saya mencuba satu eksperimen dan saya lihat ia berhasil. Sebab *banner-banner* along, kalau diturunkan sekali seminggu tak berkesan. Kalau diturunkan, dalam 3 jam dia akan naik balik semula. Jadi, saya cuba turunkan setiap hari. Adakah ia akan berkesan. Selepas 3-4 minggu boleh nampak hasilnya. Kepada Y.B. Sri Muda, saya harap pihak PBT akan mengambil beban ini. Kalau pihak PBT boleh mengambil, peruntukan Adun tidak perlu dipakai. Itulah hasrat saya yang pertama. Tetapi saya sanggup pakai peruntukan Adun untuk mencuba mencari cara-cara untuk menambah baik perkhidmatan. Seterusnya

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Penjelasan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Dengan. Ok.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Berapa nilai yang dikeluarkan oleh pihak tuan?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ia membelanjakan RM6,500 sebulan. Terima kasih Y.B. Meru kerana berminat.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Berapa?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** RM6,500 sebulan. Untuk isu seterusnya (*then we move on*) mungkin Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh ambil perhatianlah. Memang cukup banyak minat dalam kempen ataupun kontraktor untuk mengeluarkan iklan haram ini. Memang sangat penting supaya Selangor bersih, ceria dan indah.

Untuk isu seterusnya, saya ingin membawa kepada pemprosesan TOL untuk *billboard-billboard*. Untuk maklum, PBT sekarang menjadi penyewa tunggal daripada pejabat daerah untuk TOL-TOL ini dan akan disewakan kepada syarikat *billboard*. Tetapi, proses untuk menyewa (mendapatkan TOL) daripada pejabat tanah ini agak lambat. Terutamanya saya cerita daripada pengalaman di daerah Petaling. Jadi, banyak syarikat iklan (mereka) berada dalam keadaan yang susah sebab mereka memohon daripada PBT, PBT telah meluluskan itu dan apabila PBT meluluskan sesuatu tapak (saya rasa cukup penilaian telah diberi terhadap kesesuaian tapak

tersebut), dan selepas itu mengambil beberapa bulan dan sampai sehingga setahun untuk TOL dikeluarkan. Ini merugikan PBT dan juga pejabat tanah dari segi hasil yang hilang (yang tidak dapat dikutip) kerana tempoh pemprosesan agak perlahan. Jadi, saya harap perkara ini akan diberi perhatian bahawa selepas PBT melalui proses untuk meluluskan, pihak pejabat tanah (saya harap) dalam beberapa minggu bolehlah keluarkan TOL. Tak payah nak cerita balik menilai semula kerana PBT pun telah melakukan semua lawatan tapak dan perbincangan dengan wakil-wakil penduduk dan sebagainya.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan isu *Hindu Endowment Board*. Saya rasa perkara ini pun telah dicadangkan beberapa kali di Dewan ini dan saya ingin mengemukakan sekali lagi. Perkara ini adalah sesuatu yang diminta oleh komuniti Hindu di negeri Selangor ialah satu badan seperti yang ada di negeri Pulau Pinang dan juga satu contoh juga di Singapura untuk mentadbir kuil-kuil terutamanya di mana tanah diberi oleh kerajaan negeri Selangor. Cukup banyak isu yang kita ada bila kita nak mengalihkan kuil untuk pelebaran jalan dan sebagainya dan kalau kita ada satu *Hindu Endowment Board*, dia boleh menguruskan, membantu kerajaan negeri untuk menguruskannya dengan baik. Tetapi, saya juga maklum kemungkinan kita memerlukan persetujuan daripada kerajaan persekutuan untuk menu buhkan. Jika kerajaan Selangor setuju dengan cadangan penubuhan *Hindu Endowment Board*, saya harap kita boleh meluluskan satu usul di Dewan ini, usul yang dibawa oleh pihak kerajaan bahawa negeri Selangor hendak menu buhkan satu *Hindu Endowment Board* seperti mana ditubuhkan di negeri Pulau Pinang untuk kita majukan kepada kerajaan persekutuan. Dan ini pernah dilakukan (kerajaan negeri pernah) menjadi satu *champion* untuk isu-isu walaupun di bawah pemerintahan kerajaan persekutuan seperti isu air, seperti *auxiliary police* (polis bantuan). Jadi, saya harap jika Kerajaan Negeri boleh bagi sedikit ulasan sama ada kerajaan negeri setuju atau tidak dengan penubuhan, dan jika setuju mungkin kita boleh ada satu usul daripada EXCO kerajaan untuk kita meluluskan cadangan penubuhan *Hindu Endowment Board* ini.

Dan isu terakhir yang saya membawa ialah berkenaan dengan tanah pajakan komersial. Cukup maklum bahawa kita ada skim untuk pembaharuan tanah pajakan kediaman yang sedia ada yang cukup baik yang pertama di Malaysia. Hanya RM1,000.00 boleh dilanjutkan pajakan sehingga 99 tahun, tetapi pemilik tanah komersial menghadapi sedikit kesusahan untuk membaharui pajakan mereka. Ada di antara mereka yang syarikat besar seperti McDonalds, bank dan sebagainya. Mereka itu tak ada masalah. Mereka boleh memperbaharui. Mereka mampu membayar premium. Tetapi, di kawasan DUN Bukit Gasing terutamanya di bandar lama Petaling Jaya, terdapat banyak pemilik kedai yang juga operator perniagaan seperti kedai runcit, seperti restoran. Mereka memiliki premis dan mereka membuat *business* kecil-kecilan dan mereka sekarang berdepan dengan satu bayaran premium antara RM500,000.00 hingga RM600,000.00 untuk membaharui pajakan. Dan kawasan bandar lama PJ tempoh pajakan mereka berakhir tahun ini dan tahun

hadapan. Dan ada juga beberapa kes yang sudah pajakan dia berakhir tahun lepas. Jadi, mereka dalam keadaan yang terdesak. Bukannya ada 20-30 tahun lain yang boleh difikirkan, tetapi sebab pajakan dia berakhir dalam tempoh tahun ni dan tahun hadapan, mereka perlu satu penyelesaian. Ada yang di antara mereka yang tidak mampu untuk membayar keseluruhan RM500,000.00-RM600,000.00 dan disebabkan mereka satu perniagaan yang kecil, mereka tidak dan mereka kebanyakannya adalah warga yang tua. Agak susah untuk mereka mendapat pinjaman bank. Saya harap...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing, minta tamatkan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya harap kerajaan negeri boleh menimbaangkan satu skim mungkin membantu mereka, mungkin seperti skim kediaman ataupun bayaran ansuran yang berpatutan supaya membantu mereka untuk membayar premium untuk memperbaharui pajakan mereka. Jadi, sekian. Empat isu yang saya bawa hari ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Timbalan Speaker. Assalamualaikum Wabarakatuh dan salam sejahtera. Y.B. Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan. Selat Klang menyokong usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Saya ikuti dengan tekun titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mahu kerajaan Selangor menggubal dasar-dasar negeri mengikut keutamaan yang betul selaras dengan tuntutan *Maqasid Syariah* yang merupakan gagasan penting dalam Islam. Ini bermaksud kerajaan negeri harus merancang dalam rangka-rangka boleh mencapai objektif utama memenuhi enam keperluan asas kehidupan manusia iaitu menjaga agama, menjaga akal, menjaga diri dan nyawa, menjaga keturunan, menjaga harta dan menjaga kehormatan diri. Semuanya adalah faktor kritikal untuk mencapai status (dengan izin) *baldatun toibatun wa rabbun wofur* atau negeri yang baik, makmur dan diberkati oleh Allah SWT *insya-Allah* seperti yang termaktub dalam Surah Saba' – ayat 15.

Saya yakin ramai Ahli Yang Berhormat kenal Steven Covey, pengarang masyhur buku *Seven Habits Of Highly Effective People*. Saya berpendapat kerajaan

bolehlah memanfaatkan konsep dalam bukunya, dalam urus tadbir dan pemerintahan yang berkesan untuk negeri Selangor. Tabiat yang pertama bertindak proaktif. Bukan semata-mata reaktif. Dan saya rasa istilah ini banyak disebut di dalam Dewan ini ‘*be proactive*’ (dengan izin) iaitu merancang dengan hasil kajian atau analisis yang membekalkan maklumat tepat (sekurang-kurangnya paling minima) untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai kawasan urus tadbir untuk menghasilkan pelan tindakan dan merangka pelaksanaan serta pemantauan dan sentiasa menambah baik pelan untuk melayakkan diri ke status negeri yang baik, makmur serta diberkati Allah. Kerajaan harus mahu melabur untuk mendapat sumber ilmu, kemahiran dan daya kekuatan untuk mencapainya.

Saya mencadangkan agar kerajaan mengkaji secara objektif dan menyeluruh segala keperluan rakyat di negeri Selangor dalam semua bidang kritikal untuk masa kini, masa akan datang dengan mengambil kira kepelbagaian dan perbezaan sedia ada dan kompleksiti sosiobudaya yang bertambah. Kita tidak mahu dasar *flip flop* yang sentiasa berubah mengikut perubahan politik seperti yang berlaku dalam sistem pendidikan negara seperti PPSMI yang kita lihat seolah-olah sinonim dengan kerajaan pusat.

Tabiat kedua (dengan izin) *begin with the end in mind*. Kerajaan negeri perlu jelas dengan matlamat atau tujuan pentadbiran dan pengurusan serta penggunaan wang rakyat. Apa yang mahu dicapai? Inilah yang mahu dicapai dengan *Maqasid syariah* (untuk menegakkan kebaikan atau yang makruf dan menjaga kemaslahatan atau kepentingan dan mencegah kemungkar atau keburukan di kalangan manusia).

Kes banjir kilat yang kerap, krisis air, masalah pembuangan sampah, gejala sosial dan jenayah, masalah kemiskinan dan kemelaratan, isu ekonomi, semua ini perlu dilihat secara holistik. Bukan terpisah-pisah antara portfolio sedia ada. Saya mahu bertanya kepada kerajaan adakah perkara saya (contoh ya). Adakah perkara yang saya bangkitkan pada sidang yang lepas khususnya mengenai Pejabat Daerah Klang yang tidak mempunyai bot dan ini sidang sebelum banjir atau bah besar di pantai timur adakah ia telah diambil tindakan oleh Kerajaan kerana kita tahu tidak mustahil perkara yang seperti di pantai timur itu berlaku di Selangor dan khususnya di Klang yang hampir dengan laut yang dikelilingi oleh sungai dan selalu banjir seperti disebutkan oleh Sri Andalas.

Tabiat ketiga *Put First Thing First* dengan izin atau mengutamakan yang utama dan mengutamakan utama yang paling utama. Inilah inti sari dalam *Fick Our Loving. Out Lowyat* lebih-lebih lagi dengan sumber yang terhad mana satu yang nak dibuat dulu, semuanya kompelin semuanya nak dibuat yang mana satu yang paling utama.

Tabiat ke empat *Staying Win Win*. Kerajaan mesti memikirkan perkara yang benar-benar menguntungkan rakyat, mengurangkan beban rakyat memperkayakan makna dan kualiti hidup rakyat dengan bermulanya GST. GST hari ini maka lebih 5 juta

rakyat Selangor akan terbeban. Saya mengesyorkan Kerajaan Negeri Selangor yang berkebijakan ini mencari jalan untuk mengurangkan beban rakyat terutama di kalangan rakyat miskin dan kelas menengah. Teliti cukai atau tafsiran atau manakah yang boleh dikurangkan atau ditangguhkan. Kita tak kisahlah yang pusat kata GST itu bagus tapi Selangor apa kita boleh buat. Apa yang dalam capaian Kerajaan Negeri Selangor? Saya mengesyorkan Kerajaan Negeri Selangor perlu mewujudkan satu *Task Force* khas untuk memantau keadaan Selangor yang terkesan dengan masalah GST yang akan memberi tamparan hebat kepada semua manusia daripada yang belum lahir sehingga yang meninggal dunia pengurusan jenazah mungkin terkesan juga dengan GST yang mati tu pun mungkin akan naik kos untuk menguruskan jenazah.

Tabiat kelima *Seek First To Understand Then To Be Understood* dengarlah rintihan isu dan masalah rakyat dengan hati yang terbuka. Dengar juga masalah pelaksana dasar yakni penjawat awam. Kita selalu kata *The Delivery System* apa masalah penjawat awam sehingga mereka tidak boleh melaksanakan dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan. Dengar juga pimpinan kampung orang awam dan juga dengan ADUN kata Paya Jaras. Selamalah derita warga Selangor dahulu barulah Kerajaan mengorak langkah memahamkan rakyat mengenai Visi, Misi, Dasar dan peraturan yang mahu diperkenalkan. Sebelum projek besar dijalankan terutama yang akan menyebabkan kehilangan harta benda terutama rumah kesayangan mereka, mesyuaratlah dahulu dengan rakyat, tanyalah rakyat bersyuralah dengan rakyat. Dengar bantahan dengan lapang dada dan hati terbuka, bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Saya sekarang ini menghadapi masalah jambatan ke 3 Klang di mana mereka masih lagi selesai kerana diberi hanya 3 bulan untuk keluar daripada rumah mereka premis mereka dan mereka ini dah pencerah dah tua bagaimana nak cari tempat yang agak sesuai dalam masa 3 bulan dengan pampasan yang tidak apa tidak memuaskan hati penduduk. Rakyat adalah manusia yang berperasaan jangan rampas harta mereka tanpa memberi ruang secukupnya menzahirkan pandangan dan melayan tuntutan mereka seadilnya.

Tabiat ke-6. *Synergy* Kerajaan Negeri perlu bersifat profesional dengan menggembangkan segala kekuatan modal insan yang sedia ada tanpa mengira kecenderungan politik untuk bersama membangun negeri dengan membentuk pasukan kerja yang mantap dengan visi dan misi yang dikongsi bersama bagi memacu pembangunan lestari serta diampuni pencipta. Selangor kaya dengan para ilmuan sama ada ilmuan dunia atau duniawi mahupun ukhrawi. Selangor juga adalah lombok pesara-pesara dengan khazanah dengan izin tesis *knowledge* atau dengan pengalaman mereka. Semua mereka ini boleh diupgrade dengan izin dengan modal-modal insan yang boleh menyumbang secara positif kepada proses pembikinan tamadun Selangor yang unggul. IPT juga yang paling banyak di negeri Selangor.

Ke-7 *Sharpen The Saw*. Untuk memastikan kelestarian ke seimbangan daya maju daya juang dan daya tahan Kerajaan ini yang terkini *aid habit from effective nurse to great nurse*. Sebuah Kerajaan yang berkesan sudah tentu perlu melonjak ke arah tahap kehebatan agar Selangor terus di mercu kejayaan kecemerlangan yang berjaya menyediakan iklim ke arah kualiti hidup terbaik bagi rakyatnya. Kayu ukurnya berupa kejayaan negeri memenuhi keperluan asas rakyatnya. Khususnya rakyat cukup makan ada tempat tinggal yang selesa selamat sejahtera dan harmoni serta menikmati persekitaran yang nyaman. Realiti Selangor yang bercirikan *diversity* kaum budaya agama dan latar belakang menuntut agar Kerajaan mempunyai perancangan modal insan yang berkemampuan mengharung segala cabaran, menguruskan keperluan dan kehendak bahkan nilai kelompok yang berbeza kehendak bahkan nilai kelompok yang berbeza untuk memastikan Selangor terus membangun dan maju serta aman makmur dan dirahmati oleh Allah SWT. Semua ini selari dan selaras dengan tuntutan *Marqasid Syariah* yang telah diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Selangor adalah dengan izin *Little Malaysia*. Kemampuan Selangor menguruskan aset terpenting yang paling utama di Selangor iaitu insan sudah tentu menjadi kunci kejayaan mencapai (Ayat Al-Quran) atau negeri baik yang makmur yang telah diberkati Allah SWT. Selat Klang menegaskan Kerajaan Selangor perlu meletakkan keutamaan menyuburkan perpaduan melalui program yang melahirkan kesefahaman antara kelompok yang pelbagai nilai dan latar belakang dan melorongkan rakyat ke arah set *vision* dan *mission* dan mendidik rakyat melihat *the big bigger*. Isu *local* di Selat Klang yang saya mahu mengutarakan. Tadi saya dah sebut tentang isu jambatan ke-3 Klang. Jadi Selat Klang mahu Kerajaan mengkaji aspek kemanusiaan ini secara adil dan mengesyorkan alternatif yang sesuai untuk dipertimbangkan oleh penduduk yang terlibat. Masalah pengurusan pangsapuri kos rendah, Selat Klang memerhati dan meneliti isu-isu yang dihadapi oleh golongan marhaen yang terkesan oleh dasar setinggan sifar 2005 dan dipaksa oleh Kerajaan sebelum 2008 untuk berpindah ke pangsapuri kos rendah yang kurang fasiliti dan kemudahan awam dan dibebankan dengan masalah lokasi yang jauh daripada kemudahan awam sistem pengangkutan yang berkesan dan *reliable* dengan izin memungkinkan anak-anak mereka boleh pergi ke sekolah dengan mudah dan mereka sendiri boleh cari rezeki dengan tanpa terbebani dengan masalah menyelesaikan masalah bertimpa ekonomi akibat kompleks *city system transport*. Saya ingin ingatkan kepada Kerajaan Negeri kelompok miskin bandar paling ramai berkemungkinan besar ramai tertumpu di kawasan seperti ini. Kerajaan Pakatan Rakyat warisi masalah kompleks di pangsapuri. Jenis ini pada 2008, saya yakin jabatan dan agensi kerajaan bersetuju *hotspot* gejala sosial seperti dadah, vandalisme, maksiat, sumbang muhrim, jenayah kecurian ponteng sekolah adalah di kawasan ini. Di situ jugalah masalah literasi yang paling teruk menggagalkan mereka untuk mengisi borang permohonan untuk mendapat bantuan serta mengatasi masalah mereka melalui sistem mereka yang menyusahkan belum tentu dapat menyelesaikan masalah khususnya masalah lokasi borang yang kompleks dan lain-lainnya. Saya mengesyorkan Kerajaan Negeri melihat masalah kelompok pangsapuri kos rendah ini secara holistik tidak boleh satu

aspek sahaja satu sudut sahaja. Kejayaan di sesebuah pangsapuri adalah bagus tetapi ia tidak semestinya boleh diguna pakai oleh pangsapuri di tempat lain. Berjaya di Pandamaran tidak menjamin ia akan berjaya di Seri Perantau, perlu dilihat *transportability* konsep itu maka, saya mengesyorkan kerajaan mengkaji secara *success oriented* dengan izin *customize* yang sesuai dengan adaptasikan menurut isu itu dan keperluan *local*. Perlu pasukan khas atau *Task Force* mencari total *solution fronge* iaitu tindakan sepadu antara kolaborasi di antara semua jabatan dan agensi kerajaan untuk mengenal pasti setiap masalah utama dan dicarikan jalan untuk menyelesaikan masalah dengan cara berkesan. Perlu ada *timeline* atau *roadmap* ke arah menyelesaikan masalah. Dengan ketidakupayaan yang jelas di kalangan mungkin lebih 90 % daripada JMB jenis perubahan perumahan sebegini, saya mendesak Kerajaan Negeri mengambil tindakan menang-menang untuk mengatasi menghapuskan masalah punca rantai masalah iaitu JMB tidak mampu jangan terus biarkan mereka tenggelam dengan masalah kronik dengan beban yang tidak mungkin mereka mampu boleh menyelesaikan sendiri. Maka saya mahu Kerajaan dengan izin *take the bull by the horn*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang, panjang lagi ke?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Sikit lagi, sikit lagi

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pendekkan

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Sikit lagi, sikit lagi

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Kerajaan Negeri perlu komited menyediakan tabung khas menguruskan masalah ini secara sistematik. Selat Klang mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang sudah menyediakan misi rumah Selangorku dengan jumlah yang agak besar tetapi ini adalah bersifat mencegah dan menyediakan perumahan bagi mereka yang belum memiliki rumah persoalan saya yang saya nak bangkitkan ialah penyelesaian *once and for all* masalah yang melibatkan penduduk yang sudah berdekat dalam keadaan yang amat memalukan bagi negeri maju Selangor. Selat Klang bagi mewakili penduduk pangsapuri Sri Perantau memohon perhatian terfocus Kerajaan Negeri. Merujuk kepada tuntutan *Marqasid Syariah*, Kerajaan perlu fokuskan penyelesaian meningkatkan kualiti hidup di kalangan pangsapuri kos rendah boleh menjadi program perintis yang boleh menonjol ketokohan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah dengan menggembung semua agensi berkaitan termasuk anak syarikat Kerajaan yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam perumahan terutama sekali bagi anak syarikat yang telah bertanggungjawab membina pangsapuri tersebut seperti PKNS. Last sekali Timbalan Speaker, Kita semua maklum rawatan perubatan adalah bawah Kementerian Kesihatan atau Kerajaan Pusat, namun banyak perkara terdapat tindakan proaktif khususnya daripada segi pencegahan yang lebih baik daripada merawat boleh diusahakan oleh

Kerajaan Negeri. Umum tahu Selangor mencatat kes denggi tertinggi dalam negara, persekitaran boleh mempengaruhi kesihatan manusia kebersihan kesesakan tabiat manusia, keadaan taman, penyakit berjangkit dipengaruhi oleh persekitaran daya ketahanan atau tahap imuniti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta akhirkan

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Last sekali. WHO menganggarkan 1 dalam 5 orang akan menghadapi masalah kesihatan mental dalam hidup mereka. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri telah bersedia untuk merancang secara sistematis untuk memastikan rakyat di negeri Selangor ini yang dalam apa muah mengejar kemajuan fizikal adakah program yang sistematis dalam memaju budaya hidup yang sihat dan dalam masa yang sama mereka tidak menghadapi masalah kesihatan mental ini. Selat Klang menyokong usul ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** SilaSemenyih

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Terima kasih timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Ahli-Ahli Dewan, Assalamualaikum Salam Sejahtera Salam Satu Malaysia, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Semenyih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan dewan yang mulia di mesyuarat pertama penggal ketiga 2015 kali ini. Saya menyambut titah tuanku yang menyeru agar perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat tidak di politik oleh mana-mana pihak supaya dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tuan Speaker Kerajaan Tempatan merupakan institusi kerajaan peringkat ketiga yang diberikan kuasa mentadbir, merancang dan melaksana tanggungjawab dengan matlamat menyediakan segala kemudahan kemasyarakatan dan fungsi-fungsi lain yang telah ditetapkan. Umumnya konsep kerajaan tempatan merujuk kepada Pihak Berkuasa yang mentadbir sebuah kawasan yang lebih kecil dari sebuah negeri dan di Selangor punya 12 PBT yang mempunyai perbezaan dari segi gerak kerja dan perolehan tersendiri. 8 daripada nya terletak di bandar dan 4 dari kawasan luar bandar. Ahli majlis memainkan peranan yang besar dalam menyediakan kepimpinan masyarakat.

Mereka mewakili pimpinan komuniti dan menyediakan satu hubungan penting dengan pihak berkuasa komuniti-komuniti yang mereka berkhidmat. Ketika inipemilihan Ahli Majlis ialah berdasarkan pelantikan demokrasi melalui nama yang dikemukakan oleh komponen-komponen parti yang menang dan harus di persetujui dan dilantik oleh yang berkuasa kerajaan negeri dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Penguatkuasaan Pemakaian Akta 171 telah membatalkan sama sekali peruntukan Ahli Majlis yang dibuat melalui pilihan raya Kerajaan Tempatan. Bagi memastikan keberkesanan peranan yang dimainkan Ahli Majlis dalam sebuah komuniti, kriteria itu harus dipenuhi dan ianya dinyatakan dalam Seksyen 10(2) Akta

171 antaranya ialah pertama, pemastautin di kawasan PBT tersebut. Yang kedua mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan dan ketiga mempunyai kepakaran atau terpuji dalam sesuatu profesi, pandangan atau perindustrian. Keempatkebolehan untuk mewakili kepentingan untuk kaum masing-masing. Tapi Tuan Speaker apa yang saya lihat hari ini Kerajaan Tempatan telah mula membelakangi kriteria-kriteria yang nyatakan sesiapa saja dirasakan berkepentingan untuk *survival* politik itulah yang dilantik menjadi Ahli Majlis. Jangan terlalu berbangga melantik Ahli Majlis yang masih mentah sedangkan mereka tiada asas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan. Mahupun pengalaman yang membolehkan mereka layak. Akhirnya apa yang kita lihat sekarang Ahli Majlis bermegah berlencanakan Ahli Majlis dan projek-projek yang mereka perolehi yang dahulunya seorang jurujual kereta terpakai, tiba-tiba bila menjadi Ahli Majlis terus jadi usahawan kontraktor pun ada dan semua kenderaan isterianak-anak pun ada logo Ahli Majlis.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih Paya Jaras minta. Bagi ke tak bagi.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tak bagi. Demokrasi yangmulanya, yang ini saya ikut langkah Kajanglah. Saya Semenyih berdekatan dengan Kajang, Kajang dia tak bagi siapa kacau dia. Demokrasi yang pada mulanya memang sedia ujud terhakis kerana sikap pentingkan diri sendiri dan birokrasi di kalangan pemimpin Pakatan Pembangkang, kini mereka pula yang mencadangkan pilihan raya Kerajaan Tempatan dengan alasan demokrasi. Skrip apakah yang sedang dimainkan ini. Namun tidaklah saya salahkan sepenuhnya kepada Pakatan Pembangkang,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih Kampung Tunku minta.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Saya tak bagi. Kerana saya yakin komponen dalam Pakatan Pembangkang juga tidak setuju jika diadakan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Beberapa bulan lalu Presiden PAS Dato Haji Abdul Hadi Awang serta para Ulama Syura PAS telah menolak cadangan DAP mengadakan cadangan pilihan raya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang atas alasan ketidakadilan yang jelas dalam pemilihan yang akhirnya menyebabkan penguasaan kaum dalamsesebuah PBT terutamanya PBT di bandar. Apakah sebenar agenda tersirat DAP melaksanakan. Saya habiskan dulu, tak apa kejap lagi. Masa tambahan kejap lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih Bukit Gasing minta. Kejap lagi dia bagi.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Bagi saya habis selesai. Apakahsebenar agenda tersirat DAP melaksanakan pilihan raya PBT sedangkan mereka sudah mempunyai kuasa mentadbir yang selesa dalam Kerajaan Negeri Selangor. Sejak Pakatan Rakyat memerintah Selangor sudah dua penggal, DAP membolot jawatan EXCO Kerajaan Tempatan. Pertama ADUN DAP Pandamaran.

Kedua, ADUN DAP Sg. Pinang, Ketiga juga ADUN DAP juga Seri Kembangan. Walau pun DAP sudah berjaya membolot jawatan EXCO PBT namun sehingga kini DAP tetap konsisten mendesak agar di adakan pilihan raya PBT. Persoalannya kenapa. Alasan demokrasi yang digunakan DAP bagi melaksanakan pilihan raya PBT tidak masuk akal kerana semua rakyat tahu bahawa DAP sememangnya menghadapi isu demokrasi kritikal apabila gagal.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih boleh bagi laluan tak. Bukit Gasing minta. Boleh bagi laluan tak.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Saya tak bagi laluan. Pemilihan jawatankuasa eksekutif pusat CEC DAP yang masih tergantung sehingga kini. Sekiranya Kerajaan negeri juga berhasrat melaksanakan pilihan raya PBT di Selangor, perkara ini memperlihatkan dengan jelas kepada rakyat bahawa YAB Menteri Besar telah mengingkari aku janji di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor, iaitu memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan pada masa yang sama kepentingan sah kaum lain seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Bagi saya secara jelas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih duduk dulu. Peraturan Tetap. Yang mana satu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Tetap 36 (6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain. Saya berpendapat Tuan Timbalan Speaker, bahawa kenyataan dan hujah Yang Berhormat Semenyih dalam menyentuh beberapa orang EXCO dan mantan EXCO seperti Pandamaran, Seri Kembangan, Sungai Pinang malahan termasuk disentuh sedikit tentang Bukit Antarabangsa, tuduhan yang dilemparkan ke atas mereka itu adalah satu bentuk sangkaan jahat. Lebih-lebih lagi saya telah pun menyatakan sebelum ini semalam bahawa cadangan untuk mengadakan pemilihan raya Kerajaan Tempatan telah di kandung dalam. Ini hujah saya. Peraturan Tetap. Telah di kandung dalam manifesto Pakatan Rakyat tahun 2013 dan terdapat juga titah ucapan daripada Tuanku bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru mendapat mandat perlu melaksanakan manifesto yang ditetapkan di dalam sini. Jadi saya, saya berdasarkan hujah ini Yang Berhormat Semenyih, saya berkata bahawa sekiranya dilemparkan tuduhan-tuduhan yang bukan-bukan ke atas mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan adalah satu bentuk sangkaan jahat. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sebentar saya *ruling* dulu. Tidak ada masalah untuk Semenyih tidak bersetuju dengan cadangan pilihan raya PBT itu, tapi jangan sentuh hak Menteri Besar dan peribadi Tuanku yang memberi *consent* kepada EXCO yang dilantik oleh Menteri Besar. Ok. Terima kasih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Terima kasih atas teguran. Bagi saya secara jelas pilihan raya Kerajaan Tempatan mengundang pembaziran yang nyata sesuatu pilihan raya tentunya memakan belanja yang besar dan pastinya dia datang dari wang rakyat. Perbelanjaan bukan sahaja dari pengendali pilihan rayabahkan dari parti-parti yang dulu mengeluarkan pembiayaan bagi kempen.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih Bukit Gasing minta.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tak payah, saya tak bagi. sehubungan itu saya harap teman-teman dari PAS Selangor juga bersama menyokong untuk menolak seterusnya menidakkannya usaha DAP melaksanakan pilihan raya oleh Kerajaan Tempatan sebagaimana yang dizahirkan oleh Presiden PAS. Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh iaitu tentang projek tanpa kebenaran merancang. Sekiranya Ahli Yang Berhormat masih ingat dewan yang mulia ini telah membawa usul yang berbunyi bahawa dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor melalui pihak berkuasa tempatan PBT agar menyiasat dan menghentikan serta-merta sebarang projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa kebenaran merancang. Ini amat penting kerana pembangunan yang tidak terancang dan terkawal boleh menyebabkan masalah banjir kilat, banjir lumpur, hakisan dan tanah runtuh yang membahayakan keselamatan rakyat. Usul ini telah dibawa oleh yang Berhormat Jeram dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke Tiga Belas yang lepas. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Jeram kerana membawa usul yang membuktikan Yang Berhormat peka dengan nasib dan rintihan rakyat. Namun sehingga ke hari ini saya lihat isu berkenaan melaksanakan projek ataupun pembangunan tanpa kebenaran merancang ini seolah-olah dipandang sebelah mata oleh Kerajaan Negeri kerana ianya tidak pernah selesai. Mana pergi kuasa yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri melalui PBT. Kalau nak robohkan kedai atau warung milik rakyat miskin, gerai *uptown* yang berlaku tempoh hari di Kajang Putera yang mana saya tengok dalam *facebook* ADUN Kajang memberitahu kawasan itu adalah kawasan DUN Semenyih, tolong betulkanlah *admin facebook* itu dah di viralkan banyak orang *confused* ini kerap diberi pemantauan. Tapi bila melibatkan syarikat besar yang melaksanakan projek tanpa kebenaran merancang semua sembunyi diri. Kenapa boleh jadi sebegini di manakah perginya slogan peduli rakyat yang dilaung-laungkan. Apa yang saya katakan ini ada asas dan bukti. Kerana saya sendiri maklum bahawa banyak pembangunan di kawasan saya Semenyih yang bebas melakukan kerja-kerja pembinaan walaupun tanpa kebenaran merancang antaranya saya juga sama dengan Andalas ada membawa bukti antaranya satu projek di Batu Tiga Jalan Bangi bila saya mengadu aduan pihak PBT datang setelah disahkan tiada Development Order dengan izin ini dia buktinya tiga hampir separuh tanah masuk di kawasan Kampung Batu Tiga Jalan Bangi, Semenyih. Tak habis pada itu, itu yang saya beritahu ia berleluasa baru-baru ini minggu lepas, dalam dua minggu yang lepas, taman kampung di sebelah Kampung *Naqsyabandiyyah* di DUN Semenyih ini

buktinya rumah orang kampung tak sampai berapa kaki sahaja juga tiada kebenaran merancang. Jadi di manakah yang diuar-uarkan oleh YAB Menteri Besar, kalau boleh saya menyeru program apa yang dianjurkan terjah, ah mari kita terjah di sini saya sedia menunggu untuk bersama jika ada pihak EXCO pun juga ingin bersama melihat ia, ternyata projek-projek yang saya bangkitkan tadi, yang ini saya tidak pasti tentang baru berlaku minggu lepas. Taman Sri Tanjung ada satu *development* di sebelahnya, ini rumah pangsa, dalam rumah pangsa dibawah ini orang tak boleh masuk dan kereta pergi *report*. Ini minggu lepas dan ada satu pembangunan difahamkan sebelah Taman Sri Tanjung Semenyih. Ternyata.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih Paya Jaras minta penjelasan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tak apa lah saya tak cukup masa saya banyak perkara penting nak bawa. Ternyata projek-projek yang saya nyatakan tadi masih giat melakukan pembinaan walaupun tanpa kebenaran merancang. Jadi mana perginya kerajaan negeri. Adakah kerajaan negeri mahu melihat banjir lumpur yang membawa musibah dan akhirnya memberikan kemudaratannya kepada rakyat berulang kembali. Mungkin saya perlu ingatkan kembali antara aku janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu mendahulukan rakyat selagi mana ianya tidak menjelaskan kepentingan-kepentingan kestabilan, kemakmuran dan keselamatan negeri. Jelas dalam hal ini bahawa kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar seharusnya memberhentikan serta-merta segala projek yang dilaksanakan tanpa kebenaran merancang ini jika boleh buatlah satu tindakan komprehensif yang mana saya tengok bila tolak tanah mungkin ada denda dua puluh ribu, dua puluh lima ribu atau tiga puluh ribu dan ini boleh mereka membayar dan tolakan tanah berlaku ya ini berlaku cukup hebat di Semenyih yang pembangunan nya cukup pesat. Jadi saya rayu tindakan EXCO atau kerajaan negeri bertindaklah seberapa segera sebelum perkara yang tidak diingini berlaku. Keperluan yang menjurus kepada kualiti hidup terdiri daripada pelbagai aspek jadi sebagai kerajaan yang bertanggung jawab seharusnya mengesahkanlah soal politik dan keperluan rakyat bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan rakyat khususnya masyarakat di bawah pentadbiran PBT. Saya juga ingin membawa satu isu iaitu tentang pengambilan tanah rizab Melayu. Pada 26 Februari 2015 yang lalu Y.A.B. Menteri Besar datang ke Semenyih, terima kasih atas lawatan ini, beliau pun menjemput saya sama, terima kasih, dan saya hadir dan mendengar YAB Menteri Besar datang beberapa penduduk di kawasan saya khususnya di Beranang iaitu penduduk Kampung Sesapan Batu Minangkabau dan Kampung Sungai Jai Beranang telah pun mengutuskan satu bantahan tentang mengambil rizab Melayu di kawasan ini. Walaupun bantahan dibuat saya difahamkan beberapa hari lepas proses pengambilan tanah tersebut tetap diteruskan dan kini para pemilik telah ditawarkan nilai sebanyak RM16.00 sekaki persegi sebagai pampasan pengambilan tanah tersebut. Adakah ini adil? Tanah rizab Melayu yang bakal diambil ialah 53,600 meter persegi atau 13.2 ekar. Bahagian yang agak signifikan dari kampung Sesapan Batu Minangkabau. Itu lah nilai tanah rizab Melayu di Beranang

berbanding dengan manfaat komersial pemaju perumahan apabila jalan perhubungan tersebut siap dibina. Pengambilan ini atas pengambilan tanah untuk buat jalan. Jalan perhubungan yang bakal dibina ini berfungsi untuk mencantumkan sebuah projek perumahan dalam Persekutuan seterusnya ke Lebuh raya LEKAS. Walau bagaimanapun projek perumahan yang dimaksudkan bukan terletak di Negeri Selangor dan faedahnya bukan untuk rakyat Selangor tetapi Negeri Sembilan. Projek ini dinamakan Taman Tasik Senangin atau nama lainnya Bandar Akademia. Pemaju licik projek ini ialah Acorjaya Sdn. Bhd. anak syarikat Lion Group. Projek ini sudah pun mempunyai 5 akses keluar masuk sedia ada. Harga jualan lot banglo di Bandar Akademia ini ialah RM45.00 sekaki persegi. Sekali lagi saya bertanya adakah nilai sebanyak RM16.00 sekaki persegi sebagai pampasan pengambilan tanah rizab Melayu di kampung Sesapan Batu Minangkabau dan kampung Sungai Jai tersebut adakah ia adil? Nilai-nilai tanah rizab Melayu meningkat tinggi sehingga mencecah RM35.00 di kampung-kampung bersebelahan terutamanya di Rincing Hulu dan Rincing Tengah berikutan dengan adanya projek SP Setia. Saya mengatakan pemaju ini cukup licik kerana selepas sahaja SP Setia membuat akses baru di Lebuh raya LEKAS dan pembinaan jejantas dari Bandar Mahkota ke Jalan Bangi telah hampir siap mereka terus mengorak langkah dengan mencadang pengambilan tanah kepada Kerajaan Negeri sehingga ia dapat lakukan secara ‘fast track’ dengan hanya memakan masa beberapa bulan sahaja. Adakah tujuan pengambilan tanah ini untuk kepentingan awam atau adakah ia lebih kepentingan pemaju. Dimanakah yang dikatakan kepentingan awam sedangkan kawasan itu masih tidak wujud orang awam kerana sebahagian besar masih tidak berpenghuni. Dimanakah tanah rizab Melayu yang serupa keadaannya dan mempunyai nilai pasaran yang kompetitif boleh didapati untuk menggantikan semula tanah di kampung Sesapan Batu Minangkabau atau kampung Sungai Jai yang diambil ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih, boleh ringkas dan tamatkan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Ok. Melalui semakan saya rupanya projek ini mengalami masalah kerana sejuk dan kurang laris jualannya dan tanah rizab Melayu ini lah yang terpaksa dikorbankan untuk menjadi talian hayat bagi projek kumpulan ini. Oleh kerana tangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menerima sendiri bantahan pengambilan tanah dari penduduk kampung Sesapan Batu Minangkabau dan kampung Sungai Jai pada 26 Februari lalu, saya menggesa agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mempertimbangkan bantahan tersebut dengan sewajarnya. Saya berani mengatakan bahawa sekiranya pengambilan tanah ini tetap diteruskan maka hak-hak orang Melayu dan Bumiputera yang mesti dipertahankan termasuk rizab Melayu selaras dengan perkara 89 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dititahkan oleh Tuanku Sultan Selangor pada hari Isnin, 30 Mac lalu tidak dihormati dan tidak langsung dipedulikan oleh pihak Kerajaan Negeri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Mohon Semenyih tamatkan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:** Slogan mempedulikan rakyat saya khuatir akan jadi membuli rakyat. Wallahualam. Sekian, *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Semenyih. Kuala Kubu Baharu dahulu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mahu agar perbahasan di dalam Dewan ini dapat ditumpukan kepada soal pembangunan dan cabaran-cabaran masa depan bagi merealisasikan aspirasi rakyat. Merealisasikan aspirasi rakyat itu adalah sangat penting tetapi Yang Berhormat Semenyih tidak faham. Itu sebab dia tolak pilihan raya kerajaan tempatan untuk memulihkan sistem demokrasi negara yang sistem demokrasi negara yang kita dengan memberi hak undi ketiga kepada penduduk tempatan memilih Ahli Majlis masing-masing. Tadi dia ada berkata Ahli Majlis kita tidak berkualiti jadi melalui pilihan raya tempatan itu kita akan ada Ahli Majlis yang berkualiti.

Kuala Kubu Baharu, saya yakin Negeri Selangor yang termaju akan terus maju di bawah pentadbiran Dato' Menteri Besar yang mengamalkan pendekatan kerja secara '*hands on*' dan lebih *responsive* terhadap permasalahan rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, pembangunan di Negeri Selangor yang bersifat pembangunan perancang bukan sahaja tertumpu di bandar sebaliknya dia meliputi kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar yang didominasi guna tanah pertanian telah berubah berikutan kawasan perindustrian dan kawasan perumahan diwujudkan. Mengikut laporan tinjauan bagi kajian rancangan struktur negeri Selangor 2035 tumpuan pertumbuhan dan perancangan kawasan industri baru adalah di Daerah Hulu Selangor, Sepang dan Kuala Langat. Keperluan tanah perindustrian di ketiga-tiga daerah tersebut dijangka meningkat dengan pertambahan sebanyak 1456 hektar di Hulu Selangor, 1,426 hektar di Kuala Langat dan 1,095.6 hektar di Sepang pada tahun 2035 berbanding dengan tahun 2010. Bertambahnya aktiviti perindustrian di kawasan luar bandar juga menyebabkan permintaan perumahan meningkat. Ini adalah satu usaha yang baik bagi pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun kita jarang memberi perhatian kepada pengusaha-pengusaha pertanian terutamanya penternak secara kecil-kecilan yang sekian lama wujud di kawasan persekitaran perindustrian dan perumahan dan akibatnya pula kita mengatakan ternakan menjadi satu kacau ganggu dan tidak mesra alam di kawasan industri dan taman perumahan.

Saya mengambil contoh, lembu berkeliaran di kawasan perindustrian seperti di kawasan perindustrian Zurah dan kawasan perumahan Taman Keruing, Rasa, Hulu Selangor yang menyebabkan tahi lembu di atas jalan dan menimbulkan

ketidakselesaan kepada pemilik kilang, pengguna jalan raya dan penduduk. Cabaran yang dihadapi sekarang adalah sama ada Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Selangor 1971 mempunyai peruntukan yang cukup untuk penguat kuasa mengambil tindakan bagi mengatasi masalah yang kohnnya katakan kacau ganggu dan tidak mesra alam tersebut. Selain daripada itu, adakah Kerajaan Negeri menyediakan kawasan penempatan semula yang mencukupi kepada pengusaha ternakan lembu selama ini.

Tuan Timbalan Speaker, Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Selangor 1971 tidak pernah dikemas kini sejak Enakmen Mengawal Lembu Kerbau Pindaan 1978 diluluskan dan berkuat kuasa 1hb Januari 1979. Enakmen sedia ada ini selain daripada menggunakan Bahasa Malaysia lama kini tidak memenuhi keperluan semasa dalam pengawalan penternakan lembu dan kerbau di negeri Selangor. Oleh itu, saya memohon supaya Undang-undang ini dikaji semula dan dipinda untuk menepati keperluan semasa dalam pentadbiran dan pengawalan penternakan lembu di negeri Selangor bagi memastikan ternakan lembu ditetapkan di lokasi yang bersesuaian dan menggunakan ternakan moden yang tidak mencemarkan. Di samping itu, Kerajaan Selangor perlu mengambil langkah bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak lembu yang ingin berpindah dari kawasan asal ke kawasan penternakan khas yang diwujudkan.

Tuan Timbalan Speaker, selain daripada ternakan lembu yang perlu diberi perhatian ternakan ayam secara komersial yang semakin berkembang di kawasan luar bandar juga merupakan satu cabaran kepada Kerajaan Selangor.

Saya menyokong usaha Kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi baru seperti penggunaan sistem reban tertutup untuk ternakan ayam akan tetapi bagaimana hendak memastikan penternakan ayam itu tidak menjelas kualiti hidup penduduk yang rumahnya berhampiran dengan reban ayam adalah satu cabaran yang besar.

Tuan Timbalan Speaker, penduduk-penduduk di Kerling, Hulu Selangor membantah Majlis Daerah Hulu Selangor yang memberikan kelulusan kebenaran merancang kepada sebuah syarikat untuk membina dua buah reban ayam tertutup yang jaraknya hanya 500 meter dari kawasan rumah di mukim Kerling. Tanpa mengambil kira pandangan penduduk terlebih dahulu. Penduduk-penduduk di Hulu Selangor telah berkali-kali menghadapi masalah bau busuk dan pembiakan lalat apabila terdapat aktiviti penternakan ayam secara komersial dilakukan. Mereka tahu lalat yang boleh terbang sehingga 20 kilometer akan menjelaskan kualiti hidup mereka. Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor 2007 tidak dapat meyakinkan penduduk apabila zon penampang yang ditetapkan hanya sekurang-kurangnya 200 meter antara reban ayam dengan penempatan terdekat tanpa mengira bilangan ternakan bagi satu pusingan. Penduduk berpendapat syarat Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor kepada pengusaha adalah lebih munasabah. Iaitu reban ayam perlu di bina sekurang-kurangnya 10 km daripada kawasan pembangunan.

Selain daripada itu, penduduk juga bertanya sama ada tanah pertanian yang merupakan ladang kelapa sawit atau tanaman lain sesuai ditukar sebagai kawasan penternakan komersial iaitu melebihi 30,000 ekor bagi satu pusingan tanpa memohon tukar syarat tanah. Dengan ini, saya memohon Kerajaan Negeri membuat pindaan terhadap seksyen lokasi ladang dalam Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor 2007 dan pada masa yang sama menentukan beberapa kawasan khas yang sesuai untuk penternakan ayam secara komersial. Untuk mengelakkan sebarang kawasan pertanian boleh dijadikan sebagai kawasan penternakan ayam secara komersial.

Tuan Timbalan Speaker, permintaan perumahan akan bertambah berbanding memandangkan penduduk negeri Selangor dijangka akan mencecah 9 juta orang pada tahun 2035. Berbagai-bagai projek perumahan akan dilaksanakan termasuk membangunkan semula projek perumahan terbengkalai bagi menampung permintaan perumahan. Terdapat 8 projek perumahan yang disenaraikan sebagai terbengkalai adalah projek pembesaran kampung. Adakah projek pembesaran kampung menjadi perumahan terbengkalai kerana Kerajaan Negeri menolak permohonan pelupusan secara pemberimanilikan tanah pada akhir tahun 2008 atau sebab-sebab lain.

Dengan ini, saya memohon agar Kerajaan Negeri meneliti semula projek pembesaran kampung supaya projek yang mempunyai potensi boleh dilaksanakan semula. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat projek pembesaran kampung yang telah mendapat kelulusan teknikal untuk dilaksanakan dan telah mempunyai pemohon yang memerlukan rumah. Sekiranya Kerajaan Negeri boleh meneruskan projek pembesaran kampung dengan pendekatan baru maka anak kampung tersebut akan berpeluang memiliki rumah di kawasan penempatan yang lebih teratur dan sistematik.

Tuan Timbalan Speaker, pencemaran sungai sering berlaku dan menyebabkan terputusnya bekalan air yang merunsingkan rakyat. Masalah pencemaran perlu diatasi tanpa melengahkan masa lagi. Adakah Kerajaan Selangor sedang berusaha untuk mengatasi pencemaran sungai dengan mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti sungai. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa terdapat kawasan berhampiran rizab sungai diwartakan sebagai Kawasan Perusahaan Kuala Kubu Baharu melalui GN1906 bertarikh 24 November 1983.

Sekiranya pewartaan tersebut masih berkuat kuasa maka aktiviti berisiko tinggi yang menyumbangkan kepada pencemaran terhadap Sungai Selangor akan berlaku. Dengan ini saya memohon kepada Kerajaan Negeri menyemak dengan segera status tanah yang berhampiran dengan sungai yang airnya akan mengalir ke loji rawatan air supaya ia tidak mencemarkan air sungai tersebut dan juga memastikan

aktiviti berisiko tinggi tidak dibenarkan di kawasan yang berhampiran sungai demi menjamin perkhidmatan air terawat yang lebih efisien.

Tuan Timbalan Speaker, saya pernah berucap agar Ahli EXCO Kerajaan Negeri perlu mengisyiharkan harta mereka secara terbuka dalam perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia pada tahun lepas. Malangnya Dato' Menteri Besar pada ketika itu tidak memberi jawapan langsung dalam penggulungan perbahasannya. Selepas itu juga Ahli EXCO Kerajaan Selangor tidak membuat sebarang pengisyiharan harta secara terbuka. Adalah harapan saya bahawa Dato' Menteri Besar yang baharu ini akan mengarahkan Ahli EXCO mengisyiharkan harta mereka secara terbuka sebagai salah satu cara membuktikan Kerajaan Selangor mengamalkan tadbir urus yang baik, integriti dan akauntabiliti. Pada halnya pengisyiharan harta telah disarankan sebagai salah satu indikator untuk menilai ketelusan bahagian eksekutif sesebuah kerajaan oleh *Transparency International* yang tertulis dalam *Transparency International Source Book 2000* bab ke-7. Sekiranya EXCO Selangor mengambil berat saranan ini dan melaksanakan maka pentadbiran Kerajaan Selangor akan menuju ke arah bertaraf dunia pertama.

Sekali lagi, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Selangor menginstitusikan Dasar Pengisyiharan Harta ini melalui satu Enakmen Negeri bagi memastikan legasi tadbir urus yang baik akan berkekalan di Selangor. Sekian sahaja, Kuala Kubu menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Ya Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Hari ini saya hanya nak menyentuh beberapa perkara yang pertama sekali saya nak menyentuh sedikit tentang pencemaran air kerana minggu depan kita akan ada penyata so hari ini saya hanya bangkitkan dengan pendek sahaja. Hari ini kita ada sekali lagi pencemaran air, ini bermaksud kita ada lima kali pencemaran di Sungai Semenyih dalam enam minggu. Ini memang tidak dapat diterima apa-apa alasan saya berasa bahawa EXCO atau pun Kerajaan Negeri perlu ambil satu tindakan yang drastik untuk mengatasi masalah pencemaran.

Seterusnya saya akan pergi ke perkara yang saya nak bangkitkan di sini. Pertama sekali saya nak saya ada tiga isu sahaja nak bangkit petang ini. Yang pertama, ialah isu Selangor MBI (Menteri Besar Incorporation) cadangan untuk mengadakan usaha sama dengan pemaju-pemaju swasta untuk membangunkan 5,000 ekar tanah Kerajaan Negeri. Saya amat bimbang apabila saya tengok *this* keratan akhbar dari DH Mac *the second* ya, 2 Mac 2015 yang mengatakan bahawa MBI akan tengok adakah macam mana kita dapat mengadakan usaha sama dengan pemaju-pemaju swasta. Ini 5,000 ekar tanah Kerajaan dan saya merasa bahawa apa-apa tahap sekarang rancang itu saya nak memberi pandangan sikit tentang inisiatif seperti

demikian. Pertama sekali saya nak menegaskan bahawa Damansara Utama tidak setuju dengan Kerajaan menceburi diri dalam perniagaan terutamanya sebagai pemaju saya percaya bahawa aktiviti-aktiviti perniagaan *is best to lift in the private hand* dengan izin dan saya juga percaya bahawa apabila kita syarikat-syarikat akan apa... akan ada menjana kesan ekonomi yang lebih baik kalau di *private hand* dan ia akan menunjukkan lebih banyak peluang pekerjaan lebih banyak menjana lebih banyak pendapatan kalau kita berbanding dengan GLC. Pada dasarnya saya hanya saya berpendapat bahawa GLC hanya boleh menceburi dalam perniagaan untuk tiga tujuan.

Tujuan pertama, *to correct the externalities of free market*. Tujuan kedua ialah untuk melindungi sumber-sumber semula jadi seperti pasir, seperti *is* kalau *if this* kalau Persekutuan *should be oil and gas*, air dan sebagainya. Yang ketiga adalah untuk merangsang dasar baru tetapi pembangunan harta tanah itu sebagai satu pemaju itu tidak berkaitan dengan *governess* dengan izin. So dengan ini saya merasa bahawa kita kena menahan diri daripada menceburi diri dalam perniagaan. *Just to give you a big picture* dengan izin. Malaysia adalah antara Negara dengan kehadiran GLC yang tertinggi *we are the fifth after China, United Arabic Ameritech, Russia and Indonesia*. China sebagai satu Negara yang paling tinggi pencemuran GLC dalam ekonominya so ada banyak kajian yang dibuat atas China. Menurut kajian makenzi purata pulangan atas aset *returnable asset* di GLC di China adalah kurang daripada separuh daripada sektor swasta. Majalah ekonomi juga menerbitkan keputusan yang sama dalam satu artikel yang bertajuk "*fixing China in corporation*" yang bertarikh 30 Ogos 2014. Ia seterusnya menghuraikan masalah-masalah yang wujud dalam GLC di China yang di mana masalah-masalah ini juga dihadapi oleh GLC-GLC di Selangor. Seperti saya memberi satu contoh, satu laporan penyata Jawatankuasa Pilihan Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Anak-anak Syarikat yang mengenai penstrukturkan semula GLC telah membentangkan statistik-statistik bagaimana *return of asset turn on equity* untuk GLC adalah lebih jauh lebih rendah daripada syarikat-syarikat *public listed companies*.

Ahli-Ahli Dewan Negeri boleh merujuk balik kepada penyata tersebut. Saya merasa bahawa ini memang ada *inherence weaknesses with GLC running the business*. Dengan itu, saya memang tidak bersetuju bahawa kita menceburi diri dalam perniagaan yang *not necessary* dengan izin.

Saya nak menegaskan bahawa ada orang yang berkata kesebaki ada usaha sama antara GLC dengan syarikat swasta oleh itulah GLC ada prestasi yang rendah. Saya nak memberi satu contoh, dalam jawapan yang jawapan soalan bertulis saya pada sidang yang lalu saya mendapati bahawa sejumlah 38 projek yang disiapkan oleh Syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) adalah secara usaha sama dengan syarikat tetapi dalam penyata JP-ABAS yang lalu telah menunjukkan bahawa PNSB, ROA dan ROE PNSB adalah jauh lebih rendah daripada syarikat-syarikat swasta. Ini menunjukkan bahawa usaha sama bersama dengan syarikat-

syarikat swasta tidak akan menjamin prestasi yang baik untuk GLC. Ada juga orang yang berkata bahawa kita kena ada usaha sama dengan syarikat swasta supaya *there is a transferable skills*. Skil boleh *transfer* pemindahan kemahiran apabila GLC mengadakan usaha sama dengan syarikat swasta.

Saya nak memberi satu contoh lagi, sebagai contoh Selaman Sendirian Berhad di mana JP ABAS pun ada laporan kali ini. Menurut laporan Audit Negara 2013 siri 2 Selaman telah ditubuhkan pada tahun 1977 dan dia menggunakan kaedah usaha sama untuk membangunkan tanah-tanah kerajaan. Malangnya kalau kita lihat laporan Audit itu kita nampak sehingga 2013 Syarikat Selaman tidak dapat, tidak mampu membangunkan membuat pembangunan sendiri. Ini bermaksud bahawa *no matter how long it takes* kalau *que us is not transfer its not transfer* walaupun usaha sama telah diadakan. Statistik dari 1999 ke-2013 Selaman hanya berjaya menyiapkan 14 projek di mana hanya 3 projek yang boleh dibangunkan sepenuhnya oleh syarikat itu daripada 3 projek ini, satu di Sg. Batu Kundang Gombak telah dibatalkan, satu di Sg. Merab Dengkil telah masih lagi mengalami menghadapi masalah tanah ada satu-satunya sejak 1977 yang Selaman boleh membangunkan dengan diri sendiri iaitu Kaya Residence Satu dan projek ini ditangguhkan selama 52 minggu. Apa yang saya menunjukkan di sini adalah usaha sama tidak menjamin pemindahan kemahiran.

Saya juga ingin mengingatkan Kerajaan Negeri ada banyak pengalaman yang kita tidak baik Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri menampung kerugian yang besar apabila GLC cuba melibatkan diri dalam perniagaan secara usaha sama. Contohnya pada tahun 2007, usaha sama Bernam FU antara Yayasan Selangor dengan Everation Development Corporation sampai sekarang kita ada seluas 216 ekar masih tidak boleh diusahakan kerana klausa-klausa perjanjian usaha sama itu sebab kes Mahkamah dengan ADC. Baru-baru ini kita ada PJ Sentral, JP ABAS pun ada laporan. PJ Sentral di mana PKNS ada usaha sama dengan Nusakapurna dan kemudian dipaksa keluar daripadanya dan disebabkan klausa-klausa yang ditandatangani dalam perjanjian pemegang saham dan ini menyebabkan kehilangan wang tunai sebanyak RM17.58 juta dan 8 ekar tanah di lokasi premium di Petaling Jaya.

Saya percaya bahawa kita juga ingat CT, *Channel City Lamp* di mana kita, Kerajaan Negeri hendak mengadakan *smart partnership* dengan izin yang bertujuan untuk memaksimakan pulangan ke atas tanah dan akhirnya *actually we lost a lot of big time in the deal*. Kita juga ingat, ada satu list GLC-GLC yang sedang di dalam Mahkamah, kes Mahkamah banyak usaha sama. Kes seperti kita ada PKNS dengan Kota Damansara Polo Land, PKPS dengan Megaforest dan lain-lain. Secara keseluruhannya apa yang saya nak *through the conclusion* di sini ialah dengan MBI ada 40 kakitangan sahaja dan dengan pengalaman-pengalaman yang kita ada dan juga apa, apa yang kita pelajari dari sejarah ialah bahawa MBI dan Kerajaan Negeri *willing to make a serious consideration* tentang 5,000 acre of land

pembangunan usaha sama dengan *private developers* sebab *private developers their go to the maximize their profit* dan Kerajaan Negeri dalam anak-anak syarikat nampaknya kita tidak dapat dapatkan satu terma yang baik untuk Kerajaan. Ask if we are really want to get into this joint venture kita kena ada orang yang kuat pasukan yang kuat untuk mendapatkan satu perjanjian yang adil dan baik untuk Kerajaan Negeri. Otherwise we lose a big time justlike Channel City Lamp.

Saya berpendapat bahawa MBI dan Kerajaan Negeri *not to do this brick a mortal* tetapi perlu lihat lebih kepada hala tuju strategik sesuatu kawasan dan bagaimana meningkatkan kawasan itu. Sebagai contoh, *if we have a big land*, Kerajaan dengan MBI perlu berfikir bahawa *how to we getforeign investment into this and what industries we should get into this and what technologies and how did we bring the talent into this land ini adalah micro environment that we are creating as a government dengan izin*. Bukan semata-mata to built says a example as a shop house. A shop house a private person can built but create a micro environment thats is a role of the government dengan izin. So, saya merasa bahawa *strategic* important untuk MBI dan juga Kerajaan Negeri untuk satu kawasan dan selepas itu kita boleh open tender lot-lot tanah. Lot-lot tanah yang di ada di kawasan itu dengan mengikut *strategic direction* tersebut. Saya berasa bahawa *it is much more important for us to bring in technology, bring in investment and bring in talents then to built more conreate dengan izin*. Dengan ini saya berharap bahawa Kerajaan Negeri akan menangguhkan rancangan untuk usaha sama dan, dan *plan again what is best for the, for the people with our land dengan izin*.

Perkara yang kedua, yang saya nak bangkitkan oh, saya nak bangkitkan ialah keselamatan di Selangor. So kita sejak 2 tahun dahulu kita kena selalu bangkit bahawa tidak cukup anggota polis di Selangor. Sekarang saya baru *check* statistik, sekarang ada kira-kira 12,500 anggota Polis di Selangor untuk 5.6 juta rakyat Selangor iaitu satu polis akan kena melindungi kira-kira 450 penduduk. Nisbah ini adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang disyorkan oleh Interpol iaitu 1 polis untuk 250 penduduk. Apa yang menggambarkan ialah beberapa dahulua *few days ago* Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar telah mendedahkan bahawa *about* 126 ribu anggota polis di Malaysia. Kalau kita kira nisbah, 126,000 pegawai polis ia akan *translate* itu 1 polis akan melindungi 238 penduduk. Kenapa di Selangor, kita 1 polis untuk 450 orang penduduk. Ini adalah nisbah pengagihan anggota polis yang tidak adil. Dengan ini saya menggesa Kerajaan Negeri supaya kita menggesa Bukit Aman membagikan lebih banyak polis untuk meronda dan bukan tangkap ahli-ahli politik di Selangor. Ini adalah statistik yang pertama.

Yang kedua, statistik yang menarik yang saya dapatkan ialah ini *answer* dari soalan Parlimen. Dia mengatakan bahawa di PDRM, PDRM boleh menyelesaikan masalah ragut dan rompakan 50% sahaja. Di kes, di tahun 2013 untuk samun tanpa bersenjata api dan ragut ada *total of 11,766 cases*, eh *22,000 cases* tapi yang selesai 11,000. So, selesai kes yang dia akan selesai adalah 50% sahaja. So ini

memang *it tells you how efective our police are*. So dengan ini saya memang nak Kerajaan Negeri untuk tidak menunggu lagi PDRM untuk melindungi rakyat Selangor. Saya berharap bahawa rakyat Selangor, Kerajaan Selangor boleh membuat 2 perkara.

Dan perkara pertama ialah mewujudkan semula polis bantuan. Memang kita tahu kita menghadapi masalah dan untuk polis bantuan tetapi ini memang penting untuk masyarakat sebab *according to research when you have more polis rondaan petroling you will reduce crime*. Di PBT, di MBPJ, 1, kita dapat buat satu inisiatif seperti berikut :

1 enforcement, 1 penguatkuasa di PBT meronda bersama dengan 1 anggota polis. Dengan ini kita akan membantu polis, polis kita di tempatan kita.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama, masa dah habis. Tolong habiskan ayat

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** So kita saya kira bahawa kita perlu *about 50 milion* untuk meningkatkan untuk memberi 1,250 anggota pegawai baru penguat kuasa baru. Saya ingat ini sangat penting. Yang kedua penting, yang kedua untuk keselamatan ialah baru-baru ini sahaja *case, court case* ya yang dimaktubkan bahawa *this boon gates, now legal not according to case* Kota Damansara di Vila Equestrian so mahkamah pada 19 Mac telah memutuskan bahawa akses terkawal di kawasan yang ditetapkan tidak melanggar, tidak melanggar Akta-akta Perancangan Bandar dan Desa Akta Parit dan Bangunan, Akta Kerajaan Tempatan. Oleh dengan mahkamah ini, dengan keputusan mahkamah ini saya berasa inilah adalah masa Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula garis panduan yang kita keluarkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perancangan Bandar mengenai skim *Gated and Guarded*. Proses ini untuk mengemas kini adalah kena melibatkan persatuan-persatuan penduduk dan orang awam untuk memastikan garis panduan yang lebih praktikal dapat mencegah jenayah.

*Last sekali ya, its* saya nak membangkitkan sini ialah isu bomba. Ada banyak orang yang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hai, *but* Damansara, itu panjang tu

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** *Last one, last one.* Isu bomba. So *I'll finish the* keselamatan, *I will finish the last ok?* Bomba. Saya memang hairan tengok merujuk kepada pelan struktur Selangor 2035. *There are about 31 fire stations* dan 1,287 anggota bomba di Selangor. *This will translate into* 1 balai bomba perlu cover *about 200 thousand* penduduk. Piawaian ialah 1 balai bomba untuk 75,000 penduduk. Ini akan mengakibatkan kecemasan kebakaran tidak dapat diatasi dengan segera. Saya memohon supaya Kerajaan Negeri boleh memberi tekanan kepada Kerajaan

Persekutuan untuk membina lebih banyak balai bomba lagi dan dekat dengan komuniti dan *neighbourhood*. Saya juga, kita kena bermula untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk menyediakan balai bomba. Saya ada perkara yang ke-3 tetapi tiada masa. So dengan ini saya menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Tuan Speaker, saya mewakili pengundi DUN Kota Anggerik menjunjung kasih atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang berkenan untuk merasmikan Sidang Dewan kali ini. Dalam ucapannya disebut, Negeri Selangor bertambah makmur dan rakyat hidup sejahtera kerana negeri adalah sebuah negeri yang selamat dan stabil. Keselamatan dan kestabilan ini dihasilkan oleh sistem politik yang berteraskan Raja Perlembagaan dan Demokrasi Parlimen. Kenyataan ini menunjukkan bahawa politik yang melanda Negeri Selangor ini yang menjadikan Selangor sebuah negeri yang aman, yang harmoni yang mana seluruh rakyat terbela. Orang Melayu, kepentingan orang Melayu tetap dipertahankan dan pengamalan agama terus disemarakkan. Ini membuktikan bahawa dongeng hanya UMNO dan BN sahaja boleh mentadbir adalah tidak betul. Hari ini kita buktikan di bawah Pakatan Rakyat, Selangor terus mengungguli sebagai sebuah negara maju dan menyumbang 23.6% kepada KDNK negara ini. Setelah dibelanjakan RM1 bilion dalam program kebajikan, rizab negeri terus meningkat kepada RM3.4 bilion. Saya yakin sekiranya proses demokrasi berjalan dengan baik, sesuai dengan amalan negara maju dengan undi majoriti 32% popular sepatutnya Pakatan Rakyatlah yang menerajui Putrajaya. Sekiranya Pakatan Rakyat mentadbir Putrajaya sudah pasti rakyat tidak akan dibebankan dengan cukai GST yang menjadi hadiah April fool pada hari ini.

Di kala Negeri Selangor rakyat daripada lahir sampai ke meninggal dijaga kebijakkannya tetapi GST Kerajaan Barisan Nasional, kanak-kanak yang lahir pun bayar GST. *Pampers* kena GST. Mati kain kapan kena GST. Keranda pun kena GST. Betullah di bawah BN hidup susah mati pun susah. Semalam dia kata mana senarai? Hari ini saya bawa senarai. Saya baca tadi. Senarai barang-barang kena GST. Kopi, apa ni milo, *horlick*, *nescafe*, *ovaltine*. Yang tak kena cuma teh, apa ni, minyak cap kapak sebab banyak pening. Dalam senarai penuh ini saya tunjukkan bahawa memang ada kenaikan harga. Saya tak faham macam mana sahabat-sahabat saya Wakil Rakyat Barisan Nasional mempertahankan 1 dasar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil minta

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Nak habis.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** La... habis sampai 4.30 ok tu. Yang Berhormat Kota Anggerik, sahabat saya Yang Berhormat ada buku tu *shoppers guide* dengan izin. Cuba Yang Berhormat baca satu persatu barang-barang GST yang naik dan ada juga barang-barang yang turun harganya dan ada juga barang-barang yang tidak naik dan tidak turun harganya. Maknanya tidak terkesan daripada GST ni. Ada 500 barang-barang tu. Janganlah Yang Berhormat sebutkan yang naik saja. Jangan selain daripada minyak cap kapak.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik, jangan baca semua. Kita ada masa terhad ni. Kang baca semua kang esok tak habis lagi.

**Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI:** Mana ada rakyat Malaysia yang tak makan nasi putih. Nasi sepinggan kena GST. Dan 1 muka ni penuh semua GST. Jadi macam mana boleh sahabat-sahabat saya Barisan Nasional menyokong 1 dasar yang benar-benar menekan rakyat. Sebab tu inilah saya rasa petanda bahawa Barisan Nasional sedang menggali kuburnya sendiri.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh penjelasan sikit?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Janganlah kacau. Kacau dok tanya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi tak bagi? Permatang nak ni?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sikit lagi. Duduk dulu boleh?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduk dulu. Duduk dulu

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar duduk dulu.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Permatang suruh duduk tapi Sungai Air Tawar tak suruh duduk.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak habiskan *part* saya. Saya nak habiskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Speaker suruh duduk.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, menjelang 2025, 2035 dijangkakan penduduk Selangor mencapai 9 juta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara minta

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** 9 juta.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sikit

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dah masuk *point* lain dah habis dah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sikit je

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi tak bagi?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tak bagi, tak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi, tak bagi, tak bagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Menjelang 2025, 2035 penduduk Selangor dijangka mencecah 9 juta. Ini tidak termasuk pendatang asing luar negara dari Mongolia, Bangla, Nepal, Myanmar, Kampuchea, Filipina, Indonesia, daripada Afrika Selatan dan negara lain. Kalau campur-campur mungkin penduduk Selangor akan mencapai 11.5 juta. Kebanyakan penduduk ini pasti akan membawa banyak masalah di Negeri Selangor. Antaranya masalah pengangkutan, masalah apa ni, pendidikan, masalah sosial, masalah perumahan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri sebagaimana ditentukan dalam apa ni Jabatan Perancang Bandar supaya masalah pengangkutan ini diperhati perhatian serius. Kalau nak belajar dengan negara jiran di selatan negara seluas Hulu Selangor dengan penduduk 4.5 juta. Perancangan bandarnya menjadikan bahawa keadaan dalam bandar tidak kelam kabut. Tetapi saya lihat di hujung, penduduk hanya sekitar 300,000. Tetapi keadaan kelam kabut kerana perancangannya diserahkan pada pihak swasta. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri kena ada *firm decision*. Jajaran jalan-jalan hendaklah disediakan awal lagi supaya kehadiran 9 juta penduduk ini tidak merasakan bahawa sesak di Negeri Selangor. Iaitu jajaran inilah *communicate* di antara jalan raya, kereta api dan bas. Saya melihat bahawa SPAD gagal dalam melaksanakan tanggungjawab memastikan sistem pengangkutan yang lebih efisien. SPAD mensasarkan 2035 nisbah 40:60. 40 awam, 60 persendirian. Saya setuju dasar Kerajaan Negeri supaya kalau boleh 60/40, 60 kenderaan awam, 40 persendirian supaya pengangkutan ini diselesaikan dengan baik dan saya ingat ketika

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Tuan Speaker Sungai Panjang mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang minta Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat menjadi EXCO dahulu, adakah perkara-perkara ini telah dibangkitkan dan telah dibuat penambahbaikan dari segi perancang bandar itu sendiri.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya sebahagian daripada anggota dalam Jawatankuasa Perancang dan saya mengingatkan jabatan-jabatan supaya perkara ini. Kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional jangan diulangi sebagai contoh di Shah Alam. Perhentian bas yang telah digazetkan perhentian bas dijual akibatkannya pada hari ini di Shah Alam tidak ada perhentian bas dan perhentian bas tidak *communication* Seksyen 17 dengan Seksyen 19. Kereta api di 19 dan bas di 17 jadi saya sebut ini supaya jangan mengulangi kesilapan-kesilapan Kerajaan Barisan Nasional. Sebagai contoh pembangunan pesat berlaku di Puncak Alam, jalan *communication*nya jalan di U10, asalnya Jalan Batu Arang. Jadi kalau pandang balik pasti lalu jalan itu tapi sekarang ada *highway*. Jadi ini menjadikan bahawa supaya perancangan jalan-jalan ini hendaklah ditentukan lebih awal. Keduanya akan timbul ialah kepadatan penduduk di kawasan bandar, kawasan bandar menjadi tumpuan untuk penduduk dia tidak akan berkembang jauh sampai Sabak Bernam umpamanya. Walaupun Sabak Bernam merayu supaya pembangunan berlaku di situ tetapi orang Sabak Bernam pun berhijrah ke bandar. Ini menjadikan supaya kalau boleh yang saya sebut pagi tadi satu enakmen jelas supaya *urban renew* jelas dapat dilaksanakan dengan mudah supaya pembangunan di bandar ini dengan membina semula kawasan-kawasan Pangsapuri lama di tempat saya seperti di Seksyen 6, Seksyen 16, Seksyen 8, Seksyen 18. Kalau enakmen ini jelas memudahkan pihak kerajaan untuk membina semula memindahkan mereka dan *urban renew* ini bukan program baru bagi negara-negara maju yang lain dan satu lagi ialah akan timbul keperluan Sekolah-sekolah Rendah Agama yang saya sebut dalam dewan yang lepas bahawa ada sekitar 40% pelajar-pelajar sekolah rendah yang tidak mempunyai tempat untuk Sekolah Rendah Agama sebagai contohnya di tengah-tengah bandar Shah Alam ini hanya sebuah sekolah rendah, SRA Seksyen 3 sahaja sementara sekolah rendahnya hampir 6, enam sekolah rendah ditampung oleh sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan, SRAnya hanya menampung sekitar 2,000 pelajar sahaja. Iaitu saya minta supaya pembangunan sekolah rendah ini dipercepatkan dan dipesatkan. Dalam rancangan Malaysia 11 ini, kalau boleh saya mencadangkan supaya seratus peratus anak-anak di sekolah rendah ini ada tempat di Sekolah Rendah Agama. Jadi dengan pertambahan pesat ini sudah pasti keperluan untuk Sekolah Agama ini agak besar, jadi satu peruntukan besar disediakan supaya memastikan bahawa cukup sekolah-sekolah ini. Satu perkara lagi ialah yang belum selesai hingga hari ini masalah pungutan sampah dalam taklimat pada jawatankuasa baru ini didapati bahawa masalah sampah tidak selesai. Di kawasan *golden triangle* sempadan antara

Sepang, Klang dan Petaling menjadi kawasan longgokan sampah haram. Seolah-olah tidak ada jalan nak selesai masalah ini kalau lalu dari *highway* nampak sampah-sampah haram, dalam lombong ada sampah-sampah dibuang dan jumlah kawasan-kawasan buang sampah haram ini meningkat dan jawapan daripada PBT tidak ada satu penyelesaiannya. Sebab itulah daripada awal saya dengar aduan-aduan *complain* sampah tidak diurus dengan baik. Ini hanya penduduk 2.6 juta seandainya mencapai 10 juta nanti masalah kesihatan, masalah pungutan sampah ini menjadi semakin serius. Dan kita kena mencari jalan keluar tidak boleh menggunakan *landfill* hari ini, sudah pasti *landfill* tidak cukup, satu inisiatif kena dibuat memastikan pengurusan sampah ini dibuat dengan lebih baik. Kalau kita lihat negara maju *recycle* program bermula dari rumah, tiap-tiap dapur rumah sudah diperkenalkan program *recycle* di mana di antara sisa dapur, kertas dan plastik diasingkan. Saya pernah mencadangkan di dalam dewan ini supaya tiap-tiap rumah dibekalkan tiga tong siap-siap. Kalau kita lihat di negara maju, tiap-tiap rumah dibekalkan tiga tong sampah. Saya pernah mengadu masalah ini kepada MBSA, anggaran dia kata kosnya terlalu tinggi tetapi seandainya kita belanjakan sekitar 5 juta untuk beli tong sampah di kawasan bandar ini, kalau kita boleh kita kurangkan 10% kos pengurusan sampah di peringkat PBT. Contohnya MBSA membelanjakan 80 juta setahun kalau boleh jimatkan 10% iaitu 8 juta satu *recycle* kena diperkenalkan daripada rumah. Kalau perlu dipinda enakmen pinda enakmen supaya program pengurusan sampah ini dibuat dengan baik. Saya tidak faham ramai tidak suka oksigenator tetapi apakah penyelesaian kepada masalah pengurusan sampah di bandar ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih kerana memberi laluan, saya rasa masalah pengurusan sampah *is* lebih kepada kontraktor yang mengutip yang mana skop yang mana dia tidak kutip yang mana dia tidak kutip bukan pelupusannya. Kalau nak dilihat pelupusan dia Bukit Tagar, Tanjung 12 kapasitinya masih cukup banyak yang boleh bertahan sehingga lebih 50 tahun lagi. Jadi soal oksigenator tidak timbul. Soal kontraktor, skop kontraktor untuk mengutip itu yang saya rasa lebih penting kita berdebat pada hari ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Yang Berhormat, sampah ini kena lihat secara keseluruhan kita lihat dengan yang ada sistem pada hari ini gagal untuk menguruskan soal sampah. Kontraktor tidak boleh urus saya kira saya katakan tadi supaya pihak PBT kena siapkan *recycle* program bermula dari rumah lagi. Kalau boleh sediakan tiga tong siap-siap dalam rumah. Ini seperti amalan di negara maju. Sampah dapur, sampah plastik, sampah kertas telah siap diasingkan di rumah. Giliran ambil sampah juga dibuat dan sistem yang ada hari ini kita dapati gagal untuk kita uruskan sampah dengan sempurna. Untuk isu di Shah Alam, pada keseluruhannya saya berterima kasih kepada pihak MBSA kerana semua aduan-aduan yang saya buat mendapat respons yang agak baik. Kerjasama antara pegawai-pegawai, Dato' Bandar, Pengarah dengan Pejabat ADUN dan Ahli Majlis sangat baik kali ini. Tetapi tidak bermakna kita tidak boleh memperbaiki lagi namun

saya minta supaya Tasik Shah Alam itu diperbaiki nampaknya hingga hari ini belum ada responsnya. Saya pernah sebut dan EXCO pernah jawab, jawapan bertulis telah pun diberi tetapi tidak ada tindakannya. Isu jem di persimpangan TTDI tidak berkesudahan, jalan daripada U10 dari Guttrie Highway sampai TTDI akan sangkut, masuk Batu 3 juga sangkut. Kemudian keperluan dewan di bandar ini sangat tinggi di mana ramai penduduk minta supaya dibina dewan-dewan di setiap taman sebab mereka perlukan taman. Tempat ini untuk majlis kenduri dan sebagainya. Dan untuk akhirnya saya mengalu-alukan supaya Shah Alam menjadi bandar anak muda walaupun saya telah berusia tetapi semangat saya, jiwa saya masih muda. Sri Muda dia senyum dan sebab itulah kita setuju supaya program kota seni ini dijadikanlah Shah Alam ini sebuah kota yang boleh vivaral, hidup bersama anak muda tetapi batas-batas kena jaga jadi kerana Shah Alam adalah lambang ialah Masjid Negeri Shah Alam menjadi simbol keagamaan bagi Negeri di Shah Alam. Tuan Speaker saya janji dengan Hulu Kelang saya berhenti setakat ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang. Sila.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih. *Bismilahir Rahmannir Rohim*, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengingatkan pada sidang yang lalu saya telah mengupas dan telah berkongsi tentang apa yang telah disajikan oleh pemikir ulung Islam Ibnu Khaldun di dalam meneliti tamadun pemerintahan dan kerajaan. Di mana pada permulaan kerajaan yang baru biasanya dia akan menetapkan cukai yang dominan. Kalau Kerajaan Islam berdasarkan zakat 2.5% dan kemudian kutipannya besar kerana kesejahteraan dan kegembiraan, kepuasan rakyat tidak tertekan untuk membayar cukai yang tinggi. Tetapi apabila kerajaan itu bertambah usianya dari satu dekad ke satu dekad hingga empat atau lima dekad maka mulalah dia membazir, bermewah-mewah, membebankan negara dan kerajaan dengan satu tanggungan perbelanjaan yang agak tinggi. Dan itu menyebabkan dikenakan cukai yang tinggi, dan kita tahu bahawa Barisan Nasional telah berada lebih daripada 50 tahun memerintah Malaysia dan baru dicabar sekitar pada tahun 2008 dan kita lihat bahawa kesungguhan, ketinggian azam Kerajaan Barisan Nasional untuk melaksanakan GST. Adalah lambang keruntuhannya yang akan berlaku tidak lama lagi. Dan saya telah tadi menarik perhatian Sungai Burong tentang satu perkara yang sangat penting tetapi tidak diendahkan. Untuk rekod dewan saya ingin menegaskan bahawa hukum khazaf ini serius di mana Allah menegaskan diantara kesalahannya adalah di samping dihukum dengan hukum hudud dikenakan dengan hukuman berat (bahasa Arab) tidak boleh dijadikan saksi, dipegang saksinya sampai bila-bila (bahasa Arab) dan mereka itu adalah golongan yang fasik. Bagi bapa-bapa Muslim yang ada anak perempuan dia akan menjadi wali tidak sah dia menjadi wali, tengoklah buka kitab mana-mana pun mazhab mana-mana sekali pun tidak sah dia sebagai saksi, tidak sah dia menjadi wali untuk menikahkan anaknya kalau itu berlaku telah diingatkan oleh Dr Yusuf Qardawi kemungkinan besar hidup anaknya itu dalam perzinaan. Dia mendapat zuriat, cucu-cucu yang adalah daripada anak luar nikah. Jadi perkara ini penting dalam isu

politik bukan memberi kenyataan dalam sidang dewan keluar press PC di bawah ke Padang Masyhar. Jadi saya telah menjalankan tugas saya, saya sebagai seorang Islam mengingatkan saudara-saudara kita bahawa isu khazaf sangat serius. Fasik itu *conform* isu tidak membawa 4 orang saksi dan saya ingin menegaskan bahawa isu *Maqasid Syariah* menyahut seruan dan permintaan bahkan arahan daripada Dato' Menteri Besar. Saya menyentuh kalau Sri Andalas menyentuhnya takkan Hulu Kelang menyentuhnya cuma saya ingin tegaskan yang mengasaskan konsep *Maqasid Syariah* berasal daripada Usulfik yang telah ditulis oleh dirangkum dengan begitu kemas oleh Iman Syafie telah ilmu nasib mengasaskan satu pemikiran kebebasan. Kebebasan dalam mengkritik kalam Allah, ilmu Almasih berkaitan dengan pengkaji kalimah-kalimah Allah ayat Al-Quran, nak tanya boleh sila.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang sambung esok.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tanya esok saya beri laluan kerana besok Speaker dia akan beri masa kepada saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik-baik Ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga hari esok 02 April 2015 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )